

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid IV
1998

Bil. 22

Hari Rabu

12 Ogos

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH:

- Y. B. Puan Karimah binti Mohd. Nor (Ruangan

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU (Ruangan

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan

RANG UNDANG-UNDANG:

- **Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998** (Ruangan)

- Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 1998 (Ruangan)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,
P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T.,
P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat,
P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah
bin Gaddam, P.G.D.K., P.S.M., J.S.M. (Dilantik)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum
(Dilantik)

“ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

“ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

“ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P.
(Melaka)

“ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)

“ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)

“ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

“ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M.
(Kedah)

“ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

“ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)

“ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)

- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato’ Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- Muthandi “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- ” Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)

- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)

- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara : Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat

Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.
Hajah Supiah binti Dewak
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Nora'ini binti Hetam
Miskiah binti Hassan

Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin
bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 12 Ogos 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli Yang Berhormat yang baru dilantik itu dapat memberi sumbangan beliau yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

SISTEM SALURAN GAS KE SELURUH NEGARA - KEMAJUAN DICAPAI

1. **Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang** minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan yang dicapai di dalam menyalurkan gas melalui sistem saluran paip di seluruh Semenanjung Malaysia daripada loji gas cecair di Terengganu untuk kegunaan dalam negeri oleh Petronas dan anggaran bekalan gas hingga berapa tahun lagi yang boleh dicarigali di pesisir negeri Terengganu.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, Petronas telah melaksanakan projek penggunaan gas Semenanjung atau Peninsular Gas Utilization (PGU), projek untuk menggalakkan penggunaan gas Semenanjung Malaysia. Projek PGU ini dilaksanakan dalam tiga fasa iaitu:

Fasa 1 yang disiapkan dalam tahun 1984, mengandungi sebuah loji memproses 250 juta kaki padu gas sehari. Sebuah terminal eksport dan sebuah saluran paip utama sepanjang 32 kilometer dari GPP. Sistem tersebut disambung kepada industri-industri yang berkaitan serta penjana elektrik di Pantai Timur Semenanjung Malaysia di samping ke sistem rangkaian gas bagi bandar Kertih.

Fasa 2 yang disiapkan pada tahun 1992 mengandungi tiga buah GPP tambahan dengan kapasiti memproses 250 juta kaki padu gas sehari setiap satu dari saluran paip utama sepanjang 730 kilometer yang dibina dari Kertih hingga ke Johor Bahru dan Singapura dan diteruskan sehingga ke Lembah Klang. Fasa tersebut juga mengandungi kemudahan-kemudahan berkaitan bagi membekalkan gas ke penjana elektrik dan kawasan perindustrian serta kediaman.

Fasa 3 yang disiapkan pada penghujung tahun 1997 melibatkan penyambungan saluran paip sepanjang 450 kilometer dari Meru, Selangor ke utara hingga ke Pauh, Perlis. Di samping itu, dua buah GPP baru sedang dibina dengan kapasiti memproses 500 juta kaki padu gas sehari setiap satu serta kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan. Salah sebuah dari GPP tersebut dijangka siap pada penghujung tahun ini manakala sebuah lagi dijangka siap pada tahun 1999.

Buat masa ini anggaran rizab gas yang terdapat di luar pantai Semenanjung Malaysia adalah 36.6 trilion kaki padu. Jangka hayat rizab gas di Semenanjung Malaysia bergantung kepada projek-projek yang telah dan akan dilaksanakan. Sekiranya terdapat penemuan medan gas baru, jumlah besar rizab gas di Semenanjung Malaysia akan meningkat dan ini bermakna usia rizab gas tersebut dipanjangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kadar bekalan dan penggunaan gas pada masa ini, rizab gas di seluruh Malaysia dijangka dapat bertahan kira-kira 40 tahun.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya yang hujung sekali-sekala dapat menanya soalan tambahan. Soalan tambahan saya berkenaan dengan gas ini, saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan memandangkan setakat ini kita mempunyai rizab sebanyak 36.6 trilion kaki padu dan sebagainya. Saya hendak tahu daripada gas yang sekarang ini disedut daripada medan gas melalui pesisir pantai Terengganu, berapa banyak gas yang tersedut daripada kawasan medan gas negeri Pahang Darul Makmur kerana sudah wujud pada satu ketika kajian yang dibuat. Saya difahamkan fail ini masih lagi wujud di kutubkhanah Petronas dan sebagainya yang menyatakan gas seperti di Terengganu pun wujud di kawasan pesisiran laut negeri Pahang. Jadi saya hendak tanya bagaimana dia boleh tahu adakah gas yang disedut itu khusus dari negeri Terengganu dan dengan itu Terengganu mendapat royaltinya ataupun tersedut sedikit dari negeri Pahang dan berapa banyak yang tersedut dari negeri di sebelah utara, negeri sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim. Terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, masalah gas ini memanglah yang banyak di perairan negeri Terengganu sebab itulah dibuat untuk mendapatkan gas ini di negeri Terengganu. Kita tidak dapat kepastian sama ada tersalah sedut daripada mana hasil minyak dari negeri-negeri lain. Sebab itu setakat

ini yang kita tahu adalah berasingan, maknanya yang dibuat sekarang ini kalau di Terengganu, minyak itu adalah datangnya dari Terengganu.

Bagi negeri Pahang memang kita telah buat kajian beberapa kali tetapi saiznya tidak begitu besar jadi tidak ekonomik untuk digunakan setakat ini. Walau bagaimanapun perkara ini masih dijalankan lagi untuk menentukan sama ada benar-benar perkara ini boleh mengeluarkan gas daripada perairan negeri Pahang.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membetulkan, dia kata di negeri Pahang kurang besar, jadi saya diberitahu hak di Pahang yang lebih besar sekali. *[Ketawa]*.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Maklumat yang saya dapat memang tidak ekonomik untuk dikeluarkan gas, jadi sebab itulah tidak dijalankan sebab kalau kita hendak menjalankan sesuatu projek yang besar ini mestilah kerajaan menentukan benar-benar ia ekonomik memberi hasil kepada negara kita.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, setakat makluman daripada Dato' dan kerajaan kepada kita, sekarang ini kita sedang menyiapkan GPP, dengan izin Gas Processing Plant Lima dan Enam dan dijangka siap dalam tahun 1999. Dan mengikut rancangan Petronas dan kerajaan berkemungkinan kita hendak melaksanakan GPP ini sehingga ke GPP Dua Belas.

Apakah pendirian kerajaan untuk melanjutkan projek tambahan tujuh hingga dua belas dan keduanya, berapakah syarikat antarabangsa dan tempatan di Malaysia ini yang mendapat faedah daripada sumber gas ini terutama sekali kilang-kilang yang ada di persisiran pantai Terengganu dan Pahang yang dapat faedah daripada sumber gas ini terutamanya industri-industri yang berkaitan dengan petrokimia. Selain daripada Syarikat Petronas Carigali apakah syarikat-syarikat yang berkaitan dengan carigali ini yang kita lantik dari negara-negara luar. Terima kasih.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat hendak berikan secara khusus mengenai syarikat-syarikat yang terlibat tetap oleh

kerana GPP ini merupakan projek yang besar melibatkan syarikat dari dalam negara dan juga luar negara. Saya percaya kalau kita melaksanakan beberapa lagi GPP di masa yang akan datang kerajaan juga akan melibatkan sama ada syarikat-syarikat daripada dalam negara dan juga daripada luar negara.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah keselamatan yang telah diambil oleh kerajaan untuk menjaga keselamatan awam bila berlaku sesuatu bencana akibat daripada gas yang disalurkan oleh paip.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Kita sentiasa mengambil langkah keselamatan pertama, paip-paip kita ini ditanda lalu di tempat-tempat tertentu. Selain dari itu kita ada pegawai penguatkuasa yang sentiasa melawat sepanjang paip yang kita ada. Jadualnya sentiasa dibuat sebab kalau apa-apa berlaku maka pegawai ini akan mengambil tindakan segera, inilah di antara langkah yang utama yang kita laksanakan. Sebab itulah kita yakin sebelum kita melaksanakan paip ini, sudah barang tentu masalah keselamatan ini dijadikan keutamaan.

BELIA INDIA - PENINGKATAN DALAM KEGIATAN JENAYAH

2. **Datuk Zainudin bin Maidin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kementerian sedar sejak akhir-akhir ini terdapat peningkatan yang serius belia-belia India dalam kegiatan-kegiatan jenayah yang berat seperti rompakan dan pembunuhan. Jika benar, maka apakah sebab-sebabnya dan adakah keadaan ini membimbangkan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, antara bulan Januari hingga Jun tahun ini seramai 3,657 orang telah ditangkap kerana disyaki terlibat dengan jenayah kekerasan. Daripada jumlah tangkapan ini terdapat seramai 491 orang adalah mereka yang terdiri dari rakyat kita berketurunan kaum India. Iaitu kira-kira 13.43% tangkapan itu melibatkan kaum India. Kalau

sekiranya kita bandingkan dengan jumlah tangkapan dalam enam bulan untuk semua jenis jenayah tidak keras ataupun harta benda, peratus yang melibatkan kaum India adalah kurang iaitu 8.96%.

Sebab-sebab penglibatan etnik India dalam kes-kes bercorak keganasan adalah sukar untuk diramal. Pada umumnya ianya boleh dihubungkan dengan masalah sosio-ekonomi dan kebanyakan belia India yang terlibat dalam jenayah adalah mereka yang terdiri daripada mereka yang tercalar dalam pendidikan dan juga mereka yang mempunyai latar belakang keluarga yang kurang berharmoni.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya daripada 3,687 tangkapan selain daripada kaum India apakah pecahan-pecahan bagi kaum-kaum yang lain dan daripada tangkapan tersebut berapa banyakkah melibatkan anak-anak pendatang asing yang berada di negara kita.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta maaf kerana statistik yang saya bawa hari ini hanya statistik yang berkaitan dengan kaum India yang melibatkan diri untuk pendatang tanpa izin sepanjang ingatan saya kalau jenayah kekerasan adalah di antara 6% hingga 10% dilakukan oleh pendatang asing. Dan bagi keseluruhan jenayah yang melibatkan pendatang asing adalah dalam lingkungan 2% hingga 2.5% pada keseluruhannya.

Jadi ini adalah satu tahap yang terkawal dan etnik lain saya minta maaf kerana saya tidak bawa hari ini.

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang diakui remaja kaum India dan semua masyarakat remaja terlibat dalam kes-kes jenayah. Perkara ini terjadi kerana persekitaran tempat tinggal mereka tidak langsung mempunyai kemudahan infrastruktur seperti bekalan elektrik, jalan.....

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahan?

Tuan N. Marimuthu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit penjelasan. Tidak mempunyai kemudahan infrastruktur. Kebanyakan mereka tinggal di kawasan setinggan kerana kerajaan dan lain-lain pihak membuat projek-projek di kawasan yang mereka tinggal, disebabkan itulah maka terjadinya masalah seperti ini. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membanteras masalah ini dan apakah pertolongan untuk menyelesaikan masalah remaja ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, dari segi penguatkuasaan pihak Polis Diraja Malaysia sentiasa buat rondaan dan juga memberikan ingatan dan juga melalui mediamassa kita hendak ingatkan semua rakyat Malaysia tidak kira bangsa supaya jangan sekali-kali melakukan jenayah dalam apa keadaan pun. Biar miskin atau kaya kerana kemiskinan itu tidak boleh dijadikan satu alasan untuk melakukan jenayah kerana jenayah itu adalah sesuatu yang merugikan orang lain. Dan semua kaum ada kemiskinan. Jadi kerajaan berharap melalui peningkatan kesedaran sosial dan semua wakil rakyat bantulah sama supaya kita ada satu imej yang lebih baik untuk kita tidak kira latar belakang. Kita tidak mahu sesuatu kegiatan itu dihubungkan dengan mana-mana satu kaum, itu tidak sihat dan kita tidak mahu nampak keadaan itu.

Tuan Yim Chee Chong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan kegiatan kongsi gelap India. Saya tahu macam mana aktiviti kongsi gelap Cina, tetapi susah hendak dengar aktiviti-aktiviti kongsi gelap kaum India. Oleh itu saya ingin bertanya Timbalan Menteri bolehkah beritahu sedikit tentang kongsi gelap India di negara kita ini? Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Itu lain soalnya.

Tuan Yim Chee Chong: Berkenaan dengan jenayah, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu ada berkaitan...

Tuan Yang di-Pertua: Itu kena hadir satu kursus.

Tuan Yim Chee Chong: Kursus bagi siapa?

Tuan Yang di-Pertua: Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan M. G. Pandithan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita ada membaca dalam surat khabar dua orang pemuda dari masyarakat India telah ditembak mati. Saya ingin dapat tahu sehingga hari ini berapa ramaikah yang disyaki penjenayah telah ditembak mati oleh pihak polis? Juga pada awal tahun ini ada insiden yang timbul kontroversi iaitu isterinya telah mengadu kepada pihak polis bahawa suaminya tidak melakukan apa-apa kesalahan langsung tetapi ditembak mati. Apakah siasatan dan keputusan polis?

Tuan Yang di-Pertua: Itu lain soalnya. Soalan No. 3 Tuan Ibrahim bin Daud.

Puan Hajah Ramlah bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 3.

LORI HANTU - USAHA PENGAWASAN DAN MENGESAN

3. **Puan Hajah Ramlah binti Kassim [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah pengawasan dan tindakan yang diambil oleh JPJ untuk mengesan beberapa lori hantu yang tidak berdaftar yang digunakan di tapak-tapak projek pembangunan yang kadangkala ada juga menggunakan jalan raya berhampiran tanpa lesen, cukai jalan dan liputan insurans berleluasa di luar bandar, pekan-pekan kecil dan kawasan di luar Wilayah Persekutuan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, bagi mengawasi kegiatan kenderaan berat yang tidak berdaftar ataupun lori hantu yang menggunakan jalan-jalan raya yang berhampiran dengan tapak-tapak projek pembangunan, Jabatan Pengangkutan Jalan ataupun (JPJ) kerap mengadakan penguatkuasaan terhadap lori-lori tersebut. Program penguatkuasaan terhadap lori-lori hantu ini merupakan salah satu program

penguatkuasaan JPJ yang dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Mengikut perangkaan yang dikumpul oleh pihak JPJ, pada tahun 1996 sejumlah 43 kes kesalahan kenderaan berat tidak berdaftar ataupun lori hantu telah diambil tindakan undang-undang. Pada tahun 1997 pula sebanyak 81 kes, sementara pada tahun ini sehingga Jun sejumlah 20 kes bagi kesalahan yang sama telah pun diambil tindakan undang-undang. Sekian.

Tuan Long bin Jidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di kawasan tanah tinggi Cameron Highlands terdapat pemilik-pemilik pacuan empat roda yang sama tarafnya dengan lori hantu. Jadi soalan saya, adakah JPJ ataupun Kementerian mempunyai kerjasama dengan pihak-pihak pemilik kenderaan tersebut? Sekian, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sama ada kenderaan pacuan empat roda ini merupakan lori hantu kah?

Tuan Long bin Jidin: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya taraf kenderaan pacuan empat roda itu sama dengan lori hantu juga, tidak ada road tax dan rupanya pun macam hantu.

Dato' Chor Chee Heung: Untuk makluman Dewan yang mulia ini, memang JPJ tidak mempunyai apa-apa pakatan dengan pemilik-pemilik kenderaan tersebut. Kemungkinan four-wheel drive atau pacuan empat roda ini hanya digunakan di tapak-tapak di mana kegiatan agriculture dengan izin, dijalankan. Tetapi macam mana pun, saya percaya oleh kerana Yang Berhormat sudah bangkitkan saya akan beritahu JPJ supaya mereka dapat menyiasat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita dapati terlalu ramai lori-lori hantu ataupun pemaju-pemaju ataupun pengusaha-pengusaha yang menggunakan lori-lori hantu ini di kawasan balak, kawasan-kawasan yang baru dibuka dan keadaan ini memperlihatkan seolah-olah pihak JPJ memberi

satu kelonggaran. Apakah masalah ini dapat dikesan oleh pihak kerajaan dan apakah langkah-langkah yang sewajarnya diambil untuk menjaga kepentingan pekerja-pekerja yang terlibat dengan memandu lori-lori hantu ini? Sebab bila berlaku kemalangan misalnya di kawasan-kawasan yang disebut tadi sudah tentu banyak masalah yang akan timbul.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak benar sama sekali iaitu pihak JPJ tidak menjalankan penguatkuasaan. Sebenarnya seperti yang saya katakan dalam jawapan asal, JPJ senantiasa mengambil tindakan dari semasa ke semasa. Tetapi memang benar terdapat banyak lagi lori-lori hantu yang menggunakan jalan raya, di mana mereka sepatutnya tidak diberi kebenaran untuk bergerak di jalan raya, kecuali mereka bayar road tax dan bayar insurans, Jika lori-lori hantu ini didapati bergerak dalam tapak-tapak pembangunan di mana tidak ada jalan raya, dan tapak-tapak pembangunan ini masih belum disempurnakan, mereka boleh bergerak di situ tetapi yang utama sekali ialah mereka harus, sebelum mereka menggunakan lori-lori hantu ini bergerak di mana pun, pendaftaran dengan pihak JPJ harus dibuat terlebih dahulu.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin menyoal adakah tidak boleh pihak kerajaan menghapus langsung kegunaan lori-lori hantu di mana-mana sekali pun?

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, apa yang ditanya oleh Yang Berhormat memang saya percaya tidak begitu wajar ataupun munasabah, sebab tak mungkin pemilik-pemilik lori membeli lori baru, dan menggunakan semua kenderaan lori-lori baru ini dalam tapak pembangunan. Dan saya percaya jika JPJ dan pihak kerajaan dapat mengawal situasi ini dengan baik, maka tidak akan mendatangkan sebarang masalah, walaupun lori-lori hantu yang berdaftar dapat bergerak dan diguna di tapak-tapak pembangunan ataupun di ladang-ladang.

KEGAWATAN EKONOMI - TINDAKAN PEMULIHAN

4. **Puan Hajah Habshah binti Haji Osman** minta Perdana Menteri menyatakan apakah arahan tindakan pemulihan ekonomi yang telah dikeluarkan oleh MTEN dan setakat ini sejauh manakah arahan tersebut dilaksanakan di peringkat kementerian dan negeri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa keputusan dan arahan untuk memulihkan ekonomi negara adalah dibuat oleh kerajaan atas nasihat Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan Jemaah Menteri. Sebagai badan penasihat kepada kerajaan, MTEN tidak mengeluarkan sebarang arahan bagi pemulihan ekonomi negara. Langkah-langkah untuk menangani masalah ekonomi negara dan memulihkannya sedang giat dilaksanakan di semua kementerian, agensi awam dan kerajaan negeri. Keputusan yang dibuat dalam mesyuarat-mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan Jemaah Menteri sedang dilaksanakan. Bagi menangani masalah yang dihadapi oleh bank dan sektor kewangan, kerajaan telah menubuhkan syarikat urus Dana harta dan syarikat Danamodal baru-baru ini dan penurunan kadar pinjaman asas atau BLR. Untuk menarik masuk dana asing dan bagi membantu sektor hartanah, kerajaan telah memberi kebenaran bagi setiap hartanah yang ada yang bernilai lebih daripada RM250,000 dijual kepada orang asing. Seperti dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Negara kerajaan juga telah menggariskan tindakan-tindakan memulihkan semua sektor-sektor yang terjejas oleh kemelesetan ekonomi. Kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan telah diminta untuk melaksanakan keputusan seperti dalam pelan pemulihan itu. Dalam pada itu kerajaan-kerajaan negeri telah juga diminta untuk melaksanakan keputusan-keputusan tersebut terutama yang berhubung dengan perkara-perkara di bawah bidang kuasa kerajaan negeri seperti tanah dan kuasa kerajaan tempatan.

Dato Haji Mohd. Zuki bin. Kamaluddin: Terima kasih Tuan Yang di Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bertanya soalan tambahan. Saya

yakin penuh kepada rancangan MTEN. Satu, dua, tiga, empat, lima, enam rancangan untuk memulihkan ekonomi negara kita. Tuan Yang di Pertua, mengapa keyakinan negara-negara luar kepada negara kita masih lagi meleset, apakah sebabnya, untuk kita memberi keyakinan, penghormatan kepada negara kita ini lambat sangat, dengan izin, *restoring market confidence to our country is very slow*, Tuan Yang di Pertua.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di Pertua, MTEN telah mengadakan enam matlamat pelan pemulihan, sudah tentulah dengan enam matlamat ini kita berharap bahawa keyakinan kepada negara kita akan pulih, tetapi kita juga harus ingat bahawa keyakinan ini bukan sahaja bergantung kepada tindakan yang kita ambil. Keyakinan ini juga adalah berdasarkan kepada faktor-faktor luaran yang bukan di bawah kawalan kita, dan pada ketika ini kalau kita lihat pada keadaan ekonomi di dunia, atau stock market di dunia, juga memberi kesan kepada kita. Jadi saya kira, lama kelamaan langkah-langkah yang kita buat ini dan kita ada sedikit pemulihan diglobal, maka kita yakin bahawa langkah-langkah ini akan timbul keyakinan, dan ekonomi negara kita akan pulih perlahan-lahan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di Pertua, walaupun pemulihan ekonomi negara kita ini slow, tetapi saya ucapkan syabas kepada kerajaan dan MTEN kerana sampai sekarang kita belum sampai lagi menerima pakej IMF. Maknanya kita tidak payah tunduk kepada IMF sebab negara-negara yang menerima pinjaman IMF pun masalah ekonomi mereka masih berlarutan, malah lebih buruk. Jadi, saya hendak tahu bagaimanakah Modus Operandi MTEN dari segi harian, bagaimana MTEN bekerja dari segi harian, Modus Operandi harian, sebab lonjakan ekonomi naik turun tiap-tiap hari, seperti Bursa Saham Kuala Lumpur, seperti masalah nilai Ringgit turun naik. Macam dalam TV selalu kita tengok laporan kedudukan nilai Ringgit, selalu TV sebut bercampur-campur tidak berubah naik turun, forex, jadi bagaimana Modus Operandi MTEN hubung kait dengan gerakan harian lonjakan ekonomi. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di Pertua, sebenarnya saya telah beritahu dan kita tahu semua bahawa tiap-tiap pagi Exco MTEN dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir, Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Tugas-tugas Khas dan dua lagi exco berbincang tiap-tiap pagi dan monitor buat pemantauan tentang apa yang berlaku dalam ekonomi kita hari sebelumnya dan hari yang akan datang agar kita dapat bertindak segera jika timbul apa-apa masalah dan secara detail, saya pun tak tahulah, tetapi saya rasa tiap-tiap pagi memang ada perjumpaan.

Dato' Ghazi bin. Haji Ramli: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih, kerana Tuan Yang di Pertua memberi peluang, tajuk ini amat mustahak lebih-lebih lagi saya tertarik kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab perkara ekonomi MTEN ini ialah orang yang pertama sekali mewakili Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas untuk membuat pengumuman sebelum pengumuman detail dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Jadi, saya tertarik dengan penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kerjasama di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri. Oleh kerana masalah ini masalah amat kritikal dan besar dan kita berhajat untuk mendapat keberkesanan dan hasil yang baik dengan cepat dan tepat. Saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah pendekatan yang baru yang mungkin merupakan ciri anjakan paradigma dari segi hubungan dan kaitan koordinasi di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Sebab lepas-lepas hal-hal lain selalu kita dengar saya sendiri di peringkat negeri bila berbincang ada ruang yang agak besar di mana perkara ini dijadikan masalah. Terima kasih Tuan Yang di Pertua.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di Pertua, apabila MTEN membuat cadangan-cadangan, maka sekarang ini kerajaan negeri harus ikut dan cadangan-cadangan ini ialah untuk penyelarasan, misalnya, kalau saya boleh beri contoh, berkenaan dengan perumahan selepas enam bulan, kalau tidak boleh beli, maka boleh

jual kepada bukan bumiputera. Jadi dalam hal ini banyak kerajaan negeri ada bermacam-macam cara, ada yang tangguh, tetapi sekarang kalau kita lihat cadangan yang dibuat oleh MTEN peruntukan rumah kuota bumiputera dibeli oleh kerajaan negeri dahulu, kalau tidak boleh selepas enam bulan boleh jual kepada bukan bumiputera. Jadi ini diselaraskan sebab tiap-tiap negeri itu ada sistemnya, kerajaan tempatan ada sistemnya dan dengan adanya MTEN misalnya, dia diselaraskan. Ataupun sekarang ini seperti yang saya katakan tadi Tuan Yang di Pertua, landed property yang berharga RM250,000 itu boleh dijual kepada warganegara asing. Dahulu kita boleh tengok kerajaan negeri berbeza-beza, Johor ada cerita dia, kerajaan Pulau Pinang dia ubah sikit sana sini, maka dengan adanya arahan-arahan MTEN ini maka semua kerajaan negeri selaras dan ikut yang dicadangkan oleh MTEN ini dan Jemaah Menteri.

SKIM BANTUAN KEWANGAN UNTUK USAHAWAN BUKAN BUMIPUTERA

5. Puan Sri Sarasa Pasamanickam minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan apakah skim-skim bantuan kewangan yang ada untuk usahawan bukan bumiputera.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:

Tuan Yang di Pertua, pada dasarnya kemudahan-kemudahan pembiayaan yang disediakan oleh kerajaan adalah untuk manfaat semua golongan usahawan tanpa mengira sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera. Pada masa ini terdapat sekurang-kurangnya 31 skim ataupun tabung yang disediakan oleh kerajaan untuk memenuhi keperluan pembiayaan golongan usahawan di negara ini. Jadi jumlah tersebut hanya tiga skim sahaja dikhususkan untuk usahawan bumiputera, Tabung Usahawan Baru (TUB), Tabung Industri Bumiputera (TIB) serta skim-skim pembiayaan secara Islam yang dikendalikan oleh MARA. Pewujudan skim ini adalah

perlu memandangkan usahawan bumiputera masih ketinggalan dalam menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan. Di samping itu, ianya bertujuan untuk memberi galakan kepada usahawan bumiputera untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera ataupun MPBB serta melahirkan golongan menengah bumiputera.

Pada masa ini usahawan bukan bumiputera yang mendapat kemudahan pembiayaan bagi beberapa skim utama adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan usahawan bumiputera sama ada dari segi bilangan ataupun dari segi nilai pinjaman. Perbandingan kelulusan pembiayaan untuk bumiputera dan bukan bumiputera bagi Skim Jaminan Utama (SJU) di bawah CGC dan Tabung Untuk Makanan (TUM) serta Tabung Industri Kecil dan Sederhana ataupun TIKS sehingga 31 Julai, 1998 adalah seperti berikut:

Untuk Skim Jaminan Utama di bawah CGC yang merupakan skim yang menggambarkan keseluruhan cagaran yang telah diberi oleh CGC nilai untuk kaum bumiputera ialah RM49 juta di mana nilai untuk bukan bumiputera ialah RM100 juta.

Untuk Tabung Makanan nilai untuk usahawan bumiputera ialah RM80 juta di mana nilai untuk usahawan bukan bumiputera ialah RM278 juta.

Tabung industri kecil dan sederhana pula nilai untuk usahawan bumiputera RM103 juta dibandingkan dengan nilai RM149 juta untuk bukan bumiputera. Oleh itu, bagi mempertingkatkan lagi bilangan penglibatan bumiputera dalam perniagaan maka kerajaan telah mewujudkan tiga dana khusus tadi untuk usahawan bumiputera.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang telah mengadakan banyak skim dan kita dapati banyak di antara dana yang disediakan oleh kerajaan dan Kementerian banyak dipergunakan oleh bukan bumiputera. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kerajaan, setakat ini sejauh manakah rancangan

kementerian dan kerajaan dalam membentuk beberapa pakej usahawan yang bukan bumiputera yang telah berjaya dan yang amat berjaya untuk membantu usahawan pertengahan dan kecil bumiputera, dan apakah bentuk-bentuk pakej, skim ataupun perkongsian yang harus kita bangunkan, kerana kita tahu bahawa sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tadi kedudukan usahawan bumiputera amat ketinggalan berbanding dengan bukan bumiputera.

Dato' Idris bin Jusoh: Di samping skim-skim yang telah dikatakan tadi, di kementerian kita ada satu skim yang kita sebutkan Skim Galakan Usahasama, di mana usahawan-usahawan bumiputera dan bukan bumiputera digalakkan untuk bergabung dan kita menyiapkan skim khas supaya satu perkongsian pintar wujud di antara bumiputera dan bukan bumiputera. Ini diselaraskan bersama dengan Dewan Perniagaan Melayu dan juga dengan Dewan Perniagaan Cina dan juga dengan Dewan Perniagaan India. Dari masa ke semasa sememangnya kementerian menggalakkan perkongsian pintar wujud di kalangan bumiputera dan bukan bumiputera supaya wujudnya jalinan yang lebih erat di antara usahawan-usahawan di negara kita.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah masalah sebenarnya, kerana kalau menurut laporan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, bumiputera dari segi tiga perkara yang disebutkan tadi satu pun tidak dapat menyamai pengusaha-pengusaha bukan bumiputera. Apakah sebabnya masalah utama bumiputera terus ketinggalan di dalam bidang ini?

Dato' Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian yang telah dibuat oleh kementerian dan juga oleh Universiti Kebangsaan tidak berapa lama dahulu didapati di antara faktor utama yang membuat bumiputera masih lagi ketinggalan ialah kerana sikap keusahawanan di antara bumiputera itu masih lagi berkurangan dibandingkan dengan sikap-sikap keusahawanan yang wujud di kalangan bukan bumiputera. Ini boleh diatasi dengan beberapa cara, antaranya meningkatkan

lagi pendidikan untuk kaum bumiputera untuk mengubah sikap mereka dan juga menjana sikap keusahawanan ini, kalau dahulunya kita lihat telah banyak perubahan yang berlaku di mana kini kita telah lihat ramai usahawan bumiputera yang ingin menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Kita lihat kebelakangan ini program-program proaktif ataupun yang telah dilakukan oleh kementerian telah banyak mengubah sikap bumiputera dan menambah bilangan bumiputera dari masa ke semasa.

**KERUGIAN JKR AKIBAT KECURIAN AIR, PAIP PECAH DAN BOCOR –
JUMLAH DARI TAHUN 1995 HINGGA 1997**

6. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah kerugian pada tahun 1995, 1996 dan 1997 yang dialami oleh kerajaan akibat:-

- (a) kecurian bekalan air;
- (b) paip pecah akibat kegiatan kerja-kerja kontrak; dan
- (c) paip bocor akibat keusangan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoon Seng]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya kes kecurian bekalan air, paip pecah akibat kegiatan kerja-kerja kontrak dan paip bocor akibat keusangan adalah dirangkumi di bawah perkiraan kehilangan hasil air, dengan izin, non-revenue water yang secara purata bagi seluruh negara berada di tahap 36%. Daripada ini, 12% adalah disebabkan kecurian air, 16% kehilangan air akibat paip bocor dan 8% kehilangan atas sebab-sebab lain.

Sehubungan dengan ini, anggaran kerugian yang disebabkan kecurian air untuk seluruh negara ialah RM227 juta untuk 1995, RM236 juta untuk 1996 dan RM240 juta untuk 1997. Anggaran kerugian akibat paip bocor bagi seluruh negara

dianggarkan RM303 juta untuk 1995, RM315 juta untuk 1996 dan RM321 juta untuk tahun 1997.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya amat terperanjat sekali mendengarkan air non-revenue begitu tinggi, pukul rata hampir setengah bilion, yang bocor, yang dicuri. Jadi, saya hendak tahu apakah pengawalan yang dibuat untuk menentukan supaya kecurian dan kebocoran ini tidak berlaku. Kerana kalau ada pemantauan, ada mekanisme tertentu untuk mengawasi, saya fikir kehilangan ini mungkin dapat diturunkan. Saya hendak tanya juga berapakah jumlah kalau kita hendak perbaiki paip-paip ini, apakah estimate, anggaran kerajaan perbelanjaan yang diperlukan. Adakah ini disebabkan kerana wujudnya penswastan di peringkat pengeluaran at source, dengan izin, dan negeri ataupun kerajaan tempatan terpaksa mengambil pengendalian untuk menghasilkan air ini ke rumah-rumah dan dengan kerana itu bertanggungjawab untuk memperbaiki paip-paip usang yang bocor dan juga memperbaiki dan mengawasi dari segi kecurian ini. Dengan keadaan itu macam mana tanggungjawab kerajaan?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, kerugian air seperti tiga faktor saya katakan tadi, iaitu paip bocor, kecurian dan juga faktor-faktor yang lain. Sememangnya sistem yang terbaik di dunia juga tidak dapat mengawal 100%. Di mana-mana tempat terbaiknya 90% sahaja. Berertinya, 10% masih hilang non-revenue water. Bagi negara kita paling tinggi ialah paip yang telah usang. Kita tahu paip-paip ini telah dipasang lama, 30 atau 35 tahun, semasa prewar. Memang banyak PVC paip sudah bocor dan kita perlu juga sentiasa menyalurkan air dengan paip lebih besar lagi. Ini adalah kerja-kerja raticulasi. Raticulasi ertinya, kita sambung paip

saluran air. Piping system ini memakan belanja tinggi. Kecurian ini memang berlaku dan kita akan sentiasa mengambil tindakan untuk mengesan di mana air dicuri.

Sebenarnya bidang ini di bawah bidang kerajaan negeri. Kita boleh tahu kecurian memang sangat ketara, di mana adanya kilang-kilang. Mereka sambung paip sebelum meter. Kita pun tidak dapat tahu. Tetapi sekarang oleh kerana kita ada masalah air baru-baru ini, kita sentiasa membuat siasatan di merata-rata tempat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih di atas jawapan daripada Kementerian Kerja Raya tadi. Kalau kita lihat dari segi kehilangan air, 36% saya rasa satu angka yang begitu besar. Ini belum lagi dicampurkan dengan bil-bil tertunggak yang tidak dibayar. Saya juga ingin mendapat maklumat daripada pihak kementerian berapakah bil-bil tertunggak yang tidak dibayar dan adakah pihak kementerian telah pun menjalankan kajian mengenai kehilangan air melalui non-revenue water ini dan apakah langkah-langkah yang sedang dirancangkan oleh pihak kerajaan – sama ada untuk menggantikan saluran-saluran air yang sudah tidak sesuai dan apakah bahan yang akan digunakan pada masa-masa yang akan datang – sama ada kita akan menggunakan PVC, paip yang sedia ada yang menggunakan alloy, kalau saya tidak silap alloy ya? Ataupun yang mempunyai bahan campuran yang ada reaksi chemical kalau tidak salah pengetahuan saya dan saya harap mendapat penjelasan daripada pihak kementerian.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tindakan-tindakan untuk menggantikan paip-paip yang bocor sedang dan akan terus dijalankan. Ini semua ditangani oleh pihak kerajaan negeri. Kementerian Kerja Raya telah pun menubuhkan Majlis Sumber Air Negara (MASAN) yang akan memberi nasihat teknikal dan juga memberi pinjaman mudah tanpa faedah (interest) dan juga kita akan menyelaras bekalan air di antara negeri. Ini semua sedang dijalankan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali : Tuan Yang di-Pertua, pertamanya kecurian bekalan air ini ialah 12%. Saya hendak bertanya adakah pihak kementerian bercadang untuk meminda undang-undang supaya dikenakan hukuman mandatori kepada mereka yang mencuri air sebab air ini penting sama dengan kayu balak. Kayu balak pun ada hukuman mandatori. Jadi, saya hendak tanya, adakah kerajaan bercadang sebab peratusnya tinggi sangat.

Selain daripada itu, kerja-kerja kontrak – paip pecah kerja kontrak. Adakah kementerian bercadang untuk meminda terma kontrak supaya menghukum kontraktor-kontraktor yang membuat kerja sewenang-wenangnya sehingga pecah habis paip-paip yang tidak patut pecah supaya diberi hukuman yang lebih setimpal supaya mereka berhati-hati. Ini cara hendak menangani masalah ini. Begitu juga paip bocor – ini paip bocor dengan pecah akibat kontrak ini menampakkan bahawa tahap profesionalisme Kementerian Kerja Raya ini belum memuaskan. Kalau ada penyelarasan yang baik di kalangan agensi-agensi yang terlibat saya percaya 16% campur 8% – 24% boleh diatasi dan 12% lagi itu kecurian boleh dibuat melalui hukuman yang lebih berat.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah cadangan yang baik, kita akan mengambil tindakan. *[Ketawa]*

KWSP – MEWAJIBKAN CARUMAN KEPADA PENDATANG ASING

7. **Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah terbaru kerajaan untuk mewajibkan caruman KWSP terhadap pekerja asing akan menyebabkan lebih banyak wang yang akan dibawa keluar pada masa hadapan, ini kerana majikan terpaksa membayar sekurang-kurangnya 12% dari gajinya setiap bulan dan ditambah dividen setiap tahun.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membuat keputusan untuk mewajibkan semua pekerja asing kecuali pembantu rumah mencarum dalam KWSP mulai 1 Ogos tahun ini. Walau

bagaimanapun, bagi mengawal pengaliran wang ke luar negeri dan mengurangkan beban ke atas majikan pada masa kegawatan ekonomi, pihak majikan hanya perlu mencarum RM5 sebulan sahaja bagi setiap pekerja asing yang mula mencarum pada atau selepas 1 Ogos 1998. Oleh itu, dasar baru ini dijangka akan dapat mengawal pengaliran wang ke luar negara.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyakkah jumlah wang yang dicarumkan oleh pekerja asing ke dalam KWSP setakat ini dan juga jumlah wang yang dibawa keluar – dikirim keluar, dibawa keluar oleh pekerja-pekerja asing ke negara-negara yang tertentu.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, setakat 11 Ogos ini sebanyak 929 pekerja asing sahaja yang telah didaftarkan sebagai ahli KWSP dan kalau mengikut maklumat yang baru sahaja kita perolehi daripada Jabatan Imigresen iaitu lebih kurang 600,000 orang pekerja asing yang telah diberikan pas untuk bekerja di Malaysia. Jadi, berdasarkan kepada setiap orang pekerja menerima upah sebanyak RM500 sebulan dan berdasarkan juga caruman itu adalah 11%, maka campur juga RM5, jadi setiap pekerja itu lebih kurang – daripada kedua-dua pihak itu akan mencarum RM60 seorang. Jadi, berdasarkan kepada 600,000 orang pekerja setiap bulan KWSP akan memperolehi lebih kurang RM36 juta.

Manakala memang terdapat banyak anggaran yang telah kita terima mengenai jumlah wang yang dibawa ke luar negeri oleh pekerja asing itu adalah berlainan tetapi lebih kurang kita fikir adalah dalam jangkauan RM3 bilion atau RM4 bilion setiap tahun.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah mekanisme yang digunakan oleh pihak KWSP untuk memantau bahawa semua pekerja asing ini didaftarkan untuk pembayaran KWSP dan juga kita tahu ada banyak kategori pekerja asing yang bekerja di negara ini – ada yang harian dan sebagainya.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, bagi orang-orang yang melanggar kesalahan untuk tidak mendaftar sebagai seorang ahli KWSP boleh dipenjarakan selama satu tempoh yang tidak melebihi 6 bulan atau didenda tidak melebihi RM2,000 atau kedua-duanya. Begitu juga bagi kesalahan yang tidak mencarum bulanan dalam KWSP, orang yang dibabitkan itu boleh dipenjarakan selama satu tempoh yang tidak melebihi 3 tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya.

Bagi masalah yang dihadapi oleh KWSP, pada keseluruhannya memang tidak menghadapi banyak masalah kecuali daripada tenaga pekerja ataupun komputer yang diperlukan untuk menjalankan kempen pendaftaran. Walau bagaimanapun, masalah seperti ini adalah diselesaikan dan rancangan untuk melawat kilang ataupun ladang yang mempunyai pekerja asing yang lebih dijalankan ataupun atas permintaan pegawai KWSP juga dapat mengaturkan pendaftaran di tempat itu. Walau bagaimanapun terdapat juga satu dua tempat di mana terdapat pekerja asing yang bermusim seperti yang terdapat di Padang Terap di mana pekerja itu adalah datang bermusim satu bulan ataupun dua bulan dan selepas itu dia balik juga ke sempadan antara Thailand dan Malaysia. Masalah seperti itu mungkin perlukan tinjauan ataupun pertimbangan khas. Kerajaan akan mengambil perhatian dan pertimbangan atas kes seperti ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kita mendengar bahawa buat masa sekarang ini ada lebih kurang 900 pendatang asing yang telah pun mendaftarkan diri untuk mencarum dalam KWSP. Kita tahu peraturan KWSP – apabila disebutkan mewajibkan bayaran, maknanya sesiapa yang tidak mendaftar di bawah KWSP sama ada majikan ataupun pekerja, mereka boleh dikenakan tindakan sebagaimana disebutkan tadi. Dalam masa yang sama kita tahu pendatang asing di negara kita buat masa sekarang ini – saya tidak tahulah angka yang terakhir, hari itu sampai 2 juta pendatang asing ataupun 1 juta lebih – yang mendaftar sekarang ini terlalu sedikit bilangannya berbanding dengan pendatang asing yang ada dalam negara kita. Apabila undang-undang ini diperkenalkan maknanya automatik bahawa tindakan boleh diambil. Jadi, bagaimanakah pihak kementerian hendak menyelesaikan perkara ini dan bilakah

berkuatkuasanya undang-undang mencarum dalam KWSP ini oleh pendatang asing telah pun diwartakan.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, angka yang kita perolehi daripada Jabatan Imigresen itu bagi pekerja asing adalah lebih kurang 600 ribu, ini bermakna walaupun terdengar angka-angka seperti 1.5 juta ataupun 2 juta bagi pekerja asing di dalam negara ini, jadi bagi pihak KWSP, definisi yang kita gunakan sebagai untuk mengklasifikasikan pekerja asing itu ialah pekerja warganegara asing yang bekerja di Malaysia dengan menggunakan pas kerja yang dikeluarkan di bawah undang-undang mengenai pekerjaan yang pada masa ini dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Ini tidak bermaksud pekerja warganegara asing berikut:

- (i) mereka yang mendaftar mendapat taraf pemastautin tetap;
- (ii) mereka yang bekerja tanpa pas kerja ataupun masuk tanpa izin;
- (iii) mereka yang bekerja sebagai pekerja domestik; dan
- (iv) mereka yang telah menjadi ahli sebelum 1 Ogos 1998 dan masih mencarum.

Jadi ini bermakna, terdapat angka-angka yang melebihi daripada 1.5 juta orang itu. Jadi orang yang tidak diberikan status sebagai pekerja asing yang sah, mendapat pas, mereka adalah tidak layak untuk menjadi ahli KWSP dan tidak layak mencarum dan keputusan Kabinet ini telah dikuatkuasakan pada 1 Ogos dan memang KWSP akan menjalankan kempen ini dan kita haraplah pekerja atau pihak majikan bekerjasama dengan pihak KWSP dan mendaftarkan orang yang layak itu dengan segera.

PELABUHAN DI PULAU INDAH - PENAMBAHAN

8. Tuan Tee Thiong Hock minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kementerianya merancang untuk membina pelabuhan tambahan setelah pelabuhan di Pulau Indah disiapkan dan lokasi pelabuhan tambahan itu jika ada.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang Kementerian Pengangkutan tidak ada apa-apa rancangan untuk membina pelabuhan tambahan selain daripada pembesaran, kemudahan pelabuhan di Pulau Indah, Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjong Pelepas di Johor.

Tuan Tee Thiong Hock: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, memandangkan kepada Pelabuhan Klang iaitu Pelabuhan Utara, Selatan dan juga Pulau Indah yang begitu besar dan kapasiti yang belum digunakan dengan sepenuhnya, saya terdengar kapasiti yang berlebihan lebih kurang 50%. Apakah rancangan kerajaan untuk menggunakan sepenuhnya kapasiti yang ada sekarang?

Dato' Chor Chee Heung: Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat memang betul, ketiga-tiga terminal di Pelabuhan Klang memang mempunyai kapasiti yang cukup banyak lagi. Maksud kata, ada banyak ruang lagi di mana ketiga-tiga pelabuhan kecil dalam Pelabuhan Klang dapat memberi perkhidmatan. Maka dengan itulah kerajaan tidak berhasrat untuk mengadakan satu pelabuhan tambahan berhampiran dengan pelabuhan di situ. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 59 akan dijilid dalam buku berasingan].

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1998) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” [11 Ogos 1998]

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, menyambung ucapan.

3.35 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya untuk menyambung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998.

Tuan Yang di-Pertua, hari semalam saya ada menyebut perlunya pendekatan baru yang sepatutnya diambil oleh pihak kerajaan bagi melaksanakan dan menentukan pelaksanaan atas cadangan-cadangan MTEN yang telah pun diterima oleh pihak Kabinet. Kita mengharapkan kalau kita tengok dari segi jabatan-jabatan yang wujud sekarang ini yang paling sesuai untuk memberikan pemantauan yang lebih berkesan kita merasakan EPU (Unit Perancang Ekonomi) kerana ianya memberikan perhatian secara menyeluruh, secara global, secara mikro terhadap perkembangan ekonomi negara, dilengkapi dengan pegawai-pegawai tertentu untuk mengawasi secara, dengan izin, ‘operational audit’ terhadap segala tindakan-tindakan yang diambil oleh kementerian-kementerian. Kerana kita dapati juga peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi dan syarikat-syarikat yang telah diswastakan oleh pihak kerajaan pun lari daripada terma-terma penswastakan di mana tanggungjawab sosial mereka selalu diabaikan.

Saya beri contoh dan kita telah kemukakan contoh-contoh ini kepada pihak kerajaan, peranan Tenaga Nasional misalnya, peranan Telekom, kita dapati pembangunan untuk memenuhi harapan mereka di luar bandar masih lagi memerlukan kepastian secara positif daripada badan-badan ini. Kita memang menyanjung tinggi syarikat-syarikat yang membuat keuntungan sampai dekat RM2 bilion dan

sebagainya. Tetapi pada masa yang sama untuk hendak memberikan kesan pembangunan kepada pihak luar bandar yang terpaksa juga, kita tidak patut meminggirkan mereka daripada menikmati pembangunan baru seperti multimedia dan sebagainya mereka memerlukan tenaga, mereka memerlukan telekomunikasi dan sebagainya. Jadi di sini, kita memohon kepada pihak kerajaan memberikan kawal selia yang rapi di mana keuntungan syarikat-syarikat, badan-badan yang diswastakan itu mempunyai obligasi sosial terhadap kawasan luar bandar yang sepatutnya dibawa kepada arus perdana pembangunan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada media massa sekarang ini kerana baru-baru ini saya perhatikan banyak memuatkan cerita-cerita, pandangan-pandangan, alternatif kepada pandangan-pandangan pihak akademik Barat. Saya beri contoh surat khabar *New Straits Times* dan *Berita Harian* - seminggu lepas memuatkan berita berkenaan dengan pandangan Martin Faustine, seorang profesor Harvard yang memang memberikan pandangan khusus kepada perlunya reformasi IMF. Yang inilah kita sebut-sebutkan di peringkat negara kita, yang inilah kita pertahankan supaya Malaysia tidak tunduk kepada tuntutan-tuntutan IMF. Martin Faustine dalam artikelnya di *Foreign Affairs* - bulan Mac-April 1998, memang memberikan pandangan yang secara menyeluruh terhadap perlunya reformasi kepada IMF supaya tindakan yang diambil oleh IMF itu tidak mematikan ura-ura hendak membangunkan negara-negara yang telah meleset sekarang ini kita tengok seperti Indonesia, Thailand, Korea semuanya teruk sangat yang ditekankan oleh IMF kerana ketatnya tuntutan-tuntutan yang dibuat kepada sistem perbankan dan isu-isu yang lain.

Kita juga mengucapkan tahniah kepada MTEN kerana saya tengok baru-baru ini juga ada memasukkan cerita bagaimana kita beri komen kepada *Financial Time* yang sentiasa memberikan pandangan secara one track, mohon izin, dia ceritakan kepada kita Malaysia dengan melonggarkan syarat-syarat faedah kewangan dan sebagainya – dia sudah bertentangan dengan keperluan untuk hendak membangunkan

negara dalam keadaan sekarang. Walhal apa yang kita buat pada masa sekarang menerusi Bank Negara Malaysia dan sebagainya, melonggarkan faedah untuk memberikan kecairan kepada sistem perbankan dan dana-dana yang diwujudkan untuk memberikan kecairan kepada sistem perbankan. Tetapi malangnya saya hendak minta pihak kerajaan menyatakan bank-bank mana yang tidak mahu bekerjasama dengan pihak kerajaan.

Kita inginkan penarafan yang dibuat oleh pihak kerajaan, Bank A – memberikan sokongan penuh kepada usaha-usaha kerajaan untuk melahirkan micro credit system, untuk melahirkan kecairan kepada IKS dan sebagainya. Bank-bank yang ditarafkan B atau C dan yang C itu memanglah kita tidak boleh hendak bekerjasama lagi kerana tidak menyokong usaha-usaha kerajaan untuk memberikan kecairan ‘liquidity’, dengan izin, kepada sistem perbankan di peringkat bawahan, di peringkat akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak buat demikian seperti yang saya katakan semalam kita ragu, kita buat apa sahaja cadangan-cadangan wujudkan dana itu, dana ini tetapi sebenarnya ‘on the ground’, dengan izin, mereka memerlukan kewangan untuk menggerakkan kegiatan ekonomi, masih lagi tidak dapat menggerakkannya kerana wang yang ditujukan untuk mereka itu tidak sampai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita bercakap tentang ekonomi ini saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi takziah kepada keluarga Allahyarham Tun Ismail dan keluarga Allahyarham Tan Sri Jaffar Hussein yang kedua-duanya adalah bekas Gabenor Bank Negara Malaysia. Saya menyebutkan perkara ini kerana sewaktu kedua-dua mengendalikan Bank Negara, Bank Negara mempunyai reputasi yang amat tinggi bukan sahaja di negara kita bahkan di peringkat antarabangsa. Jadi kehilangan kedua-dua tokoh ini saya mohon izinlah kalau pihak Parlimen mencatatkannya kerana mereka telah pun menyumbangkan dari segi sistem perbankan yang amat kukuh yang dipercayai oleh dunia, tahap pencapaian yang tinggi sewaktu mereka dan pada masa ini

saya hendak menyeru kepada kerajaan, kajilah semula apakah perlu kita hendak melihat dan mengkaji kedudukan Bank Negara Malaysia ini adakah mereka proaktif tentang kedudukan ekonomi kita dari segi monetary system, dari segi dasar monetary di negara kita ini dan kalau kita perlu perbaiki kita mengharapkanlah kita memperbaiki di mana yang perlu supaya menerusi Bank Negara Malaysia tindakan-tindakan monetary yang diambil oleh pihak kerajaan dapat memberi kesan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyeru kepada cerdik pandai di negara ini.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Hussin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Saya rasa dari nada ucapan Yang Berhormat Dato' Aziz mungkin Yang Berhormat Dato' Aziz hendak mengakhiri ucapan tetapi saya ingin mendapat sedikit penjelasan dan juga pandangan dari Yang Berhormat Dato' Aziz kerana beliau adalah merupakan pakar dalam bidang banking. Adakah Yang Berhormat Dato' Aziz bersetuju dengan rungutan sesetengah bank, saya biasa mendengar sesetengah bank mengatakan bahawa walaupun ada dana-dana yang diberi oleh kerajaan dan mereka diminta untuk menyalurkan dana ini kepada kumpulan-kumpulan sasaran yang telah pun ditentukan tetapi bank ini tidak mendapat peruntukan, mereka terpaksa mengeluarkan dahulu dana ini dan selepas itu membuat tuntutan kepada pihak sama ada Bank Negara ataupun mana-mana pihak Kementerian Kewangan dan selalunya tuntutan ini lambat diterima kembali untuk mereka memenuhi ataupun untuk mengisi kembali dana mereka. Adakah perkara ini benar mengikut maklumat dan juga pengetahuan Yang Berhormat Dato' Aziz. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya pun hendak menyerahkan perkara itu kepada pihak kementerian kerana saya sudah lama meninggalkan bank dan saya sudah tidak faham cara-caranya. Kalau itu sebabnya kenapa mereka tidak dapat menjalankan tugas, saya rasa pihak kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia terpaksa menentukanlah kecairan dana-dana ini dapat sampai kerana kalau tidak ianya hanya merupakan rhetoric dan orang pun marah. Kalau kita sudah umumkan kita ada RM2

bilion sini, RM3 bilion sana, makanan pun ada duit dan sebagainya tetapi tidak sampai kepada pihak rakyat jelata ini akan merosakkan lagi reputasi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap peningkatan pembangunan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan penarafan. Kita dapat tahu baru-baru ini Thomas Bank Watch telah pun menurunkan penarafan risiko kedaulatan (sovereign risk) Malaysia, daripada A kepada BBB, begitu juga Moody's telah pun menjatuhkan penarafan kita di peringkat antarabangsa daripada A2 kepada BAA2. Bererti kita ini dari segi penarafan antarabangsa, Malaysia tahapnya dan penarafan dari segi rating telah turun sehingga 3 notch, bererti sekarang ini kalau kita hendak meminjam duit di peringkat pasaran antarabangsa orang teropong ke arah kita penarafan yang dibuat oleh Moody's yang bermastautin di New York dan sebagainya, dia teropong kita dan tengok kita BAA2. Kita terpaksa membayar lebih kurang 5% lebih tinggi daripada apa yang dibayar oleh negara-negara yang mempunyai penarafan A dan sebagainya.

Ini menghairankan kita kerana penganalisis dari syarikat-syarikat penarafan ini yang bermastautin jauh di New York, di London dan sebagainya, perlu mendapat pandangan alternatif. Di sini saya hendak mencadangkan pihak kerajaan mewujudkan menerusi IMF, World Bank, satu institusi penarafan antarabangsa yang boleh diterima tanpa ragu-ragu oleh semua negara dengan tidak ada mempunyai motif, dengan tidak ada mempunyai agenda tersendiri, agenda tersembunyi, semata-mata hendak menunjukkan kepada seluruh dunia pasaran antarabangsa bahawasanya penarafan ini memanglah yang paling objektif. Kita pada masa yang sama mempunyai Rating Agency Malaysia (RAM) yang membuatkan penarafan di peringkat negara kita. Kita mengharapkan badan-badan agensi penarafan negara kita ini bekerjasama, kalau sekiranya wujud satu penarafan antarabangsa yang dibuat oleh IMF atau World Bank kita hendakkan badan-badan penarafan di negara kita ini bekerjasama dengan mereka supaya memberikan pandangan secara global dan menyeluruh dan benar-benar teliti

dalam objektif supaya apa bila kita pergi ke pasaran antarabangsa untuk menjual bon-bon kita, kita dapat peningkatan penarafan yang sesuai. Takkan hendak disamakan kita dengan negara yang baru keluar daripada sistem, dengan izin, command economic, sistem komunis, ia sama dengan Libya, sama dengan Malaysia. Libya baru sahaja terlepas dari kongkongan sistem perekonomian yang dirancang di peringkat pusat. Kita mempunyai sistem yang liberal sejak merdeka lagi dan pembangunan yang begitu pesat sejak 9 tahun antara 7% ke-8%. Kita sekarang ini disamaratakan dengan mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, hanya dengan cara demikianlah dapat wujudnya satu sistem liberalisasi yang terbuka dan telus. Ini mereka memerlukan ketelusan, mereka memerlukan transparency tetapi pada masa yang sama tidak menjalankan kegiatan-kegiatan yang benar-benar transparent, yang benar-benar telus supaya dapat diterima oleh kita di rantau ini. Pada masa yang sama saya ingin menekankan di sini menerusi badan-badan antarabangsa, baik IMF mahupun World Bank mahupun Bank Shuttlement dan sebagainya, tidak kira di mana, architecture, sistem kewangan antarabangsa ini sudah lama sangat kita laungkan Soros pun bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri dan kita lihat banyak orang bersetuju kerana ianya sekarang ini memudaratkan pembangunan ekonomi rantau Asia ini.

Kita lihat sekarang ini, Yen, semalam jatuh 147.10, bila jatuhnya Yen yang memberikan perbelanjaan kepada Indonesia, Malaysia, Thailand sebanyak US\$42 bilion, ini mengugat keadaan seluruh rantau Asia kerana kedudukan kewangan, kedudukan Asia seluruhnya dari segi ekonomi mempunyai tunjang dan paksi di rantau Jepun. Kita mengharapkan China terus tabah, terus memberikan kepercayaan kepada Yuen, Renminbi supaya tidak diturunkan nilainya kerana kalau itu berlaku dan inilah mereka tunggu, mereka sekarang sudah lihat bagaimana pertukaran pemimpin di Jepun, Obuchi yang baru ini yang mengambil Miyazawa bekas Perdana Menteri berumur 70 lebih menjadi Menteri Kewangan, sudah tukar kerajaan tetapi Yen masih

teruk, keadaan merudum semalam, seluruh dunia pasaran saham turun kerana takut sangat apa akan jadi selepas ini. Kita berdoa semoga rantau Asia yang dahulunya 'Naga' dan 'Harimau' akan terus dapat mempertahankan dan kita berdoa Malaysia terutamanya. Semalam kita lihat dari segi komitmen Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk terus memberikan sokongan yang padu kepada pucuk pimpinan Perdana Menteri kita. Ini menunjukkan petanda yang baik kerana ia menunjukkan kekuatan politik negara kita. Yang mereka tunggu di sana ialah pepecahan, mereka sedang mencari cara-cara untuk merudumkan keadaan kita. Saya lihat semalam gambar di hadapan, mula-mula sahabat saya tidak mahu pergi ke Pulau Pinang, gambar di muka depan, rupanya dia pergi ke Pulau Pinang memberikan sokongan, saya ucapkan tahniah kerana dia berpeluang meninggalkan Dewan untuk pergi ke sana atas tanggungjawab hendak memperkuatkan perpaduan antara ummah, perpaduan dari segi parti kita, kerajaan kita dan ini tentunya akan menguatkan lagi azam setiap lapisan masyarakat, setiap lapisan rakyat jelata untuk mempertahankan kedudukan kepimpinan negara kita supaya mereka dapat terus menjalankan usaha menebus maruah dan martabat bangsa kita sekali lagi. Orang itu yang sebenarnya ialah sahabat kita, tidak lain dan tidak bukan Yang Berhormat Datuk Ibrahim bin Ali, tengok-tengok Datuk Ibrahim duduk di depan sahaja memberikan sokongan, saya ucapkan syabas kerana berpeluang untuk bersama-sama dengan pucuk pimpinan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerana sepatutnya kalau kita sekarang ini diserang, ini bukan serangan dalam, serangan luar media asing dan sebagainya, pelbagai cerita dia buat berkenaan dengan negara kita semata-mata untuk mencari kelemahan kita. Sebenarnya kekuatan negara kita ini berpaksi kepada utuhnya perpaduan antara kaum, kerajaan Barisan Nasional sejak merdeka lagi, daripada Perikatan, Barisan Nasional semasa Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri, kekuatan kerajaan kita berpaksi kepada wujudnya satu perpaduan yang amat ketat, yang ini mereka tidak boleh mencelah, yang inilah mereka hendak gunakan media asing dan sebagainya, seolah-

olah sebagai satu konspirasi, mempunyai satu agenda tersembunyi untuk hendak menentukan kita ini lemah dari segi perpaduan. Sebab itulah Internet mengeluarkan pelbagai cerita, ini pun satu perkara yang amat merbahaya. Kita sepatutnya akan mendapat cerita yang baru daripada pihak Kementerian Dalam Negeri bagaimana cerita sebenarnya berkenaan dengan cerita-cerita karut yang dikeluarkan di Chow Kit Road menerusi Internet ini.

Semuanya ini disebarikan ke seluruh dunia untuk menakutkan. Oleh itu untuk menentukan keadaan sebenarnya ini tidaklah seperti yang dikatakan berlaku ini, kita hendakkan kementerian multimedia yang baru nanti dan juga Kementerian Penerangan cepat-cepat kita tangkis berita-berita dari Internet ini. Saya tengok cerita berkenaan Chow Kit Road datangnya hari esok, kemudian. Sepatutnya cerita dan gambarkan keadaan di Chow Kit Road pada malam yang sama supaya orang tengok tidak ada perkara yang berlaku. Mungkin ada bertumbuk seorang dua kita tidak tahu. Tetapi tidak wujud kekecohan, tidak wujud perpecahan atau masalah-masalah perpecahan perpaduan.

Jadi kita mengharapkan generasi muda, pelajar-pelajar kita, saya tengok ramai pelajar dari Universiti Malaya, saya ada tanya tadi. “Daripada mana?”. “Universiti Malaya” - dan juga ‘kanak-kanak’ sekolah. [*Ketawa*] dengan murid-murid sekolah. Saya tengok murid-murid sekolah dan mahasiswa, mahasiswi bersama-sama kita hari ini

Dato’ Haji Ibrahim bin Ali: Itu murid-murid sekolah bukan kanak-kanak sekolah. [*Ketawa*]

Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Sudah, saya sudah betulkan. Tuan Yang di-Pertua, jadi semua ini mereka sudah amat faham dengan proses multimedia dengan proses maklumat Internet secara serta merta boleh menyebarkan maklumat ke seluruh pelosok dunia. Dan kalau ianya digunakan secara tidak betul untuk menjahanamkan negara, kita memerlukan tangkisan dan kementerian yang sepatut

membuatnya ialah Kementerian Penerangan. Dan bila ada kementerian multimedia nanti kita memerlukan kementerian multimedia menangkis secepat mungkin, jangan tunggu sehari, dua hari kemudian. Ada sahaja cerita Internet yang karut kita balas dengan cerita Internet yang positif, ini sepatutnya berlaku. Kita tunjukkan gambar-gambar bagaimana selesanya kedudukan rakyat jelata di Malaysia.

Dan baru-baru ini dalam *Economis*, dia ada buat satu survey Tuan Yang di-Pertua, dia hendak tanya dalam survey itu, dia check, lebih kurang ribu-ribu manusia, seluruh dunia, bagaimanakah pandangan anda terhadap negara anda. Rupa-rupanya orang-orang Malaysia mempunyai optimisme yang amat tinggi sekali. Kita dapat 66% daripada 100, orang Malaysia top, nombor satu mengatakan mereka amat optimis dengan negara ini, amat suka dengan keadaan di negara kita dibandingkan dengan negara-negara lain. Kita nombor satu, ini survey bukan dibuat oleh Moody's bukan dibuat oleh Standard and Poor, dibuat oleh satu badan yang bebas, peringkat antarabangsa dibuat survey. Kita nombor satu, 66%, top bererti rakyat jelata kita tenang. Agaknya kerana survey itulah yang dimasukkan cerita baru dalam Internet itu, mengapa kita senang berkelahi dan bertengkar antara kita sesama kita. Ini keadaan yang amat menyedihkan kerana kegawatan ekonomi kita hendak mencari keyakinan pasaran antarabangsa. Keyakinan pelabur-pelabur. Dia punya hebat, dia pukul kita dengan segala cara sehinggakan kita sendiri terpaksa berkeras dan membuatkan pembetulan secepat mungkin menerusi Internet dan saluran-saluran tertentu.

Saya hendak minta BERNAMA media-media kita yang ada hari ini, televisyen supaya mendapatkan satu dengan izin, networking, jaringan dengan agensi-agensinya antarabangsa, kita kena buat demikian. Pada masa yang sama, saya juga mengalu-alukan pihak Institut Developments Studies di Sussex University. Baru-baru ini saya tengok Tuan Yang di-Pertua, selepas saya tengok bola sekejap di Perancis, saya pergi ke universiti lama saya, University Sussex (IDS). Di situ ada satu seminar tengah berjalan. Di seminar ini mengumpulkan para pemikir seluruh dunia berkenaan dengan

krisis Asia, Ekonomi di Asia. Dua orang daripada Malaysia datang. Profesor Jomo dari Universiti Malaya, Martin Khoo dari badan-badan NGO dan mereka pun membuat kesimpulan berkemungkinan besar Wall Street masuk campur dengan badan-badan lain ini hendak menentukan merundumnya syarikat-syarikat, saham-saham kita di rantau ini kerana senang mereka hendak masuk.

Jadi pada masa yang sama memang ada seminar-seminar yang dibuat di peringkat negara kita oleh tangki-tangki pemikir '*the think tank*' ini banyak dia buat seminar. Saya hendakkan seminar ini kita panggil, kita jemput macam 'Martin Felston', 'Jeffrey Sack' daripada Harvard dan sebagainya datang ke sini. Dan 'Milton Freigman' seorang nobel prize winner mohon izin, Tuan Yang di-Pertua yang menerima anugerah nobel - pun setuju perlunya reformasi terhadap IMF. Kita kumpulkan mereka-mereka ini datang ke Malaysia, datang ke Asia buat satu seminar antarabangsa tunjukkan kepada dunia bahawasanya ahli pemikir-ahli pemikir barat juga bersetuju dengan tindakan yang dibuat oleh kita. Barulah seimbang. Kalau tidak dia akan mencemuh kita seperti yang saya sebutkan tadi 'Financial Times'. Bila kita longgarkan syarat faedah untuk hendak menentukan kecairan wujud dalam perbankan kita, dia mengkhabarkan ini tidak patut dibuat. Dia ambil satu sudut sahaja. Dia tidak ambil pula pemikiran orang lain yang mengkhabarkan ini perlu dibuat. Ini tidak seimbang.

Jadi saya hendak mengesyorkan kepada pihak pemikir-pemikir negara kita - pihak kerajaan, pihak tangki-tangki pemikir '*think tank*' ini Asli, MIER, ISIS jemput, untuk mengembalikan confidence, untuk mengembalikan kepercayaan kepada pembangunan rantau ini, panggil mereka-mereka daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempat-tempat lain. Ahli-ahli specialist dalam segala bidang ke Malaysia atau ke rantau ini, berbincang, memberikan pendapat berkenaan dengan perlunya cara-cara kita buat ini sesungguhnya benar

Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan tahniahlah kepada pihak kerajaan dalam keadaan kegawatan pun memberikan peruntukan tambahan semata-mata menginsafi keperluan pihak-pihak kementerian yang hendak menjalankan tugas-tugas untuk pembangunan. Saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim.

4.00 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tidak bercadang untuk mengambil masa yang panjang sangat, cuma hendak merujuk kepada beberapa perkara dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak mengalu-alukan anggota baru Dewan kita yang mulia ini, Yang Berhormat Puan Karimah binti Mohd. Nor yang baru dilantik sebagai anggota Dewan yang mulia ini. Beliau ini rakan dari negeri saya, seorang Naib Ketua Wanita UMNO Negeri dan Ketua Wanita UMNO dari Pasir Puteh, seorang pemimpin wanita yang cukup gigih dan kita kenal, dia juga comel [*Ketawa*] dan saya mengalu-alukan perlantikan beliau sebagai anggota Dewan ini dan saya percaya Dewan kita yang mulia ini makin ceria, makin hebat dengan tambahan anggota-anggota baru seperti Yang Berhormat Puan Karimah binti Mohd. Nor ini. Syabas dan tahniah!

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya dalam soal ekonomi negara kita, kita tidak tahu sama ada 'the worst' sudah pun tiba ataupun 'the worst is yet to come'. Sudah hampir setahun lebih kita mengalami masalah kegawatan ekonomi ini dan kalau kita lihat angka tunjuk Bursa Saham Kuala Lumpur semalam makin jatuh, sudah di paras lebih kurang 300 lebih sedikit dan kedudukan Forex kita pun, kedudukan kewangan ringgit kita pun semalam jatuh naik dan jatuh naik di tahap 4.1 dan 4.2. Kita tidak tahu sama ada 'the worst is yet to come.'

Tuan Yang di-Pertua, cuma tinggal lagi yang penting dalam keadaan-keadaan seperti ini, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, saya

cukup kagum dan menyampaikan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah membuat kenyataan terbuka semalam, memberi sokongan yang cukup padu kepada pucuk pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad kerana soal kepimpinan politik juga ada kaitan dengan masalah lonjakan ekonomi terutamanya permainan pihak-pihak media Barat seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi, sedikit sebanyak ada kaitan. Maka apa yang ditunjuk oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bukan perkara baru. Sebenarnya sokongan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini sudah berbelas tahun lamanya, bukan baru, cuma tinggal lagi sekarang ini bila timbul masalah ekonomi ada pihak mengambil kesempatan untuk menangguk di air yang keruh dan semalam Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menunjukkan kewibawaan kepimpinannya di mana beliau telah menyatakan kesetiaannya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri secara yang begitu terbuka sehebat menara Pulau Pinang, setinggi menara KLCC, sehebat lapangan terbang KLIA. Begitulah kukuhnya yang saya percaya isu yang digembar-gemburkan untuk memecah-belahkan kepimpinan negara oleh pihak luar dengan membesar-besarkan cerita-cerita dan desas-desus ini bagi merudumkan lagi ekonomi kita semalam sudah pun berakhir dengan kenyataan yang cukup tegas dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya tidak percaya ada mana-mana pihak lain lagi, selain dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang akan digunakan oleh mana-mana pihak dengan mengatakan bahawa pucuk pimpinan negara kita akan dicabar, tidak ada sesiapa pun, saya tidak nampak mana-mana individu kerana kewibawaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak boleh dipersoalkan lagi, kesungguhan dan komitmennya dalam usia yang kita tahu tetapi sedang berjuang dengan begitu gigih bukan sahaja untuk membangun negara kita tetapi menangani segala masalah dan kecelakaan yang telah dibawa oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dari luar.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu tentulah kita percaya bukan sahaja Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tetapi sokongan dan kesetiaan ini juga harus diterjemahkan oleh seluruh warganegara Malaysia, seluruh rakyat lebih-lebih lagi kepada kepimpinan politik di semua peringkat.

Datuk Haji Hashim bin Safin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, semua penjelasan dari Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, apakah sebelum ini tidak pernah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan sokongan yang padu dan terbuka kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Presiden tetapi masih ada golongan yang sentiasa menyebabkan keadaan atau menimbulkan keadaan seolah-olah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan melawan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan apakah Yang Berhormat dapat memastikan selepas dari ini tidak ada golongan yang akan meneruskan usaha-usaha untuk melaga-lagakan pucuk pimpinan antara pemimpin nombor satu dan nombor dua di dalam negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu saya juga hendak ucapkan tahniah kepada sahabat saya dari Kelantan, Yang Berhormat Puan Karimah yang telah dilantik sebagai Senator pada hari ini. Terima kasih.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Hashim, memang benar, saya sudah sebutkan tadi, bukan sekali malah telah banyak kali dalam Majlis Tertinggi, dalam perhimpunan agung telah banyak kenyataan yang telah dibuat tetapi masih ada lagi pihak yang membawa cerita-cerita ini.

Jadi, Yang Berhormat Datuk Haji Hashim minta saya memberi kepastian bahawa perkara ini tidak akan berlaku, saya seorang mana boleh? Ini kena pakatlah termasuk Yang Berhormat Datuk Haji Hashim sendiri, jadi ini masalah politik. Masalah politik ini maklum sahajalah, dia bukan statik, dia bukan beku tetapi sekurang-kurangnya kita ini menyatakan pendirian secara terbuka dan kita menyatakan sikap kita dengan terus terang dan ikhlas.

Alhamdulillah, perkara ini sudah pun dilakukan dan saya telah katakan tadi, rakyat juga penting terutamanya diterjemahkan oleh kepimpinan seluruh masyarakat di semua peringkat supaya kita menjadikan hakikat supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini terus menerajui negara kita bagi menangani masalah ekonomi dalam gawat sekarang ini dapat dicapai dengan jayanya, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan soal penarafan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi, saya sokong pandangan beliau mengenai dengan penarafan yang dibuat oleh Moody's dan macam-macam lagi, yang menurunkan darjat negara kita dari segi keupayaan ratingnya. Pada saya kita tidak usah ambil kira sangatlah bahawa betul rating ini penting untuk kita mendapat pinjaman dan sebagainya tetapi kita telah tahu mereka ini tidak bersikap jujur dengan tidak memberi gambaran yang sebenarnya mengenai dengan kedudukan ekonomi negara kita.

Jadi, yang pentingnya bukan masalah penarafan Moody's, yang pentingnya ialah kebulatan rakyat negara kita di belakang pucuk pimpinan negara dan di belakang kerajaan - ini penting. Soal penarafan itu perkara sementara, perkara yang memang dibuat-buat dan direka-reka. Jadi, kita tidak usahlah ambil kisah sangat, yang penting saya percaya kalau pun Moody's ini buat macam-macam, naikkan lagi pun, kalau mereka hendak susahkan kita, susah juga, yang dapat menjadi benteng kekuatan ekonomi negara kita ialah rakyat sendiri iaitu rakyat negara kita sendiri.

Jadi, yang penting sekali ialah rakyat kitalah yang menjadi benteng bukannya Moody's ataupun entah apa-apa lagi agensi kerajaan, cuma tinggal lagi saya ingin menyarankan jika boleh kerajaan dalam membetulkan fakta dan maklumat ekonomi di mana fundamentals kita memang kuat, syarikat-syarikat dan kedudukan ekonomi negara kita memang kuat, saya mencadangkan kerajaan membelanjakan sedikit wang supaya kalau perlu iklan - iklankanlah melalui majalah-majalah antarabangsa, hendak dapat berita free tidak mungkin, hendak suruh orang tulis elok-elok dalam surat-surat khabar Barat ini tidak mungkin, tetapi mungkin dari segi iklan-iklan, kita boleh paparkan, menerbitkan banyak lagi laporan ekonomi kita dengan secara yang mudah

dan singkat, secara yang komprehensif tetapi menarik dengan mengemukakan angka-angka dan disebarkan di seluruh dunia, gunakan pejabat-pejabat kedutaan dan pesuruhjaya dan teruskan buat taklimat dan penerangan kepada ahli-ahli perniagaan di luar negara kita, saya percaya lambat-laun kebenaran akan juga muncul nanti, insya-Allah, dan ekonomi negara kita akan pulih. Itu sahaja caranya, yang lebih penting dan kita tidak perlulah lagi bercakap soal mereka ini, kalau kita bercakap pun buat habis air liur sahaja, buat letih sahaja, buat penat sahaja, sebab orang yang hendak melihat kita jatuh, negara kita mundur, negara-negara yang sedang melihat kita ini sudah setanding dengan mereka, mereka akan terus melakukan kerja-kerja jahat ini. Jadi, janganlah kita membuang masa, kita buatlah apa yang kita fikirkan patut, apa yang kita fikir baik untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, maka sebab itulah saya juga menyokong dalam kebulatan sokongan rakyat kita perlu kepada keharmonian negara, kestabilan politik, khabar angin 7 Ogos yang tercetus baru-baru ini, juga mendukacitakan kita dan saya ucapkan tahniah kepada Ketua Polis Negara dan anggota Polis Diraja Malaysia yang bertindak pantas menangkis khabar buruk yang tidak benar ini dan akhir sekali dua orang sudah ditangkap, disyaki menggunakan Internet menyebarkan khabar angin ini dan saya hendak menyatakan di Dewan yang mulia ini, kita menyokong penuh sebarang tindakan tegas oleh pihak polis sepertimana yang dibuat oleh kenyataan Ketua Polis Negara, jangan ada kasihan belas, jangan ada simpati, jika mereka betul melakukan kerja-kerja seumpama ini, mereka mesti diambil tindakan yang tegas supaya menjadi pengajaran kepada semua pihak.

Saya minta kalau boleh selepas penyiasatan dan terbukti mereka bersalah, nama mereka mesti didedah untuk pengetahuan umum boleh menjadi pengajaran kepada semua pihak supaya lain kali walaupun kita ada kemudahan Internet, Internet ini ada kebaikan kalau kita gunakan secara positif tetapi kalau kita gunakan secara negatif yang tidak membawa kepada kebaikan ada padahnya. Kita menyokong penuh sebarang tindakan polis bagi menjamin supaya tidak akan berlaku sebarang masalah

dalam negara kita. Tidak akan berlaku rusuhan dan kita memang percaya, tidak mungkin akan berlaku lagi, negara kita dari segi masyarakat majmuk berbilang kaum sudah mantap malah setanding dengan Switzerland, kitalah negara contoh dari segi penduduk berbilang kaum masyarakat majmuk yang boleh kita tayang di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, saya hendak membawa specific case, ada dua, tiga perkara dalam perbahasan Perbekalan Tambahan ini iaitu tidak lama lagi kita akan menghadapi Sukan Komanwel, bukan sahaja kita dalam sukan ini hendak berjaya kerana ianya pertama kali diadakan di negara kita, duit pun telah banyak kita belanjakan, segala-galanya siap, di samping itu juga walaupun kita belum lagi terserlah dalam bidang sukan, tetapi kita berharap kita dapat memungut pingat emas seberapa yang boleh kerana kita menjadi tuan rumah.

Dalam saat-saat kita hendak menempuh Sukan Komanwel yang kita nanti-nantikan ini, ada beberapa peristiwa berlaku yang saya baca, yang tidak menyenangkan hati. Semalam kita dengar, ini ditakdir, peserta penembak berlaku kemalangan dan patah tangan. Lepas itu ada masalah yang dihadapi oleh gymnast negara, Farah Zelina juga tidak diambil, inilah dan akhir sekali Roslin Hashim, pemain badminton, timbullah kontroversi dalam surat khabar sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat kenyataan, pegawai dan pemain pentingkan diri. Saya buat semua paper cutting, saya berminat dan saya ada bawa di sini, saya buat homework. [*Sambil menunjukkan segala paper cutting*] Semua ada dengan saya!

Saya juga mengambil inisiatif hendak bertanya tentang kedudukan Roslin Hashim ini, apa sebab dan salahnya? Saya menyokong penuh pandangan dan teguran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pemain dengan pegawai ini patutnya pentingkan negara, letakkan kepentingan negara dahulu daripada kepentingan peribadi.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, soal peserta-peserta ini yang hendak ambil bahagian untuk bertanding dan hendak jadi juara ini bukan pegawai tetapi pemain. Sebab itu kalau kita tengok lumba unta atau lumba kuda ke, yang pentingnya

kuda itu mesti kuat. Rumput makanan kuda pula jenis apa, kuda kena duduk dalam kandang apa dan dia hendak tuan dia siapa yang jaga. Lebih-lebih lagi dalam bidang badminton ini dan saya tidak mahu menyalahkan mana-mana pihak tetapi Roslin Hashim, untuk pengetahuan ahli Dewan yang mulia ini dan tuan-tuan pun tahu, dialah yang membawa negara kita ke pertandingan akhir Piala Thomas di Hong Kong baru-baru ini. Itu tidak boleh dinafikan kerana pungutan mata kemenangan Roslin Hashim yang menyebabkan negara kita masuk ke peringkat akhir. Kalau tidak Roslin Hashim, negara kita tidak akan masuk ke peringkat akhir. Dahulu dia sudah ada kontrak dengan BAM, saya sudah tahu dan dia patut dibayar elaun dan sebagainya. Akhir sekali dia tinggalkan, pecah kontrak dan dia terpaksa membayar RM67,000 tetapi dia pungut derma dengan gigih dan tidak kecewa dengan apa yang berlaku. Akhir sekali dia bayar balik RM67,000 kemudian apabila dia memungut mata dan menang di Piala Thomas, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan memberi kenyataan dan saya baca - arah bayar balik semula duit kepada Roslin Hashim sebanyak RM67,000 sebagai tanda insentif dan sokongan kerajaan serta kementerian kepada Roslin Hashim. Apa yang saya dapat tahu sampai hari ini pihak BAM belum lagi bayar balik duit tersebut kepada Roslin Hashim.

Jadi, kita mesti pentingkan negara tetapi soalnya mengapakah perkara ini boleh berlaku? Saya minta Kementerian Kewangan tolong siasat dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedang menulis sama ada dengar atau tidak perkara ini? Tolong telefon dan tanya mengenai perkara ini kenapa mereka tidak bayar? Hendak suruh kita cadangkan supaya Badan Pencegah Rasuah siasat. Saya dapat tahu sama ada betul atau tidak, saya tidak tahu, tetapi saya ada terima laporan dan saya juga menerima surat-suratnya. Saya mengambil berat perkara ini dan saya telah menelefon Roslin. Dia faxkan surat kepada saya bersusun-susun dan saya telah membaca setiap suratnya. Semua peserta yang duduk di BAM ada imbuhan dan elaun latihan tetapi tidak dibayar, betul atau tidak? Kenapa perkara ini boleh berlaku dan saya tidak memihak kepada

mana-mana pihak. Dia bukannya tidak mahu mengambil bahagian. Memang betul seorang atlet mesti duduk bersama dengan pasukan. Ini soal etika dan saya tidak menafikannya. Dia berkata, dia sanggup duduk di Bukit Komanwel dan duduk bersama atlet-atlet lain. Kita tahu dia bersetuju, cuma lagi masalah jurulatih di mana dia berkata - "Berlatih dengan jurulatih BAM sekarang ini iaitu Mortem hanya dua jam sehari tetapi dengan Misbun lapan jam". Dia berguru dan naik bersama-sama dengan Misbun.

Begitu juga kalau kita belajar seni silat - tambahan lagi sukan badminton dia perlu belajar cara dan teknik. Dia bukan sahaja boleh berlari dan mempunyai stamina yang kuat. Kalau hendakkan stamina saya pun boleh latih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya suruh berlari atas padang, saya suruh daki bukit dan suruh lari ke tepi laut. Untuk menguatkan stamina saya boleh latih, saya kata duduk bangun, duduk bangun. Tetapi teknik bermain badminton ini ada caranya dan jurulatih dia ini mempunyai kepakaran. Jadi sebab itu saya tengok tidak munasabahlah hendak bertegang leher dan hendak bertegang prinsip tetapi bertolak ansurlah sedikit sebanyak. Saya bertanya siapa yang patut banyak bertolak ansur. Sepatutnya pegawai BAM lebih banyak bertolak ansur sebab yang kita hendak pertandingkan ialah Roslin. Kita hendak lepaskan pejuang-pejuang kita dalam gelanggang ini dan janganlah beri kepala mereka pening. Tidak mungkin kita tidak faham.

Sama juga dengan anak kita yang hendak ambil periksa, jangan kita ganggu dia tetapi biarkan dia duduk dalam bilik. Kita beri dia cukup lampu, meja cantik dan bilik hawa dingin dan jangan kita ganggu dia. Macam mana kita hendak berjuang jika kepala kita pening. Jadi, jika kita hilang pingat emas nanti saya tidak tahulah siapa yang hendak di'blame'. Mungkin kementerian tidak mahu masuk campur dalam perkara ini. Kalau kementerian over rule supaya Roslin ini menjadi sebagai salah seorang pemain badminton kita di Sukan Komanwel ini, kalau tidak berjaya nanti kementerian pula yang akan disalahkan. Maka BAM pula berkata, inilah sebabnya kerana tidak ikut

latihan di kem kita. Jadi tidak tahu yang mana satu betul. Betullah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata tidak bertanggungjawab.

Baru-baru ini ada kumpulan peminat-peminat badminton yang diketuai oleh Yang Berbahagia Dato' Rahman Bakar buat perjumpaan kelab peminat-peminat dan meminta supaya peminat nombor satu badminton negara iaitu Yang Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali supaya Saudara Roslin Hashim dapat dimasukkan semula ke dalam senarai mewakili negara dalam sukan badminton. Terserahlah kepada BAM dan kalau perkara ini dikira penting, prinsip, itu dan ini manakala orang yang hendak bertaruh adalah orang lain, terserahlah. Saya harap anything happened nanti bertanggungjawablah dan jangan hendak menyalahkan orang lain.

Sekarang ini saya dengar Roslin Hashim sudah pergi ke Singapura untuk mengambil bahagian dalam 'Singapore Open' dan beliau bertemu dengan pemain-pemain handalan dunia sekarang ini. Saya harap beliau terus berjuang walaupun tidak mendapat sokongan dan tidak diberi pembelaan oleh mana-mana pihak sebab sama juga seperti orang-orang politik di mana dalam perjuangan ini kadang-kadang semangat kita menjadi kuat apabila kita ditindas, ditekan dan diketepikan - ia punya steam lebih mudah naik. Saya harap beliau berjaya di 'Singapore Open' dan saya juga berharap Kementerian Belia dan Sukan termasuk juga BAM supaya melihat perkara ini dengan serius termasuk juga dengan pemain gimrama ini. Sukan gimrama ini kadang-kadang menjadi susah apabila pegawai lebih penting. Begitu juga dengan orang-orang bank kalau kita berniaga, hendak pergi pinjam duit, pegawai bank lebih banyak bercakap daripada orang yang hendak berniaga. Dia bukan berniaga apa [*Ketawa*] serupalah. Begitu dan beginilah, macam-macam dan serupalah dengan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, bab itu sudah pun selesai. Saya hendak bawa pula kes spesifik ini iaitu Isu Kedokteran Melayu. Saya menerima sedikit maklumat di mana ada mereka yang membawa masalah di mana mereka yang bertugas sebagai doktor

dengan Kementerian Kesihatan, dengan Universiti-universiti Hospital, masalah bilangan doktor di kalangan masyarakat Melayu ini kurang. Walaupun kita telah tamatkan Dasar Ekonomi Baru tetapi perkara ini belum meningkat.

Dahulu saya cadangkan supaya Institut Teknologi Mara dibenarkan menjalankan kursus kedoktoran dan membuka School of Medicine ataupun Medical School seperti School of Engineering. Kenapa tidak boleh Institut Teknologi Mara (ITM) dibenarkan, malah sudah ada kertas kerja yang dihantar oleh kalangan pakar dan profesional doktor-doktor Melayu untuk meningkatkan jumlah doktor di negara kita sementelah doktor di negara kita juga tidak cukup. Jadi, kenapa tidak kita benarkan dan salah satu caranya Institut Teknologi Mara dibenarkan. Sekarang ini kita ada International School of Medicine, MIC juga ada satu sama ada di Negeri Sembilan atau Melaka. Sekarang ini hendak buka satu lagi iaitu 'Raffles' di negeri Kedah. Sudah ada empat private college medical. Kita tidak buat dasar kuota wajib 30% pelajar bumiputera. Kalau adapun adakah mereka ini mampu? Perkara ini macam mana? Jadi sebab itu saya sokong semua kaum supaya maju dan perkara ini tidak berbangkit. Cuma tinggal lagi saya bangkitkan kerana orang Melayu dalam bidang ini masih kurang dan kita harus perjuangkanlah supaya kedudukannya kalaupun tidak meningkat sama tetapi tidaklah jauh sangat dengan kaum dan bangsa lain kerana orang Melayu juga banyak dalam bidang kedoktoran dan doktor-doktor pakar.

Sekarang ini di universiti-universiti tempatan yang ada kita tengok dan saya pun tidak tahu apa sebabnya, kalau di Universiti Malaya keluar 'graduate'nya tidak ramai, Tahun 2 tercicir, Tahun 3 tercicir begitu juga dengan bidang kejuruteraan. Kalau tengok di Institut Teknologi Mara alhamdulillah. Tetapi anak-anak Melayu yang tercicir ini, Tuan Yang di-Pertua, walaupun dia tercicir di Fakulti Perubatan Universiti Malaya, tercicir di Fakulti Kejuruteraan tetapi apabila mereka sambung belajar ke United Kingdom dan ke luar negeri iaitu Universiti Leeds, Salford University dan Cambridge University, mereka dapat cemerlang - First Class

Honours. Saya tidak tahulah mengapa dan saya minta supaya perkara ini dikaji dari segi kepentingan negara kita keseluruhannya sebab kita kekurangan doktor.

Saya juga dapat satu maklumat saya cabut dalam satu kertas di sini Tuan Yang di-Pertua, saya minta Setiausaha Parlimen tolong beritahu kepada Kementerian Kesihatan, Ministry of Health, research activity, saya dapat ini Timbalan Ketua Pengarah/Deputy Director General of Health Malaysia, Datuk M. Jagadeson, kita tahulah pelari pecut, dia Chair the committee sebab dia ini Timbalan Ketua Pengarah. Jangan salah anggap saya bangkit perkara ini kerana saya hendak pertahankan supaya semua pihak dapat faedah.

Committee dia Datuk K. Salvanathan, Datuk Dr.Hew. Sing Keong, Datuk Dr. Haji Mohd. Ismail Merican, Dr. Mohd. Taha Arif, Dr. Mark Jun Wah, Dr. G. Ghanasipilai, Dr. Narimah Awang, Dr. Andrew Q, Dr. Chia Wee Yang, Dr. N. Chandrakrisnan, Dr. Liew Man Sang. Dr. Magdalam, Dr. Zakiah Ismail, Dr. Foo Ling Cheng, Secretary –Tan See Kio – 15 orang anggota.

Daripada 15 orang anggota ini, 4 doktor Melayu, Dr. Haji Mohd. Ismail Merican isterinya India, Dr. Mohd. Taha Arif dari Sarawak, Dr. Narimah Awang juga orang Melayu tapi husbandnya orang India, seorang sahaja Dr. Zakiah Ismail orang Melayu. Saya tidak persoalkan credibility committee ini tetapi this committeelah Tuan Yang di-Pertua, yang menentukan doktor-doktor kalau nak buat reserch, hendak dapat grant, this committee will decide.

Sudah ada bukti di kalangan doktor Melayu yang cuba hendak mendapat kemudahan grant daripada committee ini ditolak dengan berbagai alasan. Saya tidak bawa lebih daripada itu. Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya baca surat khabar ini bertimbun, saya dah mula baca. Ini berlaku dan sebab itu saya harap, baru-baru ini Ketua Pengarah Kesihatan sekarang Tan Sri Dato' Dr. Abu Bakar Sulaiman baru ini dapat Ijazah Doktor Kehormat Universiti Kebangsaan, saya ucapkan

tahniah, sebab Dr. Abu Bakar ini terkenal dengan kehebatan akedemiknya dan sebagainya.

Tetapi soal urusan pentadbiran ini penting. Begitu juga sekarang ini Pengarah Hospital Universiti Kebangsaan Datuk Khalid, saya dengar tarikh bersaranya 4.2.1999 sama ada sambung atau tidak. Jadi riuh rendah di kalangan doktor-doktor Melayu, macam-macam ceritalah. Cuma saya harap pihak kementerian dan JPA ambil serius supaya kita lantik nanti, janganlah orang yang kita harap nanti, harapkan pagar, pagar makan padi. Ada doktor-doktor yang telah menunjukkan kewibawaan, yang hebat-hebat seperti Doktor Zaini, salah seorang daripada doktor pakar yang saya dapat tahu dia juga layak untuk dipertimbangkan sebagai Ketua Pengarah dan jangan ada sidestep. Saya haraplah supaya JPA membuat keputusan yang betul supaya tidak berlaku masalah penindasan ataupun masalah di kalangan doktor-doktor Melayu kita.

Kita hendak ramai, kita hendak semua kaum, supaya adil, orang Melayu hanya 30% sahaja. Janganlah tinggal kebelakang. Lepas itu tengok nak buat research pun susah, grant pun susah, saya tanya apa fasal susah. Saya pun tengok data ini, committee ini, mungkin tidak ada kena mengena saya pun tidak tahulah, mungkin apa yang saya bangkitkan ini tidak betul, saya minta maaf. Tinggal lagi saya unkit perkara ini, kerana ada kena mengena dengan kepentingan masa depan sebab itulah saya katakan tadi supaya Kementerian Kewangan dalam menyediakan budget tahun ini, saya nak tahu adakah Kementerian Pendidikan telah membawa usul atau cadangan supaya ITM dibenarkan mewujudkan fakulti perubatan untuk memulakan kursus kedoktoran di ITM. Habis bab itu.

Saya juga hendak cadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan, Kementerian Kewangan kena sokong sudah sampai masanya Pusat Islam menubuhkan makmal analisis makanan dan bahan kegunaan untuk orang Islam. Ini cerita halal dan haram dah lama dah, tapi masih belum terkawal, ada yang main cop sendiri pun ada, yang dibuat di Thailand pun dicop halal masuk ke Malaysia pun ada, yang ini kita hendak supaya macam ISO 9002, Pusat Islam dah boleh buat dah ini. Banyak dah pakar keluarkan sedikit peruntukan, lantik pakar-pakar, supaya selain daripada ISO 9002 ada juga ISO Islam 9002, 8000 kah dan boleh jadi pusat penubuhan makmal analisis anatarabangsa. Biar kita jadi pusat untuk semua negara Islam. Bila ia dapat kelulusan SIRIM atau bila dapat certificate ISO 9002 dia pergi pula ke pusat

bagi orang Islam, sebab ini mengenai dengan agama, Tuan Yang di-Pertua, ini masalah kepercayaan, masalah religion, kita tidak tahu. Chanel 5 itu rupanya saya difahamkan, ini jangan salah faham, kulit kering daripada tikus digunakan untuk Chanel 5, ada orang beritahu saya. Betul tak betul saya tidak tahu. Sebab itulah perfume, bedak, cosmetic ini bukan sahaja makanan, makanan apatah lagi, dia jadi darah daging, kita hendak pasti dia halal, bersih semua sekali. Ini masalah agama, apatah lagi bahan-bahan yang digunakan oleh masyarakat kita sekarang ini. Jadi saya hendak cop itu tidak hendaklah pergi ke pegawai, tengok-tengok lebih kurang kemudian keluar sijil, cop. Kita kena kaji dari segi analisis saintifik yang teliti, maka kita perlu makmal seperti ini.

Jadi saya cadangkan makmal ini ditubuhkan di bawah penyeliaan Pusat Islam, Tabung Haji boleh buat, kerajaan tidak payah guna duitlah, Tabung Haji sekarang banyak duit, anak syarikat Tabung Haji boleh buat. Cari pakar-pakar tubuh makmal. Teknologi Park iaitu pusat penyelidikan, di situlah menjadi pusat makmal analisis untuk makanan dan juga bahan-bahan kegunaan orang-orang Islam. Saya harap perkara ini dapat perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tiada apa hendak cakap cuma hendak ambil kesempatan, hendak ucap terima kasih kepada akhbar *New Straits Times*, sebab kita ini Dewan Negara ini serupa Dewan Rakyat, Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap, letih, bila kita bercakap, kita hendak juga orang tahu kita bercakap, supaya orang juga boleh hargai, pandangan, timbang balas. Selalunya bila keluar dalam surat khabar, Senator Dato' Ibrahim Ali bertanya, dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen jawapan panjang laporannya, yang saya tanya itu pendek sahaja. Jadi orang tidak faham apa yang saya tanya. Begitulah dalam surat khabar lazimnya. Sekarang ini ada sedikit perubahan tetapi walau bagaimanapun saya seronoklah bila terbaca *New Straits Time*, 4 Ogos mengenai Danaharta, itu adalah sedikit, gambarnya, Dato' Zuki, Dato' Abdul Aziz, jarang-jarang keluar. Pertama kali keluar saya seronok saya baca. Adalah lima, enam para tidaklah sebaris, tidaklah dua, tiga

baris. Kita cakap sejam ini ada semangat sikit dan orang tahu kita bukan makan gaji buta ataupun Dewan Negara ini rubber stamp. Lim Kit Siang punya tidak bertanggungjawab, Ketua Pembangkang dia kata Dewan Negara ini rubber stamp, dia suruh bubar. Hari ini kita tengok anggota Dewan Negara semuanya hebat-hebat. Datuk Zainuddin Maidin, yang baru lantik Puan Karimah Mohd. Nor, Dato' Zuki, Dato' Aziz semualah, yang depan-depan ini semuanya hebat-hebat. Saya di Dewan Negara dua penggal, saya boleh tengok perbahasannya cukup bermutu, bukan rubber stamp, kita pun tegur apa yang tidak betul cuma bila *New Straits Time* buat laporan, 6 Ogos IT must compuls the whole society. Ini gambar pakai songkok, seronok tengok. Malangnya orang kawasan saya tidak boleh baca orang putih, dia baca Melayu. Jadi orang-orang Kuala Lumpur ini, orang-orang intelektual okeylah, bahawa saya datang sini tidak duduk diam, saya ucapkan terima kasih kepada kumpulan *New Straits Time*, keep up the good work - dengan izin,

Timbalan Yang di-Pertua: Jangan lupa belanja kopi,

Datuk Ibrahim bin Ali: Tidak boleh rasuah. Itu maknanya ada unsur-unsur yang tidak sihat, jadi dia buat berita kerana saya belanja kopi. Saya mahu dia buat berita kerana dia tengok ucapan-ucapan ahli Dewan Negara semuanya bernas-bernas worth to write. Jadi janganlah pihak kerajaan sahaja. Betullah kalau Backbancher, kerajaan jawab kena siar, fasal rakyat hendak tahu itu maklumat kerajaan. Namun kepada Ahli Dewan Negara pun kenalah juga janganlah hanya tulis - demikian dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Shafie, Setiausaha Parlimen menjawab soalan Datuk Ibrahim Ali, itu sahaja Bagilah tahu sikit ...apa-apa semua. Jadi untuk petang ini saya ucap tahniah kerana ini perangsang, kita pun jadi rajin hendak buat homework, lagi bersemangat untuk terus bersama menyumbang untuk membangun negara.

Tuan Yang di-Pertua, kerana masa, saya ucapkan terima kasih, Saya menyokong penuh Rang Undang-undang Pembekalan Tambahan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah binti Kasim

4.30 ptg.

Puan Hajah Ramlah binti Kasim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998 ini. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan kerana walaupun negara menghadapi kegawatan ekonomi, tetapi masih mampu rang undang-undang ini dibawa ke Dewan yang mulia ini. Di atas keprihatinan kerajaan terhadap perjuangan yang masih belum selesai ini, sungguh besar ertinya terhadap perjuangan nasib rakyat, terutama rakyat golongan miskin yang sungguh-sungguh masih mengharapkan bantuan, sokongan dan sumbangan daripada pihak kerajaan.

Semenjak negara mencapai kemerdekaan, sebahagian besar rakyat negara ini sememang tahu dan mengetahui perjuangan yang jujur dan ikhlas dari pemimpin dan kerajaan untuk rakyat. Semenjak dari mencapai kemerdekaan hingga sekarang ini, dunia mengakui kejayaan Malaysia sehingga ada di antaranya cemburu terhadap kepimpinan dan kerajaan yang memerintah. Dalam hal yang demikian ditimbulkan berbagai masalah untuk menggugatkan kepimpinan kerajaan. Dari masalah komunis, masalah sosial, masalah dadah, masalah ajaran agama sesat, masalah perpaduan hinggalah masalah kegawatan ekonomi dan sekarang timbul pula masalah krisis dengan Singapura dan baru-baru ini timbul isu-isu yang kurang tepat dan ini semua ditimbulkan oleh orang-orang tertentu dengan tujuan-tujuan tertentu .

Tuan Yang di-Pertua, kita dan sebahagian besar rakyat Malaysia bersimpati di atas perjuangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini telah melahirkan rasa dukacita menyatakan dalam akhbar, dalam banyak-banyak masalah yang beliau selesaikan masalah kegawatan ekonomilah yang sungguh sukar untuk diatasi kerana di dalam masa untuk menyelesaikan masalah kegawatan ini timbul pula masalah krisis dengan negara jiran kita, Singapura. Justeru itu, kita mengharapkan agar sebilangan kecil parti-parti pembangkang yang ada di negara ini, kenangkanlah perjuangan pemimpin negara, telitilah dengan fikiran yang terbuka dan ambillah tindakan yang sewajar dan bijaksana agar kebahagiaan, keamanan yang kita kecapai hari ini akan terus dikecapi oleh anak cucu kita pada masa kini dan masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa sebilangan besar rakyat negara ini sedar dan mengetahui perjuangan yang suci dari pemimpin dan kerajaan untuk rakyat dan itulah sebabnya setiap pilihanraya walaupun gembar-gembur menyatakan bahawa parti pembangkang kuat tetapi akhirnya majoriti setiap pilihan raya umum Kerajaan Barisan Nasional telah menang dengan begitu cemerlang. Justeru itu, marilah sama-sama kita berazam dan berdoa agar kemenangan secemerlang ini akan terus berada di pihak yang benar iaitu kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kepimpinan negara dan pentadbiran kerajaan adalah baik tetapi wasih wujud perkara-perkara yang tidak menyenangkan sebagaimana yang dinyatakan oleh rakan kita pada hari semalam, yang mana wang peruntukan yang diuntukkan di masa yang lalu masih tidak habis dibelanjakan sedangkan masih kedapatan rungutan rakyat untuk mendapatkan peruntukan dikenakan syarat-syarat yang ketat yang tidak dapat ditunaikan oleh pemohon. Oleh itu saya mohon kepada pihak kerajaan supaya dapat diatasi masalah ini agar peruntukan yang diuntukkan akan benar-benar dapat dikecapi oleh mereka yang benar-benar memerlukan dan yang demikian akan meyakinkan lagi rakyat terhadap kerajaan yang memerintah.

Dengan kata-kata demikian dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang diPertua: Yang Berhormat Tuan Yim Chee Chong
4.35 ptg.

Tuan YimChee Chong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Kewangan kerana mengemukakan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998 Rang Undang-undang ini adalah satu akta bagi menggunakan sejumlah wang sebanyak RM400 juta daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1998 dan lain-lain maksud.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini di Asia mengalami kegawatan ekonomi. Nampaknya negara jiran kita tidak mempunyai wang untuk membayar gaji government servants dan juga jiran kita tidak mempunyai wang untuk membayar gaji askar dan

seterusnya akan tetapi negara kita Malaysia ini sungguhpun dalam kegawatan tetapi kita mampu mempunyai wang begitu banyak untuk pembangunan dan perkhidmatan negara kita. Ini adalah menunjukkan pimpinan Dr. Mahathir, kebolehannya terus memimpin negara kita menuju ke arah kemajuan, kemakmuran dan kebahagiaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan pendirian saya terhadap pertikaian Malaysia-Singapura baru-baru ini. Kalau sekiranya kita membaca surat khabar hari-hari, nampaknya rakyat Malaysia, parti yang memerintah, parti pembangkang, rakyat jelata dari semua lapisan di negara kita ini, semua kaum menyokong pendirian Perdana Menteri kita atas pertikaian Malaysia-Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu simpulan bahasa orang Cina yang menyatakan [*bercakap dalam bahasa Cina*] yang bermakna “Pipi kalau tidak ada maka giginya akan merasa sejuk”. Ini menunjukkan jiran adalah sangat penting antara satu sama lain. Juga Kung-Fu-Tze menyatakan, [*bercakap dalam bahasa Cina*] yang bermakna “Kalau sekiranya kita menghormati kepada orang lain, maka orang lain akan senantiasa menghormati kepada kita”. Juga [*bercakap dalam Bahasa Cina*] bermakna “Sekiranya kita kasih sayang kepada orang lain, maka orang lain sebaliknya akan kasih sayang kepada kita”. Ini adalah nasihat saya kepada Singapura terhadap negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin pertikaian ini akan melalui perundingan dan akan dapat diselesaikan dengan memuaskan kepada semua pihak. Pada hari ini semua kita membidas sikap kerajaan Singapura, saya pun begitu juga. Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Singapura, kenapa saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Singapura oleh kerana saya adalah seorang pencinta tanah air Malaysia. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Singapura oleh kerana Singapura menimbulkan isu ini, telah menunjukkan rakyat jelata dari semua bangsa di negara kita ini dari parti yang memerintah dan parti pembangkang baik dari Dewan Rakyat mahupun di Dewan Negara, semua menunjukkan perpaduan

antara satu sama lain dan semuanya menunjukkan sokongan penuh terhadap pendirian Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini, iaitu kegawatan ekonomi yang melanda di Asia ini, banyak rakyat jiran seperti Indonesia, Korea dan Thailand menunjuk perasaan, antikerajaan, ingin menjatuhkan kerajaan mereka masing-masing. Akan tetapi di negara kita ini kita tidak ada tunjuk perasaan, yang ada kita kumpul beramai-ramai tunjuk sokongan kita kepada pimpinan Perdana Menteri kita dan tunjuk sokongan rakyat kepada Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengetahui hari ini Timbalan Perdana Menteri kita semalam di Pulau Pinang memberitahu kepada dunia beliau akan mencadangkan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad menjadi Pengerusi UMNO pada parti election pada tahun yang akan datang. Dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad mengatakan akan mencadangkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita menjadi Pemangku Pengerusi UMNO. Ini menunjukkan sokongan menyokong antara satu sama lain, sungguhpun anasir-anasir jahat yang tidak diingini mengatakan

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta laluan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya tadi sepintas lalu mendengar Yang Berhormat Yim menyebutkan bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Pengerusi UMNO. UMNO tidak ada pengerusi. Kita cuma ada presiden. Dan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Anwar bukan Timbalan Pengerusi tetapi Timbalan Presiden, mungkin saya silap dengar tetapi adakah pembetulan saya itu tepat dengan apa pandangan Yang Berhormat Yim. Dan satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya tadi dengar nasihat yang hendak disampaikan kepada Singapura tadi bagaimana kita hendak sampaikan nasihat Yang Berhormat Yim kepada Singapura. Bagaimana caranya kita hendak menyampaikan nasihat itu.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya presiden atau pengerusi tidak beza, sungguhpun bunyinya beza tetapi sebenarnya sama juga. Chairman ataupun Presiden sama juga pada hemat saya. Jadi pun tidak apalah akan diterima oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada presiden atau pengerusi, timbalan presiden ataupun timbalan pengerusi.

Selain daripada itu tentang nasihat kepada Singapura macam mana kita menyampaikan nasihat ini kepada Singapura. Kita mempunyai pemberita-pemberita, hari ini nampaknya anda pemberita dari mana akhbar boleh tersiar di surat khabar. Ada Radio Malaysia boleh siarkan nasihat saya pada malam ini kepada Singapura kepada rakyat dunia betulkah atau tidak Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, bersatu kita teguh bercerai kita runtuh. Hari ini menunjukkan pemimpin kita bersatu padu, rakyat negara kita bersatu padu maka saya yakin negara kita Malaysia ini akan terus maju, makmur dan bahagia. Dengan kata-kata itu, saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan ini. Sekian, terima kasih.

4.45 ptg.

Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi laluan kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998 pada hari ini. Tahniah saya ucapkan juga kepada Yang Berhormat Puan Karimah yang baru sahaja dilantik sebagai Ahli Dewan Negara pada hari ini.

Dengan ini saya mengucapkan syabas kepada pihak kerajaan kerana telah berjaya mengemukakan alternatif terhadap usaha-usaha untuk memulihkan kegawatan ekonomi seperti mengadakan Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 dan tindakan kerajaan tidak memohon bantuan IMF adalah bijak. Ini kerana kita tidak tahu, kita tidak mahu negara kita dijajah untuk sekali lagi sebagaimana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

Perkara yang hendak saya nyatakan di sini ialah kerajaan hendaklah bijak menggunakan bidang kuasa yang telah diperuntukan bagi mengelak penyalahgunaan kuasa. Kita khuatir bahawa penyalahgunaan kuasa oleh pihak-pihak tertentu boleh mengakibatkan kesan buruk terhadap ekonomi negara. Apabila ekonomi kita lemah dan perpaduan tidak wujud di kalangan rakyat ia akan memberi laluan kepada petualang-petualang negara sama ada dari dalam mahupun luar untuk terus memburukkan lagi keadaan.

Oleh itu saya berharap pihak yang berwajib dapat melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan amanah. Dengan ini saya turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998. Sekian, terima kasih.

4.47 ptg.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998. Saya mengucap tahniah kepada kerajaan, walaupun dalam keadaan negara kita mengalami kegawatan ekonomi, kerajaan juga dapat berusaha untuk memberi perbekalan tambahan bagi perkara-perkara yang tertentu demi untuk meneruskan kegiatan-kegiatan negara dan seterusnya juga akan dapat menangani masalah yang sedang kita alami ini.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian Malaysia dalam pelbagai bidang adalah cemerlang. Ini bagi saya sendiri dapat saya lihat dalam dua dekad yang lalu di mana pembangunan telah bergerak dari bidang pertanian kepada perindustrian dan seterusnya kepada teknologi maklumat yang mana pada masa ini telah kita majukan setanding dengan negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah maju sehingga nama kita terkenal di antarabangsa. Banyak pembangunan dan hasil perindustrian kita telah dapat kita eksport. Yang paling mengenalkan kita di dunia antarabangsa ialah seperti kereta kita Proton. Dan orang yang paling kita sanjungi yang telah membolehkan negara kita

maju ke hadapan ini ialah tidak lain dan tidak bukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Beliau telah berusaha untuk membangunkan negara kita dan ini paling ketara dalam masa 16, 17 tahun yang lalu. Dan banyak negara yang telah kagum dengan kemajuan yang telah kita capai dan ada juga negara-negara ataupun Ketua-ketua Negara yang menghormati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang selalunya begitu menonjol di forum antarabangsa di mana beliau telah dapat menyuarakan beberapa perkara mengenai hal ehwal dunia.

Walaupun demikian Tuan Yang di-Pertua, ada juga orang yang tidak senang hati dengan kemajuan yang telah kita capai sehingga timbullah bermacam-macam cemoohan yang dilemparkan ke atas negara kita. Dalam keadaan seperti ini di mana negara kita mengalami kegawatan ekonomi, kita berpendapat bahawasanya tiap-tiap usaha yang dibuat oleh pemimpin kita untuk menangani masalah yang kita hadapi ini hendaklah kita sokong dengan kuat. Saya percaya semua rakyat Malaysia berdiri teguh di belakang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam menangani masalah ini. Kami rakyat Malaysia di Sarawak akan terus berdiri teguh di belakang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam segala usaha dan tindakan beliau untuk menangani masalah negara.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita pada masa ini telah mencapai ataupun sedang berusaha untuk mencapai tahap teknologi maklumat yang tinggi dan juga teknologi yang berkaitan seperti telekomunikasi dan multimedia. Ini dapat juga kita lihat daripada usaha kerajaan dalam menubuhkan Koridor Raya Multimedia. Walau bagaimana gigihnya kita untuk maju dalam teknologi maklumat ini, saya berharap kita tidak akan menimbulkan satu suasana di mana ada jurang yang begitu besar di antara masyarakat Malaysia yang bermaklumat dengan yang tidak bermaklumat. Ini adalah kerana tidak semua rakyat Malaysia mampu untuk memperolehi ilmu, menguasai teknologi maklumat dan tidak juga semua mampu membeli alat-alat yang berkaitan. Oleh yang demikian dalam usaha kerajaan untuk memajukan teknologi maklumat,

saya berharap kita juga tidak akan lupa bahawa ada juga rakyat yang tidak bernasib baik yang mungkin tertinggal dalam kemajuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dua hari yang lalu kita telah melihat di TV, Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita, telah menjelajah ke Republik Indonesia untuk mengetengahkan kemudahan dan peluang-peluang pendidikan di Malaysia. Ini adalah satu usaha yang harus kita alu-alukan bukan sahaja untuk menonjolkan negara kita sebagai sebuah negara di mana kita akan dapat mengikuti pendidikan tinggi secara luas, bahkan juga mungkin untuk menambahkan juga pendapatan negara dari hasil kemudahan pendidikan yang ada di negara ini.

Negara kita selama 20 tahun yang lalu telah menubuhkan banyak universiti, kolej-kolej dan juga pada akhir-akhir ini kita telah juga mengadakan kolej-kolej ataupun universiti-universiti swasta dan ada juga institusi pengajian tinggi yang berkembar dengan universiti-universiti luar negara. Semuanya ini adalah baik, demi untuk mempertingkatkan pendidikan di negara kita. Tetapi kita harus juga mengambil perhatian ke atas kemungkinan peralihan pensyarah-pensyarah daripada universiti-universiti kerajaan ke universiti-universiti swasta. Dan sekiranya ini berlaku adalah dikhuatiri mutu pendidikan universiti-universiti umum akan menjadi merosot dan selain daripada itu adalah disarankan juga supaya dalam kita membanyakkan institusi-institusi pendidikan tinggi di Malaysia, kita tidak seharusnya melihat kemajuan ini dari segi hasil pendapatan dan banyaknya graduan-graduan yang kita keluarkan tetapi kita harus juga cuba meningkatkan mutu pendidikan kita di negara ini. Kalau boleh kita dapat membuat universiti-universiti kita seperti universiti luar negeri yang terkenal dalam sesuatu bidang, sebagai contoh kalau di Harvard University ianya terkenal sebagai sebuah universiti yang dapat mengajar ilmu MBA dengan izin, yang terkenal dan ada juga misalnya Massachusetts Institute of Technology misalnya, boleh mengeluarkan pakar-pakar dalam bidang teknologi. Jadi kita di Malaysia juga harus menuju ke arah itu di mana institusi-institusi tertinggi kita akan dapat terkenal di dunia antarabangsa sebagai universiti-universiti yang boleh mengeluarkan pakar-pakar dalam bidang-bidang tertentu.

Dalam usaha kita memperbanyakkan institusi pendidikan tinggi di negara kita, saya juga kuatir ianya mungkin menjejaskan peluang untuk anak-anak miskin ataupun pelajar-pelajar bumiputera sekiranya peralihan institusi-institusi pendidikan itu daripada kerajaan kepada swasta, kerana ini akan melibatkan yuran pendidikan yang begitu tinggi, yang mana saya percaya akan menjejaskan peluang pelajar-pelajar miskin dan juga pelajar-pelajar bumiputera yang tidak mampu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini, kita pernah pada masa yang silam bercakap mengenai masalah yang akan kita hadapi, iaitu kekurangan barang makanan. Dan perkara ini sudah menjadi ketara dalam tahun ini dan usaha kerajaan untuk menambahkan lagi barang makanan sangatlah dialu-alukan. Tetapi apa yang menyedihkan tiap-tiap kali kita bertanya, kenapa kerajaan tidak dapat mengeluarkan beras begitu banyak, kenapa kerajaan tidak dapat mengeluarkan ternakan begitu banyak dan lain-lain. Jawapannya mudah sahaja, kos pengeluaran di negara kita ini terlalu besar, maka lebih mudah kita import. Pada hal pada ketika ini di mana nilai Ringgit kita adalah begitu rendah, kos import tentu lebih lagi daripada pengeluaran tempatan. Jadi saya berharap pihak kerajaan tidak akan menggunakan excuse ataupun minta izin alasan bahawa kos itu menjadi faktor utama. Kerana ada negara-negara di mana tanahnya kecil, seperti Jepun, tanahnya kecil mungkin kosnya tinggi tetapi hasil pengeluarannya besar, dan bermutu tinggi. Seperti beras Jepun yang pernah kita makan di restoran-restoran Jepun mutunya tinggi, dan kalau kita pergi ke negara Jepun, kita melihat ladang-ladang mereka tidaklah seluas ladang yang ada di negara kita. Jadi saya rasa kos sebagai alasan adalah tidak munasabah sepatutnya kita berusaha, bagaimana kita dapat mengurangkan kos ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk memajukan lagi negara dalam serba serbi, saya berharap kita tidak akan lupa satu perkara yang paling penting, iaitu perpaduan di kalangan rakyat dan negara yang mana pada ketika ini apabila negara kita mengalami kegawatan ekonomi, dan seterusnya dicemoh oleh negara-negara asing yang tertentu perpaduan rakyat adalah sangat penting. Kerana ini

akan memberi sokongan padu kepada pemimpin kita untuk menangani masalah tersebut.

Tuan Yang di Pertua, saya percaya banyak usaha-usaha, perancangan dan seterusnya yang dibuatkan oleh kerajaan untuk menentukan perpaduan di kalangan rakyat dan perpaduan negara adalah kuat dan akan berterusan. Tetapi adakah kita berpuas hati dengan apa yang telah kita buat, kerana baru-baru ini dalam setahun dua ini kita telah melihat banyak negara di mana pertelingkahan kaum ethnic telah berlaku. Dan saya percaya sebelum ini mungkin kalau pun ada timbul perbalahan itu mungkin beratus tahun sebelum itu, tetapi setelah lama hidup aman damai berjiranan tiba-tiba mereka telah bergaduh dan menimbulkan huru-hara dan banyak pertumpahan darah telah berlaku. Jadi dengan ini saya bukan hendak mengatakan perkara ini mungkin akan wujud di negara kita, tetapi hanya ingin mengingatkan kepada kerajaan dalam usaha kita memajukan ekonomi kita, memajukan serba serbi, saya berharap kita tidak akan lupa dengan perkara yang paling penting iaitu perpaduan di kalangan rakyat dan negara.

Sebagai contoh, Tuan Yang di Pertua, saya dari Sarawak pernah juga ditanya dari Semenanjung Malaysia, kalau kita kata kita datang dari Kuching, oh dari Sabah, padahal kita dari Sarawak, begitu ketara dia tahu di mana Kuching itu, dan kadang-kadang mereka bergurau, walaupun bergurau kadang-kadang sensitif, kalau dia tanya awak datang dari mana, dari Sarawak, awak diam atas pokok. Jadi perkara begini walaupun dalam gurau harus juga kita fikir dengan berat kerana ianya mungkin boleh menjejaskan perpaduan di kalangan rakyat yang mana seterusnya akan menjejaskan perpaduan negara.

Tuan Yang di Pertua, sekali lagi sebelum saya mengundurkan diri saya ingin memaklumkan bahawa saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998. Sekian, Wabillahittaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di Pertua: Yang Berhormat Tuan Tee Thiong Hock

5.05 ptg

Tuan Tee Thiong Hock: Terima kasih Tuan Yang di Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998 ini.

Setelah saya baca Rang Undang-undang ini dan juga detail-detail, nampaknya perbekalan tambahan sebanyak RM400 juta itu adalah menunjukkan bahawa kerajaan kita cukup prihatin dan peka kepada golongan yang tertentu, kerana sebanyak RM100 juta itu adalah untuk subsidi bahan-bahan petroleum. Saya agak ini adalah tujuan khas. Di sini saya ingin bertanya kementerian berkenaan apa bahan-bahan petroleum yang kerajaan beri subsidi, apa jenisnya, berapa subsidinya dan adakah subsidi ini telah diberi sebelum Perbekalan Tambahan yang kita bahaskan hari ini.

Selain dari itu, Tuan Yang di Pertua, sebanyak RM300 juta adalah untuk sumbangan kepada tabung makanan baru. Sudah beberapa kali kita bahas di Dewan yang mulia ini bilangan jumlah import bahan makanan ke negara kita ada sebanyak lebih kurang RM11 juta dalam tahun 1997 dan saya haraplah perbelanjaan RM300 juta ini dapat mengurangkan jumlah import yang begitu besar itu. Kadar perbelanjaan tambahan ini dapat mengurangkan bilangan import dengan begitu besar. Maka saya berharaplah ini dapat dijalankan dengan efektif untuk mencapai matlamat yang tertentu

Tuan Yang di Pertua, bercakap tentang pengeluaran bahan-bahan makanan, saya berpendapat bahawa pengeluaran bahan-bahan makanan boleh dapat kita mempertingkatkan melalui dua opsyen selain dari peruntukan ataupun perbekalan tambahan wang yang lebih banyak. Opsyen satu, adakah dengan bertambah lebih tanah untuk bercucuk tanam untuk petani-petani dan saya harap walaupun selalunya bila kita tanya tentang hal ini, jawapannya adalah hal-hal tanah adalah kuasa

kerajaan negeri, tetapi saya berpendapat bahawa kalau Kerajaan Persekutuan hendak mencapai matlamat yang tertentu iaitu mengurangkan import bahan-bahan makanan, Federal Government, dengan izin, ataupun Kerajaan Persekutuan patut mengadakan satu mekanisme untuk koordinasi menentukan matlamat ini dapat dicapai.

Selain dari itu cara yang kedua, macam mana import bahan-bahan makanan dapat dikurangkan ialah melalui cara agronomi yang akan meningkatkan produktiviti tanah yang kita guna untuk tanaman kita.

Sudah lama saya berfikir perkara ini, mengapa di negara kita kalau kita kira masuk MADA, KADA, Krian, Barat Laut Selangor, Pulau Pinang, Seberang Perak, Besut, Kemasin, kita mengadakan sebanyak 190,000 hektar tanah untuk menanam padi. Kadar produktiviti tanah-tanah ini dapat mengeluarkan hasil seperti yang kita dapat di Selangor ini. Saya berpendapat kadar produktiviti dapat kita pertingkatkan seimbang dengan yang kita dapat di Selangor, memang the deficit gap of 35%, dengan izin, dapat kita kurangkan by a big stand. Memang kita tidak kena lagi, there is no need to import beras dari negara asing, kerana kita ada tanah yang cukup hampir 200,000 hektar ini. Kalau kita gunakan tanah ini dengan baik, dapat keluaran seperti di Tanjong Karang ini, saya punya pandangan kita akan cukup bahan makanan iaitu beras.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang di sekeliling Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Klang ataupun bandar-bandar yang besar jarang kita boleh nampak ada petani-petani yang menanam sayur-sayuran, langsung tidak ada lagi. Saya harap Kerajaan Persekutuan dapat berkoordinasikan dengan kerajaan negeri untuk membaiki perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya rasa untuk meningkatkan pengeluaran bahan-bahan makanan di negara kita, kerajaan khasnya Kementerian Pertanian patut ada fokus yang lebih tertentu. Mengapa saya katakan fokus mustahak? Kerana fokus ini adalah merupakan sebagai satu determinasi. Kalau kita ada fokus,

kita ada determinasi. Kalau kita tidak ada fokus, kita tidak dapat mencapai apa yang kita mahu buat itu.

Di sini saya ingin memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, baru-baru ini kita Senator telah melawat ke negeri Sarawak. Satu perkara yang saya observe di sana, iaitu negeri Sarawak cukup berfokus untuk mencapai pengeluaran bahan-bahan makanan yang lebih, dan mereka telah pun selain dari redefy, dengan izin, polisi-polisi pertanian, mereka juga telah tukar nama Kementerian Pertanian kepada satu nama yang baru. Kalau tidak salah saya bernama 'Kementerian Pertanian dan Bahan Makanan' yang mana memberi fokus kepada pengeluaran bahan makanan. Tukar nama kementerian bukan satu isu yang baru. Kerana semasa saya masih budak, bila saya masih bersekolah, itu adalah Kementerian Pelajaran. Tetapi hari ini namanya Kementerian Pendidikan. Pada masa saya bekerja di FELDA – saya pernah bekerja di FELDA tiga bulan sahaja sebagai seorang buruh. Masa itu kementerian yang jaga saya pada masa itu ialah Kementerian Buruh. Tetapi sekarang namanya Kementerian Sumber Manusia. Jadi, tukar-menukar nama untuk menjadi fokus bukan satu perkara yang baru. Saya harap dan saya juga berpendapat kalau tukar nama adalah salah satu daripada jalan yang kita akan mencapai matlamat mempertingkatkan pengeluaran bahan-bahan makanan, memang kita boleh cuba.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga ambil peluang bawa satu dua perkara lain. Yang pertama, iaitu berkenaan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan Malaysia yang mana laporannya ada di meja kita. Saya pun sudah baca dan saya nampak satu trend yang saya tidak berapa faham dan saya minta keterangan. Kerana semua bilangan pemohon untuk menjadi guru mahupun Gred DG3, DG6, dua gred sahaja, hampir semuanya dipanggil untuk ditemudugakan (di'interview'). Hampir semuanya dilantik melebihi dari 95%. Ini saya rasa hairan kerana mengikut pengalaman saya selalunya bila saya buat satu iklan untuk menjemput permohonan, selalunya satu jawatan, lebih kurang ada dua puluh orang yang memohon ataupun dari

dua puluh permohonan itu, saya hanya pilih seorang sahaja, oleh kerana saya mahu cari orang yang cukup baik. Jadi, saya tidak berapa faham adakah trend ini menunjukkan satu kelemahan ataupun is a trend, saya tidak faham. Saya mintalah penjelasan.

Selain daripada itu, saya telah diberitahu bahawa Kementerian Pendidikan buat masa sekarang ada satu praktik baru untuk meng'identify'kan guru-guru yang berpotensi dalam umur 30 sampai 40 tahun dan dihantar mengikuti kursus untuk ditanda sebagai guru besar potential. Saya mahu tanya di sini, adakah cara ataupun praktik ini akan menjadi satu punca konflik di sekolah? Adakah kerana guru-guru kita yang senior di sekolah, kalau tidak salah saya di tiap-tiap sebuah sekolah, gred A, ada guru senior tidak kurang dari 8 orang, Guru Besar PK1, PK2, saya tidak tahu ada PK3 atau tidak. PK1, PK2, PKM, ketua bidang 1, 2, 3, 4, hampir 8 orang, lagi pun ada Afternoon Supervisor, Penyelaras Petang.

Jadi, adakah guru-guru senior seperti saya katakan itu lebih kurang 8 orang selalu dalam umur 45 sampai 50 tahun, adakah mereka kurang sesuai? Kerana kalau hendak mengisikan satu jawatan sahaja di sekolah sebagai guru besar kita dapat pilih dari 7-8 orang, saya rasa bukan akan 'create'kan satu isu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga hendak bawa sedikit tentang Menteri Kerja Raya, khasnya tentang CIDB. Akta 520, Akta Lembaga Pembangunan dan Industri Pembinaan Malaysia 1994. Saya bawa ini juga kerana ada report di atas meja dan saya sudah baca. Saya rasa ada sedikit perkara yang saya mahu sentuh di sini. Nampaknya, pada tahun 1996 itu semenjak CIDB mula kuatkuasakan pembayaran 0.25% ke atas projek-projek pembinaan bernilai lebih dari RM500,000 Kumpulan Wang Terkumpul (Accumulated Fund) pada tahun 1996 sudah sampai RM28 juta. Sebenarnya CIDB ini ditubuhkan pada tahun 1995 yang dapat peruntukan dan pinjaman dari kerajaan pada waktu itu pada tahun pertama dan tahun kedua sudah mulai mengutip levi itu. Tetapi pada satu tahun sahaja wang terkumpul sudah begitu besar

RM28 juta, dan keuntungannya sudah sampai tahun itu sahaja RM22 juta walaupun pada hari ini ekonomi telah pun jatuh. Tetapi pada masa jangka panjang, saya berpendapat bahawa CIDB akan menjadi satu giant, begitu besar bilangan wang akan terkumpul di akaun CIDB.

Di sini saya mahu tanya apakah langkah-langkah, apa rancangan kementerian dan CIDB akan ambil untuk menjamin wang ini diperbelanjakan dengan secara efektif, kerana saya sudah baca laporan tahunan. I am some to extend disappointed, dengan izin. Laporan Ketua Audit Tahun 1995 saya baca, dengan izin, kawalan dalaman, "Sistem kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan Lembaga ada kurang memuaskan." Selepas setahun, same thing happen, serupa juga. Seperti yang dilaporkan dalam tahun yang lalu, sistem kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan Lembaga masih tidak memuaskan. Kerana tadi saya katakan wang terkumpul akan jadi begitu besar. Ini adalah mustahak, kerana wang ini datang dari pihak pembinaan swasta melalui cara kutipan levi.

Saya tidak bercadang membaca apa yang ada di dalam Laporan Ketua Audit. Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh baca sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya memohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Zainudin.

5.20 ptg.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahaskan akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan bagi perkhidmatan tahun 1998. Saya turut merasakan perlunya tambahan ini dibuat terutamanya dalam menghadapi keadaan kegawatan sekarang yang meminta bantuan dari segenap sudut terutamanya dalam soal pemakanan.

Semalam, banyak kritikan telah dibuat oleh apa yang kita lihat sebagai kegagalan atau kelalaian kerajaan dalam mengubah sikap hidup para petani dan juga

untuk memodenkan bidang pertanian kita. Apabila kita terpegun melihat anggur manis, mempelam kuning dan buah durian besar dari Thailand, kita tidak seharusnya melupakan bahawa kita adalah satu bangsa dan negara yang paling berjaya dalam melahirkan para petani yang anak-anaknya telah merubah kehidupan untuk menjadi orang-orang profesional. Kitalah sebuah negara yang berjaya melahirkan pemodenan dalam bidang pertanian menerusi projek-projek mega yang lebih besar daripada apa yang dilahirkan oleh negara-negara jiran kita.

Kalau di negara jiran kita, kalau bapanya petani, dia akan petani seumur hidup. Kalau bapanya nelayan, anaknya nelayan – tidak akan mimpi untuk menjadi seorang doktor, lawyer, jurutera atau lain-lainnya tetapi keadaan kita adalah berbeza. Kita tidak melahirkan buah mempelam yang hebat ataupun buah anggur dan sebagainya tetapi kita melahirkan getah yang berkualiti, kita melahirkan kelapa sawit yang menandingi keluaran dari negara lain. Maka itu, kalau kita melihat dari sudut pengeluaran bahan-bahan sampingan yang kecil-kecil, maka kita merasa diri kita kecil tetapi kita sebenarnya telah melahirkan satu social mobility yang paling besar dalam dunia ini dalam merubah kehidupan para petani tetapi dalam pada itu tidaklah keadaan kegawatan ekonomi sekarang meminta kita beralih kepada tanah. Melihat keperluan tanah menyedarkan kita kepada kelalaian-kelalaian kita yang seharusnya kita atasi dan kita ambil langkah-langkah yang perlu.

Umpamanya FELDA dan FELCRA adalah suatu contoh bagaimana collective farming telah berjaya menukarkan para petani kita. Kita tidak memanggil sebagai collective farming tetapi itulah suatu langkah ke arah social mobility yang paling bersejarah yang tidak pernah difikirkan oleh negara-negara lain. Kita mengumpulkan para petani yang tidak bertanah, kita mengumpulkan para petani yang miskin, kita memindahkan mereka, kita meneroka dan membuka hutan besar-besaran dan kita memberikan bayaran. Kita membahagikan tanah mengikut sistem dan mengajar mereka untuk hidup di dalam satu sistem pengurusan yang sistematik yang

kemudiannya merubah penghidupan mereka. Dengan pendapatan yang besar akhirnya anak-anak mereka tidak sahaja belajar di negara ini tetapi merantau ke seluruh ceruk dunia untuk menimba ilmu pengetahuan. Kemudian, akhirnya tanah-tanah itu ada yang telah dijual dengan harga berjuta-juta ringgit. Maka itu, ini tidak berlaku di Thailand, ini tidak berlaku di Indonesia, tidak berlaku! Ini adalah suatu kejayaan kita yang paling besar dalam pertanian, dalam mengubah hidup para petani kita. Hal ini adalah realiti, bukan mimpi tetapi sesuatu yang telah kita capai dari semenjak zaman Tun Abdul Razak lagi yang telah mengimbangi kehidupan, yang telah menyakinkan kita menjadi suatu bangsa yang besar pada hari ini. Kalau tidak dalam keadaan kegawatan ekonomi ini kalau petani masih miskin, kalau orang Melayu masih miskin di bandar, maka orang Cina akan menjadi mangsanya tetapi langkah DEB yang dilihat dengan secara prejudis pada mulanya telah mengubah pemikiran kita ke arah menghadapi semua masalah termasuk masalah ekonomi dan politik.

Cuba lihat kepada cara kita menghadapi masalah dengan Singapura. Barangkali Tuan Yang di-Pertua masih ingat bagaimana kita menghadapi Singapura di dalam tahun 60-an. Kita menghadapi Singapura dengan perasaan perkauman. Bila Singapura melakukan perkara-perkara yang menyedihkan kita, yang menghina kita – anak-anak kita yang pergi ke Singapura dengan rambut panjang dicukurnya kepala. Barangkali orang tidak ingat, barangkali generasi muda sudah lupa. Oleh kerana kita pergi ke Singapura, dia hendak mengadakan sistem disiplin yang kuat, dua tiga orang budak muda dari Malaysia dicukur kepala dan kembali tetapi kita bersabar.

Kemudian, yang pertama sekali kena 'sue' oleh Perdana Menteri Singapura pada masa itu ialah surat khabar *Utusan Melayu*. Bukan *Star*, *Star* yang kedua tetapi akhbar yang pertama sekali ialah apabila Tan Sri Syed Jaafar Albar menuduh Lee Kuan Yew sebagai komunis dan Lee Kuan Yew mengambil tindakan undang-undang terhadap akhbar *Utusan Melayu* tetapi apabila kita hendak mencabar tindakannya, Allahyarham Tunku Abdul Rahman mengatakan, "Tak usahlah gaduh-gaduh, bayarlah"

dan kita meminta maaf, kita meminta maaf dari Lee Kuan Yew di muka hadapan, muka satu *Utusan Melayu* dan kita membayar kepadanya RM80,000. Maka itu, saya merasa amat sedih sekali apabila Ketua Pemuda UMNO Malaysia meminta maaf dari Singapura. Saya tidak boleh lupa ini tetapi apakah suatu bangsa yang dilahirkan oleh Tunku? Suatu bangsa yang dilahirkan oleh Tunku ialah suatu bangsa yang bertolak ansur. Kita marah dengan Tunku kerana menyuruh kita bertolak ansur tetapi ia telah menjadi budaya kepada masyarakat kita pada hari ini. Ia telah menanam kebangkitan suatu bangsa yang bertoleransi, suatu bangsa yang tidak lagi menghadapi cabaran-cabaran dengan cara emosional.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Di dalam tahun 60-an apabila Lee Kuan Yew menuduh orang-orang Melayu sebagai Sakai, saya tidak tahu barangkali generasi yang ada sekarang ingat atau tidak, apabila Lee Kuan Yew menggunakan Alex Jorsey, seorang wartawan Yahudi untuk mengatakan orang-orang Melayu adalah berasal dari lanun, orang-orang Melayu telah bangkit dengan menjawab secara emosi tetapi jawapan itu ditertawakan sebab kita tidak terpelajar – orang-orang Melayu miskin, orang-orang Melayu tidak boleh menjawab persoalan ini, kita tidak boleh menjawab tuduhan-tuduhan ini secara yang rasional tetapi 30 tahun kemudian kita telah menjadi suatu bangsa yang dapat menjawab kepada bangsa ini, kepada orang-orang Singapura dengan tugu-tugu keyakinan kita, dengan bangunan tertinggi di dunia, dengan lapangan terbang yang canggih, dengan pelabuhan yang tidak ada tandingnya – yang cukup efisien. Jawapan inilah menyebabkan Singapura menjadi gelabah, menjadi rasa kecil. Malah, orang-orang Singapura datang ke Malaysia mendongak kepalanya melihat kebesaran-kebesaran yang telah muncul di sini. Maka itu, ketakutannya sebagai suatu bangsa kecil dengan mentalitinya, seize mentalitynya mungkin kita harus maafkan tetapi orang Putih kata, we can choose friend but we cannot choose neighbour, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Inilah neighbour yang ada pada kita – yang akan menjadi jiran

yang berpanjangan, yang entah sampai bila-bila pun tidak akan berpisah. Satu neighbour yang dalam keadaan ketakutan – satu jiran yang akan menunjukkan kebesarannya di dalam ketakutannya. Suatu bangsa yang telah diyakinkan, dibangun dan diorientasikan untuk menjadi suatu bangsa yang rugged society, suatu bangsa yang mempunyai keyakinan diri yang melampau, suatu bangsa yang tidak menunjukkan kemanusiaannya di dalam keadaan kita terancam, di dalam keadaan kita bersama menghadapi satu kegawatan yang mengancam seluruh ekonomi Asia.

Inilah bangsa yang kita hadapi, biasanya bangsa Asia tidak begitu, orang-orang Cina pun tidak mempunyai budaya yang begitu. Orang-orang Cina juga merasa terasing, orang-orang Cina di Tanah Besar merasa terasing dari Singapura. Saya masih ingat ketika saya makan di satu restoran di Taiwan dengan orang-orang Cina yang sebagai guideline tetapi di satu meja asing ada kumpulan orang-orang Cina juga. Orang-orang Cina ini semuanya bercakap dalam bahasa Inggeris tidak bercakap dalam bahasa Cina langsung, kemudian orang-orang Cina di meja saya berkata “what do they think they are?” – dia terasing, dia tidak ada rasa budaya, tidak ada perasaan yang sama.

Inilah jiran kita, sepatutnya dalam keadaan yang tergugat begini mereka lebih bersimpati tetapi satu hal yang harus kita sedar, satu hal yang paling menyeronokkan, paling membanggakan, paling membahagiakan ialah kali ini kita menghadapi Singapura sebagai satu bangsa – Cina, Melayu, India menghadapi masalah Singapura bukan masalah perkauman tetapi sebagai masalah kita bersama. Kita menghadapi segalanya secara kolektif, secara yang bukan memusuhi tetapi secara orang yang cultured, orang yang refined, orang yang tahu budaya hidup berjiran. Itulah sikap dan kita melihat bagaimana anak-anak cucu-cicit yang dilahirkan oleh Tunku ini di atas budaya tolak ansur itu. Kita melihat orang-orang Cina seperti Presiden MCA, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, Timbalan Menteri Dalam Negeri – semuanya very soft, berlainan. Mereka bukan robot, mereka berlainan, budibahasanya, caranya, cakap

Melayunya, itulah anak-anak yang telah dilahirkan oleh doctrine yang telah dibuat oleh Tunku, melahirkan satu bangsa yang tolak ansur, yang toleransi.

Kita telah dapat membuktikan kekuatan budaya ini dalam masa kita menghadapi cabaran, orang menghormati kita, orang tahu - ini Singapura tidak hanya melakukan ini kepada kita. Mereka menyebat anak orang dari Amerika yang membuat vandalism di Singapura, bukan hanya kepada kita tetapi dengan keangkuhan mereka itu bukanlah bererti kepercayaan kepada diri sendiri tetapi ialah ada 'Uncle Sam' di belakangnya. Jadi saya rasa kita haruslah menghadapi keadaan ini terus dengan sober, keadaan yang tenang sebab tidak semua melihat tentang pentingnya untuk kita menjawab secara emosi juga tetapi kita haruslah menghadapi mereka dengan cara yang rasional.

Saya melihat beberapa kenyataan yang terakhir daripada Singapura yang agak mengalakkan iaitu mereka telah come to a level headed iaitu mereka perlu menyatakan tentang pentingnya untuk menguruskan masalah-masalah yang timbul ini dengan cara yang sewajarnya. Kita tentulah mengalu-alukan sebab seperti yang saya kata tadi kita akan terus berjiran dan bukanlah bermakna pintu perundingan itu telah tertutup tetapi kita haruslah bersikap sebagai budaya orang-orang Timur, bukan orang yang terasing daripada budaya Timur.

Tentang collective farming iaitu sebenarnya telah dipelopori oleh Perdana Menteri sendiri di kawasan Kubang Pasu iaitu cuba untuk menanam padi secara yang kolektif tetapi it was a fiasco, gagal. Collective farming ini menjalankan penanaman padi secara kolektif ertinya - estet ada pengurusnya, ada pekerjanya tetapi malangnya yang diberikan tanggungjawab adalah pegawai-pegawai kerajaan. Pegawai-pegawai kerajaan ini bekerja pergi pukul 8.30 pagi balik pukul 4.00 petang dan tidak ada penghayatan terhadap cita-cita untuk membangunkan masyarakat tani, maka kerana sikap inilah maka collective farming itu gagal, tetapi tidak seharusnya gagal.

Kegagalan itu tidak seharusnya menjadi suatu perkara yang harus memberhentikan kita untuk memulakannya semula. Sebab kita tidak tahu apa yang akan berlaku, keadaan ekonomi adalah amat menggerunkan, kita tidak tahu tekanan terhadap Jepun, China dan seluruh Asia sedang menunggu sama ada China akan 'devalue' wangnya yang akan melibatkan pasaran saham semakin hari semakin membimbangkan dan orang-orang sudah tidak mahu melihat laporan saham dalam akhbar. Tetapi sebenarnya sudah tidak menakutkan lagi kerana ketakutan kepada kejatuhan saham sudah tidak ada lagi, orang sudah tidak sensitif lagi. Kita sudah keluar daripada phobia/ ketakutan kepada kejatuhan saham, kita sudah seolah-olah yakin dan kita melihat keadaan di Malaysia memang meyakinkan jika dibandingkan dengan keadaan di tempat-tempat lain di mana masalah umpamanya keadaan di Indonesia untuk membeli ubikayu pun tidak ada duit.

Di Thailand, kita tidak tahu bagaimana tiba-tiba Thailand dikatakan sebagai sebuah negara maju sedangkan kita tahu dalam banyak hal bagaimana dia mencari wang, bagaimana bandar Haadyai dibangunkan, kita tahu tetapi tiba-tiba ia di 'proper-gate'kan sebagai sebuah tiger di Asia. Tetapi kita harus mempunyai keyakinan diri yang lebih besar oleh kerana kita lihat pada diri kita sendiri dalam keadaan masa British sendiri kalau Tuan Yang di-Pertua masih ingat lagi – kita bukan orang susah, negara kita tidak susah. Nenek saya membawa saya ke kedai kopi Cina di masa British - maknanya kemampuan kita lebih besar daripada orang lain dan kita membangunkan rancangan-rancangan perumahan tidak hanya sekadar di bandar. Di Indonesia, di Thailand, kita lihat hanya di Hadyai, di Bangkok atau di Chiangmai, di Indonesia kita tengok di Medan, di Jakarta tetapi apakah ada pembangunan perumahan secara besar-besaran seperti yang berlaku di Malaysia tidak ada dan orang-orang kita bukan membeli rumah dengan tidak membayar wang, orang kaya memanglah berhutang berjuta-juta ringgit barangkali tidak bayar tetapi orang biasa – bayar.

Itulah hakikat yang sebenarnya – beli motokar kita bayar wang motokar sebab itu walaupun dikatakan macam-macam penyelewengan yang berlaku tetapi berjalan sebab kebanyakan orang kita amanah. Kita telah dididik begitu, telah dibesarkan oleh ibubapa budaya British juga budaya keislaman dan banyak nilai-nilai baik yang telah dapat kita lihat dalam masa kegawatan ini. Jadi, inilah yang saya kira yang dikatakan fundamental, kita tidak tahu apa fundamental, di mana fundamental kita? Kita bercakap tentang fundamental sebab apa, ke mana, simpanan wang kita banyak dan dalam keadaan ini juga kita melihat kekuatan sistem Islam itu sendiri yang menjadikan Tabung Haji sebagai satu institusi kewangan yang paling kuat. Dalam kegawatan ini juga kita melihat betapa pengajaran Islam itu untuk tidak mengambil riba, tidak mencari keuntungan daripada interest menyebabkan walau apapun berlaku, kebanyakan orang-orang Islam tidak akan melarikan wang dari negara ini untuk mendapatkan interest 40% daripada Singapura atau lain-lain.

Kalau ini menjadi budaya kita, kalau ini dapat kita semaikan sebagai suatu amalan kita, kita mempunyai nilai-nilai yang besar, kita melihat fundamental walaupun orang Cina tidak mengamalkan sikap ini tetapi is a mixture of races atau nilai-nilai tiap-tiap bangsa yang ada dalam negara ini mempunyai nilai-nilai yang baik. Cina ada nilai baiknya, Melayu ada nilai baiknya dan kita saling ambil mengambil, interaksi budaya berlaku the cross culture is happening dan semakin kuat. Saya melihat ini dengan rasa keyakinan diri yang besar terhadap kemungkinan-kemungkinan kita menjadi satu bangsa Malaysia yang begitu kuat terutamanya dalam keadaan kita menghadapi krisis ini. Kita melihat umpamanya kadang-kadang anak-anak kita daripada berbagai kaum keluar dari kilang tempat bekerja, anak gadis Cina memakai mini-skirt, budak Melayu dengan kelubungnya – berjalan bersama-sama sebab bahasa yang digunakan ialah bahasa yang sama. Tidak ada lagi perasaan anak Cina mengatakan anak Melayu cuba memaksanya belajar bahasa Melayu seperti dalam

tahun 60-an, bila permulaan kita melaksanakan bahasa Malaysia sebagai medium dalam sekolah-sekolah.

Perasaan itu sudah tidak ada, kita sudah melampaui zaman itu, kita sudah mempunyai keyakinan - kalau dahulu sekiranya supermarket bukan Melayu tidak mengambil orang Cina, itu boleh dijadikan isu politik oleh orang-orang seperti Datuk Harun dan sebagainya untuk mendapat pengaruh tetapi ini sudah tidak laku, supermarket bukan tidak mahu mengambil orang Melayu tetapi tidak ada pekerja sebabnya ialah pertumbuhan ekonomi yang begitu kuat, yang mencetuskan satu masalah yang lain. Bukan satu masalah tidak mahu mengambil Melayu atau orang Cina. Ini semuanya telah meredakan, mengurangkan perasaan perkauman dan menimbulkan suatu keyakinan yang besar dalam diri kita.

Hal inilah yang harus kita melihat dalam keadaan-keadaan kita menghadapi cabaran yang besar, hal ini harus menjadi bibit-bibit apa yang dikatakan fundamental dalam diri kita, apa yang selalu dikatakan fundamental oleh pemimpin kita tetapi kita tidak kenal apa fundamental tetapi inilah fundamental. Maka itulah saya ingat keyakinan ini jugalah simpanan dalam ASN, simpanan dalam ASB, simpanan orang-orang bukan Melayu dan sebagainya, maka itu kita boleh lihat orang masih pergi ke supermarket, orang masih pergi berbelanja dan sebagainya. Kita biasa dengar kita satu bangsa yang patuh kepada ketua, berjimat tetapi berbelanja dengan berhati-hati. Ini adalah suatu yang menarik kalau kita sensitif, kalau kita observance, kalau kita mahu melihat apa elemen-elemen yang menjadikan kita sebagai satu bangsa yang kuat dan yakin diri.

Jadi, saya berbalik kepada soal collective farming, saya rasa untuk pertanian kita mempunyai banyak collective farming ini menjadi semakin penting oleh kerana dahulu masalah pasaran timbul oleh kerana tidak ada tempat untuk dijual. Orang kampung tanam sayur di mana hendak dipasarkan tetapi sekarang Carrefour, Giant, supermarket yang besar yang saya tidak ingat, Makro dan sebagainya, sekarang tidak

menjadi masalah kalau pemasaran itu mahu dijalankan. Saya minta maaf kalau sudah dijalankan oleh FAMA dan sebagainya. Saya pergi ke Merang, Terengganu baru-baru ini, saya melihat petani-petani di sana menanam tembikai, di sana dipanggil 'timun Cina, orang Kedah kata tembikai, mereka pasarkan dan ada orang datang ambil dan sebagainya. Yang menariknya baru-baru ini saya pergi membawa cucu saya untuk gunting rambut, saya bertanya dan penggunting rambut ini agak terpelajar, biasanya penggunting rambut ini terpelajar kerana mereka menjadi centre tempat pertemuan dan di samping itu surat khabarnya dibeli daripada awal mereka baca surat khabar tahun 50-an tetapi cara dia bercakap saya melihat dia sebagai seorang yang terpelajar. Saya kagum dengannya menggunting rambut, kemudian saya bertanya "Gunting rambut?", dia kata tidak, dia juga mengusahakan lebih kurang satu ekar tanah untuk menanam cili. Kemudian selepas dia habis menggunting rambut dia pergi dengan isterinya ke kebun cilinya dan dia mengutip tidak kurang dari satu pikul seminggu dengan pendapatan yang lebih RM1,000 sebulan, hidup di Merang dengan RM1,000 sebulan apa hendak buat dengan wangnya, orang kampung simpan duit pergi Haji, anak-anaknya sudah berjaya, anak seorang jadi jurukur di Kuala Lumpur ini dan seorang lagi saya tidak ingat, dua orang yang berjaya.

Inilah kejayaan daripada DEB dan sebagainya tetapi kesedaran dan masalahnya yang saya terfikir oleh kerana kita sudah tenggelam dalam arus korporat, arus penswastaan, arus untuk menjadi orang kaya baru, itu tidak salah untuk menjadi kaya, untuk menjadi orang korporat, tidak salah tetapi apabila kita tenggelam dan terbawa dalam arus ini, maka apakah kita masih mendekati para petani. Apakah wakil-wakil rakyat lebih sibuk ke bank atau lebih sibuk menjadi korporat daripada mendekati para petani yang di kampung-kampung. Apakah mereka pergi menemui orang-orang kampung yang masih memerlukan nasihat dan bantuan atau mereka sibuk dengan urusan politik yang tidak habis-habis. Ini adalah masalah, kita tidak boleh menyalahkan kerajaan, siapa kerajaan? Kerajaan adalah wakil-wakil rakyat, kerajaan

adalah kita semua. Kalaulah dalam sesuatu kawasan itu dicetuskan, dilahirkan hanya empat, lima orang petani sahaja yang berjaya seperti seorang penggunting rambut di Merang ini yang mungkin saya akan menemuinya lagi untuk mendengar ceritanya dan mungkin boleh menulis tentang ceritanya yang menarik, atau mungkin untuk menjadi bahan cerita seorang petani yang berjaya, bukan tidak boleh, kita ada tanah, banyak tanah terbiar untuk dijadikan collective farming. Janganlah pula pergi ambil tanah-tanah tempat burung-burung berlindung untuk dikomersialkan.

Kadang-kadang saya terfikir juga jawapan dari kementerian yang mengatakan tanah rizab clear itu untuk 100 tahun akan datang tidak akan disalahgunakan. Saya terima jawapan bertulis mengatakan tanah itu tidak akan disalahgunakan, saya minta jaminan bagaimana tanah itu tidak disalahgunakan 100 tahun akan datang, apakah ada jaminan? Katanya tidak ada tanah yang disalahgunakan tetapi tanah di Melaka rizab hendak dijadikan sebagai resort. Jadi saya tidak tahu yang 100 tahun ini adakah rizab untuk pembesaran clear itu akan kekal, kerajaan akan bertukar, cara berfikir akan bertukar, pemerintah akan bertukar, pemimpin akan bertukar, yang rasuah tidak jadi rasuah, yang tidak jadi rasuah jadi rasuah dan sebagainya akan berlaku. Apakah jaminan?

Satu hal yang kita lihat, ramai orang di sini yang pernah pergi ke United Kingdom, bagaimana United Kingdom boleh mengekalkan kehijauannya, mengekalkan masyarakat kampung yang berunsurkan tanih yang apabila kita masuk setiap kampung di country sidenya adalah didahului dengan empat, lima padang bola, dengan kehijauan yang indah. Ini sebenarnya walaupun hanya sebagai simbol-simbol tetapi menunjukkan bahawa masyarakat ini tidak bergerak sebagai satu masyarakat yang tamak dan haloba untuk 'memogar' segala hutan demi untuk komersial. Bukan mereka tidak salah, kita pun tidak salah semuanya, banyak yang betul yang saya tunjukkan tadi dalam soal pembangunan pertanian, meneroka tanah, menukar

kemiskinan kepada kekayaan dan sebagainya. Kita mempunyai kekuatan tetapi dalam pada itu kita melihat sudut-sudut yang lemah.

Jadi dalam hal ini soalnya ialah untuk kembali kepada masalah petani tadi, saya harap kalau boleh kita memikirkan semula soal collective farming, untuk sekarang umpamanya BERNAS. BERNAS kalau tidak silap saya mengusahakan sawah di Myanmar dan juga di Afrika dan kita menjadi sebagai orang-orang expatriate di Afrika, dihormati dan demikian juga di Myanmar tetapi belum berjaya lagi, saya mendapat tahu bahawa kita mengusahakan pembukaan sawah padi di Myanmar. Saya rasa kalau BERNAS betul-betul untuk mencuba collective farming atau estet secara besar-besaran di mana-mana tanah yang ada sebagai sawah secara yang ada pengurus, ada pekerja dan sebagainya, secara sistematik, bolehlah kita cubakan. Walaupun barangkali tidak menguntungkan, saya tidak tahu dari segi ekonominya, katanya kalau kita menanam padi yang cukup tidak akan menguntungkan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang minta laluan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Datuk Zainudin maklum bahawa ada sebuah estet padi di Seberang Perak yang diusahakan oleh FELCRA dan ianya telah berjaya meningkatkan produktiviti padi kita dari 4 tan metrik sehektar sehingga lebih 7 tan metrik dan matlamatnya mungkin akan sampai 11 tan metrik sehektar. Ini usaha yang telah dilakukan oleh FELCRA sewaktu FELCRA adalah sebahagian daripada agensi Kementerian Luar Bandar tetapi sekarang ini saya pun tidak tahu cerita akhirnya apabila FELCRA telah diswastakan sama ada ia akan tetap sebagai sebuah badan yang akan terus mengusahakan padi secara moden seperti yang telah dilaksanakan ataupun tidak. Saya harap dengan cadangan Yang Berhormat Datuk Zainudin Maidin mungkin FELCRA harus digemblengkan dengan lebih menyeluruh lagi. Sekian.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Yang Berhormat rakan saya, sebenarnya saya pernah baca tetapi saya lupa. Tetapi bagaimanapun itu adalah suatu bukti bahawa kalau dijalankan, boleh berjaya. Dan mungkin ini menjadi suatu contoh untuk kita menjayakan collective farming kerana telah ada bukti-bukti kejayaannya.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit sahaja tentang masalah kegawatan ekonomi secara langsung dari tekanan-tekanan luar. Iaitu kita menghadapi tekanan daripada agensi-agensi penilaian terhadap kita, serangan-serangan yang tidak henti-hentinya daripada agensi-agensi luar. Dan ini menunjuk bukti bahawa kalau kiranya mereka bercakap bahawa IMF bertujuan untuk menolong Asia tetapi apabila Moody's dan sebagainya, apabila mereka telah tahu bahawa kita mempunyai satu langkah yang meyakinkan, satu langkah yang praktikal, satu langkah yang besar ke hadapan untuk memperbaiki ekonomi kita apabila diumumkan oleh Tun Daim, kenapa mereka harus berlaku demikian. Kenapa harus mereka menjatuhkan 'rating' kita, kenapa? Kalau mereka ikhlas, kenapa harus mereka lakukan begitu pada kita. Ini adalah suatu perkara yang amat menyedihkan.

Apakah mereka lihat, mereka takut kepada satu kebangkitan bangsa Asia, atau penyatuan ASEAN dengan China itu menggerunkan mereka ataupun mereka mahu menguasai Indonesia untuk mengimbangi China kelak. Apakah agenda mereka kita tidak faham. Tetapi katanya ini masalah luar - tetapi katanya tekanan Yahudi kepada Amerika sendiri itu besar, tambahlah tekanan kepada kita. Rupanya Clinton pun atas tekanan Yahudi maka itu soal skandalnya dibesar-besarkan, padahal Presiden Amerika masalah skandal ini telah berlaku dari dahulu sampai sekarang, tidak pernah dibesar-besarkan. Boleh kata tiap-tiap presiden Amerika ada affair dengan secretarynya dan sebagainya tetapi kenapa ini dibesarkan. Adakah masalah - ini masalah mereka yang tidak harus saya katakan. Adakah masalah Clinton tidak mahu bertolak ansur dalam soal dengan Palestin agak keras dan sebagainya. Tetapi kenapa kita dijadikan sebagai mangsa, apa perhitungan besar mereka.

Kita tidak boleh menolak anggapan yang dibuat oleh Perdana Menteri bahwa ada conspiracy, kita tidak pernah mengatakan kita 'tiger' dan sebagainya tetapi saya ingat dalam tahun 1980-an kita menghadapi masalah yang sama apabila kita bangkit untuk melakukan suatu dasar untuk membangunkan negara dengan investment yang besar sedangkan ekuiti kita masa itu masih kuat iaitu tidak boleh ekuiti dalam 100, saya tidak ingat berapa persen. Tetapi akhirnya kita terpaksa mengorbankan ekuiti itu untuk menggalakkan penanaman modal dari luar.

Tetapi apa yang saya hendak katakan ialah pada masa itu *Wall Street Journal*, *Herald Tribune*, *Time*, *Newsweek* menyerang kita mengatakan kita rasuah, Menteri Kewangan rasuah, negara kita menindas orang Cina, DEB tidak adil. Semuanya - serangan begitu hebat tetapi Perdana Menteri sendiri pergi ke New York memanggil dua orang wartawan daripada *Wall Street Journal* dan berhadapan, meyakinkan mereka terhadap dasar-dasar kita. Kemudian dua orang wartawan asing de-persona non grata daripada Malaysia, kita menghadapi tohmahan, kita menghadapi kritikan tetapi kita terus dengan dasar kita. Tetapi apa akhirnya. Apa akhirnya yang berlaku. Akhirnya Amerika menyesal, akhirnya *Time Magazine* saya masih ingat cover/kulitnya mengeluarkan cerita tentang, 'Amerika telah ketinggalan'. Covernya ialah *Sayonara America*, apabila mereka menyedari bahawa negara kita telah dikuasai oleh banyak pemodal-pemodal daripada Jepun. Mereka menyesal dan mereka telah merasa ketinggalan dan mereka menghantar orang-orang mereka untuk meninjau dan menyedari bahawa mereka telah ketinggalan 'Sayonara America'.

Hal ini akan berlaku lagi, saya ingat akan berlaku lagi. Saya tidak fikir Eropah akan senang dengan Amerika, negara-negara Eropah sendiri pun bukan senang dengan sikap buli Amerika. Maka kedatangan beberapa orang, kita telah melihat pemuda-pemuda British telah mulai datang dan apabila mereka datang, mereka tidak akan membiarkan negara ini hancur. Mereka datang walaupun umpamanya perjanjian dengan Binariang dan sebagainya, mereka datang walaupun secara kecil-kecilan tetapi

mereka melihat masa depan. Mereka mempunyai keyakinan kepada negara ini. Tidak ada orang yang mahu menanam wangnya di sini kemudiannya membakar wangnya, tidak ada.

Kita harus ada keyakinan diri. Keyakinan diri inilah harus kita tunjukkan dan saya merasa bahawa dengan keyakinan itu menjadikan diri kita lebih besar apabila khabar-khabar angin telah tidak dihiraukan. Itu adalah kejayaan kita. Apabila khabar angin di Chow Kit Road tidak laku, itu adalah keyakinan diri. Apabila khabar angin itu telah tidak dipedulikan maka itu kita telah berjaya menjadi satu bangsa yang mempunyai keyakinan diri yang besar yang melihat masa depannya cerah, yang mempunyai keyakinan diri dan ia akan menjadi satu bangsa besar walaupun negaranya kecil. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.57 ptg.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998. Saya turut menyokong Rang undang-undang ini dan terlebih dahulu sebelum saya bangkitkan mengenai isu-isu yang saya rasa penting, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan dan merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada pihak Urusetia Parlimen yang saya nampak akhir-akhir ini amat tepat dan efisien sekali dari segi penyediaan 'Penyata Mesyuarat'. Hari Isnin lalu bila saya dapat, apabila saya pegang, masih panas lagi, keluar daripada - tetapi saya tidak sempat bercakap.

Seorang Ahli: Macam goreng pisang.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Macam goreng pisang. *[Ketawa]* Dan hari ini saya nampak, hari semalam punya, hari Selasa hari ini sudah keluar. Ini suatu perkembangan yang amat baik, amat sihat kerana bagi mereka yang bercakap, tidak ada kepuasan selain daripada melihat bahawa percakapannya itu dirakamkan dan mempunyai kemungkinan dan peluang pula membuat pembetulan di mana perlu. Saya

rasa perkara ini amat baik cuma saya harap pihak-pihak kementerian yang mengikuti perkembangan ini juga turut menyampaikan kepada pihak-pihak tertentu dan sekurang-kurangnya mengambil perhatian dan pertimbangan dan bahaskan idea-idea, cadangan-cadangan yang disampaikan oleh Ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini, itu yang pertamanya.

Keduanya, saya juga turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan kerana mengambil langkah begitu tegas tentang surat layang ini. Ucapan tahniah saya turut tujukan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Timbalan Presiden UMNO kerana membuat kenyataan yang begitu amat jelas dan terang walaupun pada hari ini tidak semua akhbar menyatakan dengan terang, saya rasa saya terpanggil untuk membuat kenyataan dan sokongan bulat kerana alhamdulillah, saya berkesempatan mengikuti ucapan yang sebenarnya. Ada relevannya dengan perkara-perkara yang kita bahaskan.

Pertamanya, hendaklah kita mengambil iktibar bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim sendiri menerima, melihat sejarahnya, dari mana dia datang dia mengetahui bagaimana kemasukan beliau dan terhutang budinya beliau kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Beliau menganggap Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai guru, malah sebagai bapa maka beliau mengatakan: "Kalau sudah menjadi guru, dia hanya sebagai seorang penuntut." Dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir juga seorang bapa, takkanlah sanggup anak dan pelatih anak murid ini sanggup melawan guru. Perkara ini harap dimatikan segala usaha-usaha pihak lawan, pihak-pihak yang mengingini mengenai surat layang dan sebagainya.

Saya rasa ini ada kaitannya dan saya harap walaupun selepas ini mungkin ada berita-berita lain yang ingin orang lain cuba hubungkaitkan apa sahaja berita mengenai apa sahaja, sama ada di dalam negeri ataupun di luar negeri, saya harap rakyat keseluruhannya akan melihat ini sebagai satu kes yang di mana kita ingin bermuafakat

sebagai satu pasukan kuat dalam parti dan juga di dalam kerajaan untuk menghadapi cabaran yang sama iaitu kegawatan ekonomi untuk menghadapi keyakinan rakyat iaitu untuk meneruskan kuasa Barisan Nasional yang telah pun membuat jasa-jasa yang begitu baik dan tidak ada masa lagi untuk kita berbalah sesama sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya ingin menyebut sedikit dan komen teguran sedikit tentang kenyataan oleh seorang Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang mengetuai Majlis-majlis Mesyuarat Menteri-menteri Besar yang mengatakan bahawa soal isu surat layang kita hendak perhati dahulu, baru dia hendak panggil Mesyuarat Menteri-menteri Besar untuk membincangkannya.

Saya ingin merakamkan di sini dan sampaikan mesej bahawa tidak boleh perhati lagi, perkara surat layang ini hendaklah dimatikan sekarang, ketegasan kerajaan amat baik, saya bersetuju benar tunjukkan kekerasan dan kekuasaan kita bahawa kita tidak hendak orang menggunakan surat layang dan fitnah ini dalam masyarakat. Satu unsur, satu sumber yang kuat untuk menunjukkan ini ialah kumpulan menteri-menteri besar, kita tidak mahulah kumpulan menteri besar kita hendak tunggu dahulu dan hendak melihat serius atau tidak, perkara ini adalah serius, alarm bell, dengan izin, telah dilaung-laungkan hebat, api telah menyala besar, tidak boleh lagi kita tunggu.

Jadi, saya harap kepada yang berkenaan tolonglah membuat sesuatu sekarang dan segera tanpa tunggu-tunggu dan lihat-lihat lagi dan langkah terbaik ialah untuk mematikan, memadamkan dan memberi kupasan dan takrif yang tepat mengenai kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Presiden, Dato' Seri Anwar semalam, itu yang mustahak sekarang, jangan dikaitkan, oh ini tidak habis lagi kerana ada ini dan itu. Kalau kita panjang-panjangkan tidak habis.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut tentang masalah kewangan negara sekarang dan telah dibangkitkan tentang isu IMF, sudah dicadangkan supaya diadakan seminar, membawa pakar-pakar ekonomi untuk berbincang dan membahas di

dalam negara, ini cara terbaik. Cuma yang ingin saya tambahkan ialah dalam masa kita melihat, menangani masalah yang besar kegawatan ekonomi ini, saya rasa patut badan-badan penyelidik seperti ISIS atau MIER atau mana-mana badan, lebih-lebih baiknya ISIS atau MIER membuat kajian spontan analisis mengambil kira pandangan dari dalam dan luar negara untuk mengetahui experience kita ini yang tidak pernah kita hadapi. Kita telah lalui satu keadaan yang kita tidak sangka hendak jadi, seolah-olah dikatakan Barat memberikan kita keyakinan kosong, apakah ini tepat dan apakah pengajaran yang sebenarnya yang boleh kita ambil sekarang.

Apakah iktibar yang boleh kita pelajari daripada masalah ekonomi itu dan ini pada saya patut dijadikan sebagai bahan untuk dijadikan penerbitan khusus supaya dapat dijadikan bahan rujukan, kalau pengalaman kita masa ini tidak dirakamkan dengan betul, saya takut zaman masa depan, another cycle sepuluh tahun lagi, kita akan turut menghadapi masalah yang sama dan kita terlupa macam mana hendak menanganinya kemudian.

Sepertimana saya beri contoh, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyebut, kita cuba hendak buat sesuatu, sudah diambil tindakan yang lain, jadi, sekarang kita tidak payah beritahu lagi apa yang kita hendak buat kerana kalau tidak pihak Barat atau pihak lawan akan mengambil tindakan yang lain pula. Kalaulah kita kumpulkan segala pengalaman dari A to Z dalam masa setahun ini, saya percaya ini ilmu yang terlalu amat banyak yang saya sendiri sebagai pelajar ekonomi, sebagai Ahli Dewan, ingin mengetahui dengan lebih jelas dan terperinci dan ini boleh dijadikan bahan kemudian hari untuk bakal pemimpin-pemimpin masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak bangkitkan ialah MTEN. Saya telah bangkitkan soalan hari ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, tetapi saya hendak tekankan dengan lebih panjang lebar tentang kerjasama rapat di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri.

Kita tahu masalah ekonomi yang melanda negara adalah di bawah bidang tugas Kerajaan Persekutuan, juga di bawah bidang tugas kerajaan negeri. Kerajaan Persekutuan ada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), kerajaan-kerajaan negeri pun ada, negeri Selangor pun ada Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES). Kita ingin cadangkan supaya pihak Kerajaan Persekutuan mencari pendekatan yang baru, yang sesuai dengan masalah yang kita hadapi ini supaya apa sahaja masalah yang lalu dari segi koordinasi dan komunikasi antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri ini akan dapat diselesaikan atau kalau adapun jurang akan dapat dirapatkan lagi.

Saya rasa keberkesanan segala usaha-usaha ini akan lebih manfaat kalau sekiranya segala perancangan dan tindakan strategik yang akan diambil oleh MTEN juga akan disusuli selaras oleh pihak-pihak negeri sendiri, sebab kadang-kadang bila kita sebut perkara ini, mungkin nampaknya senang, apa susahnyanya sangat ini Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri - Majlis Menteri-menteri Besar selalu datang bermesyuarat, itu satu bab - datang mesyuarat bukan ertinya penyelarasan telah berlaku, bukan ertinya segala penghalang berlaku kerana yang lebih ialah apa yang hendak dilaksanakan selepas dari persetujuan di peringkat mesyuarat-mesyuarat di antara Kerajaan Persekutuan dan ketua-ketua menteri dan menteri-menteri besar.

Saya katakan ini kerana baru-baru ini Kerajaan Negeri Selangor mengadakan satu kolokium khas di antara pegawai-pegawai tinggi kerajaan bersama dengan Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, selama tiga hari kami di Port Dickson untuk membincangkan tentang perancangan strategik kepimpinan negeri Selangor Darul Ehsan.

Alhamdulillah, saya mengikuti perbincangan ini dan saya lebih mengetahui tentang masalah-masalah yang wujud, oleh kerana itu saya tidak hendak menghuraikan satu-persatu, sekadar merakamkan mengambil iktibar apa yang saya dengar dalam kolokium ini dan mungkin dapat dilaksanakan, dibaiki dalam masa kita menangani masalah ekonomi yang begini besar.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang umum mengetahui banyak dana yang telah diumumkan, tidak payah saya huraikan satu-persatu, take it as understood, dengan izin. Saya ingin merujuk kepada satu majlis baru-baru ini yang diadakan di Kementerian Kewangan iaitu majlis di mana Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyampaikan surat-surat tawaran pinjaman kepada syarikat-syarikat IKS. Beliau menyebut tentang masalah lambat untuk memproses, memberi dan menggunakan dana-dana yang telah diumumkan.

Saya rasa apa yang ditekankan ialah antaranya tentang sikap dan cara pendekatan yang diambil oleh pegawai-pegawai bank itu sendiri sama ada pegawai di peringkat atasan, di peringkat tengah terus sampai ke pegawai-pegawai pengurus-pengurus di cawangan-cawangan. Kadang-kadang dalam pertubuhan bank yang begitu besar, yang nampaknya canggih membuat keuntungan yang begitu besar, kadang-kadang bila datang pendekatan baru begini, pihak bank terlalu rigid, dengan izin, untuk mengeluarkan pinjaman-pinjaman ini.

Jadi, kita harap dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin menyeru pihak bank keseluruhannya supaya mempertingkatkan lagi keiltizaman mereka untuk membantu mengeluarkan pinjaman-pinjaman ini melalui dana-dana yang telah pun diumumkan oleh kerajaan kerana dana yang diumumkan oleh kerajaan adalah dana pengumuman yang serius, yang mempunyai niat yang baik, tetapi ianya hendaklah diproses, diselaraskan, diamalkan melalui struktur perbankan yang ada sekarang. Jadi, kita harap walaupun di peringkat pengurus-pengurus cawangan perkara ini akan dapat dimanfaatkan oleh mereka yang menghendakinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan soal penarafan A, B dan sebagainya oleh Moody's dan juga badan-badan lain dalam negara, yang saya ingin tambah

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk sekejap.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Ya, baik!

Tuan Yang di-Pertua: Ada satu Usul yang akan dibawa oleh Yang Berhormat Menteri. Sila.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

6.10 ptg.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.00 malam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan:

Masalahnya ialah suatu usul bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.00 malam.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Masalahnya ialah suatu usul bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.00 malam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila sambung.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak bangkitkan sekarang ialah mengenai pinjaman antarabangsa penarafan yang saya sebutkan tadi.

Saya ingin cadangkan sebagai lanjutan kepada analisis awal ialah mungkin inilah peluangnya di antara pendekatan yang boleh kita ambil ialah melihat alternatif lain untuk mencari dana ini. Saya pernah menyebut dalam perbincangan hal lain walaupun kita tahu tidak boleh diumumkan secara diam-diam misi menjalankan pilih orang-orang yang lebih friendly kepada kita umpamanya dunia Islam. Dunia, negara yang mempunyai kekayaan minyak walaupun harga minyak agak rendah sekarang. Kalau kena caranya untuk kita menemui mereka insya-Allah pinjaman yang kita harapkan akan diperolehi lebih-lebih lagi kalau sekiranya kita dapat menunjukkan bahawa kita mempunyai projek-projek yang besar dan sebenarnya melihat kepada keperluan mereka sendiri yang mungkin mereka tahu masalah mereka. Dunia Islam ini juga amat prihatin tentang apa Barat buat kepada dunia Islam umpamanya? Kalau kita menggunakan andaian itu sebagai premis untuk kita membuat projek supaya projek itu juga menyelesaikan masalah mereka, saya rasa ini adalah peluang baik untuk kita mendapatkan sokongan daripada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang ingin saya bangkitkan ialah tentang projek-projek kecil yang sekarang ini rancak diberi fokus oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang 'turun padang' dan mendapatkan taklimat spontan dan mengetahui daripada pegawai-pegawai kerajaan tentang kemajuan dan sebab musabab perkara ini tidak berlaku. Saya ingin merakamkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa pendekatan ini adalah amat baik sekali di mana antaranya di Selangor saya turut hadir dan melihat bahawa mesyuaratnya pendek tetapi apabila tiba soalan, pegawai-pegawai daerah dan pegawai-pegawai kerajaan terpaksa menjawab on the spot dan kadang-kadang apabila disenaraikan projek-projek yang terbengkalai dibandingkan dengan daerah lain nampak jelas bahawa daerah lain boleh maju lebih

daripada daerah tersebut. Ertinya ada sebab-sebab yang tertentu mungkin di antara lainnya yang saya dapat daripada kolokium yang saya sebutkan tadi ialah kerana kerenah birokrasi itu sendiri.

Pernah juga Yang Berbahagia Tan Sri Halim bin Ali, Ketua Setiausaha Negara pernah menyebut bahawa pihak pegawai-pegawai kerajaan patut kikiskan bab kerenah birokrasi ini. Saya ingin tekankan iaitu kadang-kadang kita bersetuju bahawa kerenah birokrasi tidak patut ada. Kadang-kadang pegawai-pegawai kerajaan itu juga bercakap tentang hal ini, pegawai-pegawai kerajaan juga menerima pendekatan teknologi/electronic government dengan baik, membuat video conferencing dan sebagainya dengan baik. Kadang-kadang di pejabat-pejabat kerajaan juga kita melihat tertampal di dinding 'Piagam Pelanggan' amat baik sekali. Tetapi kadang-kadang apabila rakyat meminta khidmat daripada pegawai-pegawai kerajaan ini yang terpapar 'Piagam Pelanggan' itu tidak sama dengan perkhidmatan yang diberi. Ertinya perbezaan di antara yang dilafazkan secara lisan atau bertulis dengan amalan yang dibuat harian ada satu jurang yang amat besar. Inilah sebenarnya yang menyebabkan rakyat rasa kurang yakin dan frust, dengan izin.

Perkara ini mungkin kerana banyak sebab di antaranya yang boleh kita simpulkan dalam perkumpulan ialah mengenai sikap itu sendiri. Mungkin sikap itu sudah terlalu lama dan dia tidak sedar dia sebenarnya menyusahkan dan kadang-kadang kita diberi fahaman bahawa pegawai kerajaan merasakan kuasanya lebih, kalau dia buat susah kepada rakyat jelata. Saya rasa inilah satu sikap yang saya patut kikis supaya dia tidak rasa besar. Mengapa patut kita rasa besar dengan menyusahkan rakyat. Sebagai contoh, saya pernah dengar contoh ini disebutkan oleh rakan saya iaitu satu kelulusan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar umpamanya tetapi apabila turun dan turun ke bawah, sudah lulus dan sedikit sahaja wang peruntukannya tetapi hendak diproses terlalu amat susah dan inilah yang melemahkan.

Dalam hal ini saya juga ingin bangkitkan tentang peruntukan Ahli-ahli Dewan Negara umpamanya. Kita pernah mendapat taklimat daripada pihak ICU. Sebagai seorang Ahli Dewan Negara yang baru kita pergi dengan penuh harapan untuk mendengar proses dan sebagainya. Dinyatakan bahawa kita mendapat peruntukan RM100,000 setiap penggal. Alhamdulillah jadilah - kalau tidak besar sangat pun, jadilah. Kita pun tergerak untuk memikirkan projek apa yang kita hendak buat untuk kawasan yang kita jaga dan sebagainya. Tetapi apabila kita tengok prosesnya dan saya tidak mahu pergi jauh. Prosesnya dari A ke B, daripada sana ke sini, daripada ICU terus pergi ke negeri - pembangunannya terus sampai ke Pegawai Daerah, secara ringkas, masya-Allah, saya takut proses inilah yang akan melemahkan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa tidak, kalau saya mendapat mesej Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke atas projek-projek kecil ini. Mesejnya ialah kalau ada cara kita boleh buat cepat, buatlah dengan cepat. Saya juga hendak menggunakan mesej ini untuk menyampaikan dan saya harap mendapat sokongan daripada Ahli-ahli Dewan Negara. Kalaulah Ahli Dewan Negara ini itulah sahaja yang kita dapat, kita hendak berkhidmat mengapa tidak kita buat sistem ini on fast track basis, dengan izin. Boleh di'check' dan saya tidak takut untuk di'check'. Bagaimana kita hendak proses wang sebanyak RM100,000 untuk rakyat ini, no problem. Saya tidak mahulah dikaji dengan detail tetapi saya,Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada di sini dan saya berharap buat fast track.....

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: *[Bangun]*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta maaf ada gangguan sedikit.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengikuti pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan birokrasi dalam kerajaan. Pada keseluruhannya apabila kita melihat bermula daripada tahun 80-an birokrasi dalam kerajaan ini telah meningkat melalui sistem pentadbiran kerajaan kita. Melalui beberapa pendekatan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan

juga Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara yang lalu dan sekarang kerana secara keseluruhannya kita nampak memang berlaku peningkatan dalam kecekapan pengurusan dan pentadbiran awam. Jadi masalah birokrasi ini adalah masalah lama.

Apa pandangan Yang Berhormat sebenarnya berkenaan dengan birokrasi yang dinyatakan tadi. Adakah ia kerana sikap yang dinyatakan oleh Yang Berhormat secara peribadi ataupun kemajuan pentadbiran pengurusan agensi kerajaan secara keseluruhannya kerana kita tahu bahawa pentadbiran awam yang ada di negara kita telah mendapat tempat 'top-ten' dalam seluruh dunia. Jadi secara positifnya apakah pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan birokrasi ini secara spesifik kerana kita tidak mahu sebagai Ahli Dewan Negara kita juga berjuang untuk negara dan rakyat. Saya yakin dan percaya pegawai-pegawai kanan kerajaan juga berjuang untuk negara. Jadi apakah jalan tengah yang harus ada di antara legislator ataupun pembikin undang-undang dan pelaksana undang-undang ini harus kita rapatkan.

Keduanya mengenai pandangan Yang Berhormat tadi berkenaan dengan birokrasi juga, apakah birokrasi yang ada pada rakyat, kadang-kadang rakyat sendiri tidak mempunyai maklumat-maklumat lengkap. Kita sentiasa menyalahkan penyebaran maklumat daripada kerajaan tetapi kadang-kadang rakyat tidak berubah dari sikapnya. Apakah pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan birokrasi di peringkat pentadbiran kerajaan dan juga birokrasi di peringkat rakyat itu sendiri, kefahamannya tentang pembangunan negara? Jadi kalau kedua-duanya ini apakah pandangan Yang Berhormat kalau boleh Yang Berhormat cadangkan kepada kita. Saya hendak tuntut faham kaedah terbaik untuk kita senaraikan supaya kita dapat sama-sama manfaat untuk membangunkan negara kita. Sekian, terima kasih .

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Haji Rosli membangkitkan soal birokrasi kerajaan dan rakyat tetapi saya lebih berminat kalau dia sokong saya tentang fast track RM100 ribu. Saya harap dia sokong.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya RM100 ribu memang tidak cukup kepada Yang Berhormat Dato Ghazi, kalau boleh bukan sahaja sokong RM100 ribu untuk satu term tetapi kita telah buat dalam Kelab Senator

dan dalam proses perundingan supaya kerajaan memikirkan semula peranan Ahli Dewan Negara kerana setengah daripada Ahli-ahli Dewan Negara mewakili Organisasi Nasional yang besar seperti koperasi, ANGKASA, umpamanya seperti lain-lain badan jadi kalau boleh Yang Berhormat setuju atau tidak kita cadangkan supaya RM100 ribu setahun, tidak banyak juga tidak naik RM100 ribu cuma daripada RM100 ribu satu penggal kepada RM100 ribu setahun. Terima kasih.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kerana sebut bab RM100 ribu sebenarnya yang saya bangkitkan bukan soal amaun, bukan soal jumlah yang saya bangkitkan ialah kerenah birokrasi itu hendak fast track itu dia, bab hendak lebih siapa tidak hendak lebih, saya tidak sebut hendak lebih sebab I want to be fair to the government, dalam keadaan sekarang saya hendak minta lebih pun, hendak minta pada pak, saya tahu pak susah, jadi saya bagi RM100 bagi senang pun alhamdulillah, saya syukur. Jadi terima kasih, saya tidak mahu Yang Berhormat Tuan Haji Rosli jawab lagi sebab saya sudah dengar dia punya point, baik of course kalau dapat lebih alhamdulillah, dan indirectly dia sokonglah pada saya, fast track ini saya nak tekan, itu sahaja fast track tapi saya tahu kerajaan ada peraturan, buatlah peraturan tidak apa ikatlah tangan kita macam mana pun asalkan boleh fast track. Lain running away from the law, dengan izin itu sahaja.

Sekarang menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Rosli mengenai birokrasi peringkat kerajaan dan rakyat. Saya berterima kasih kerana mengingatkan saya tentang hal ini sebenarnya mungkin kelemahan penyampaian saya tadi. Bila saya fokus I go by acception, dengan izin, saya hanya menyebut kata itulah masih ada lagi yang perlu ditegur. Yang baik memang banyak, misal katalah sudah ada piagam, more customer orientated dengan izin, ada electronics government dan sebagainya. Saya tidak mahulah ucap dengan panjang lebar tentang baiknya, saya akui. Saya berterima kasih dan ucap tahniah kepada Yang Berbahagia Tan Sri KSN umpamanya telah membuat pendekatan yang baik tetapi beliau juga menyatakan baru-baru ini tentang masih wujud birokrasi. Saya hanya panjangkan kita ada kes yang sebenarnya mengingatkan sebab kadang-kadang ingat mengingati adalah baik. Kita bersetuju umpamanya di antara pegawai-pegawai kerajaan dan ahli-ahli politik patut ada

perkongsian pintar (PP), pegawai-pegawai kerajaan dan politik perkongsian pintar macam Dato Seri Dr. Mahathir kata. Perkongsian pintar yang bagaimana mestilah ada persefahaman ini mengelakkan birokrasi sebenarnya birokrasi di peringkat kerajaan juga birokrasi di peringkat rakyat.

Kita mewakili rakyat, kerehnan rakyat bagi jadi sahaja, macam saya pernah sebut di dalam Dewan yang mulia ini, rakyat tidak perlu guna maklumat-maklumat canggih sistem terkini, IT dan sebagainya untuk mengetahui sama ada projek itu berjalan atau tidak, rakyat tahu sepuluh tahun dahulu ada wakil rakyat umum jalan hendak diadakan, lima belas tahun dahulu wakil rakyat kata api hendak ada, lima tahun dahulu telekom hendak ada sekarang masih tidak ada itulah rakyat cakap mana dia. Tidak perlu bertulis, ini praktikal, betulkah Yang Berhormat?. Ini bagi moral saya untuk bercakap menunjukkan saya tidak ada bayang-bayangan dalam masalah ini. Sebenarnya ada kes-kesnya.

Saya ingat secara ringkas pewujudan perkongsian pintar yang begitu rapat di antara badan politik dengan pegawai-pegawai kerajaan seperti mana yang telah diusahakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor, baru-baru ini satu langkah yang pada saya amat pintar kerana for the first time kita dalam relax atmosphere dalam suasana yang begini selesa informal kita berhujah sehingga tengah malam di antara pegawai-pegawai kerajaan dengan ahli politik. Kita mengenali mereka dengan lebih rapat tidaklah sekurang-kurangnya kita membuat andaian yang salah dari segi pemikiran dan fahaman kita tentang pegawai-pegawai kerajaan. Begitu juga pegawai-pegawai kerajaan tidaklah salah dia kata, ah! Orang politik ini dia cakap, bukan dia boleh buat, tidak juga sebab bila kita berbincang dalam bilik-bilik kumpulan, dia dengar eh! Ada orang politik, ada juga pemikir dan kebolehan dia berfikir dengan mencadangkan jalan-jalan penyelesaian dan sebagainya. Saya rasa langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' (Dr.) Haji Abu Hasaan bin Haji Omar patut dijalankan model untuk merendahkan karenah birokrasi di peringkat kerajaan dan juga di peringkat wakil rakyat. Itu jawapan pada Tuan

Haji Rosli, saya berharap memadai buat sementara waktu jika tidak kita boleh sambung lagi sehingga ke larut malam di luar.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya yang saya hendak bangkitkan ialah masalah doktor perubatan Melayu. Ini telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali saya sendiri secara kebetulan dan juga mendapat satu memorandum sebanyak 35 muka yang ada pada hari ini. Saya telah sepintas lalu mengkajinya, saya nampak ada point-pointnya, saya tidak bercadang untuk mengeluarkan hujah satu persatu. Tapi yang saya ingin cadangkan ialah dalam Dewan yang mulia ini, supaya pihak kementerian mewujudkan jawatankuasa mengkaji khas. Ini lebih positif. Ini kata orang politik ini bolehlah juga fikir hendak terima atau tidak terpujanglah, kita hanya boleh bercakap di sini hanya boleh berseronok kalau masuk dalam nota ini, boleh seronok sedikit macam kata rakan saya tadi kalau akhbar report, yang saya tanya masuk front page, *The New Straits Times* masuk muka surat 6, tentang IT, small industry dan sebagainya itu baik. Saya ucap tahniah dan terima kasih oleh *Utusan Malaysia*. *Utusan Malaysia* nampaknya mungkin kerana Executive Deputy Chairman dia orang rakan kita, nampak coverage dengan izin, agak memuaskan, balance, jadilah sebagai permulaan. Sekurang-kurangnya nampak, mereka ini mengeluarkan, mencadangkan begini, begini jadi biarkan dan inilah peranan akhbar dari segi membuka mata rakyat. Menunjukkan bahawa di dalam Dewan Negara juga mempunyai cadangan-cadangan pratikal yang mungkin tersalah pandang oleh rakan-rakan di peringkat kerajaan. Bukan mereka tidak tahu mereka tersalah pandang, mereka kerja banyak, kita kerja kurang sedikit, kerana kita perhati sahaja tetapi kita mempunyai pemikiran, pengalaman dan penglihatan di sudut lain jadi kita berilah pendapat kita dan alhamdulillah, kalau diterima kalau tidak pun tidak mengapa, apa boleh buat tapi ini peranan akhbar yang begitu amat penting memanjangkan kepada masyarakat.

Berbalik saya kepada masalah doktor perubatan Melayu ini yang saya kata kalau ada jawatankuasa khas untuk mengkaji permasalahan ini. Saya rasa ini lebih konkrit kerana ia menyeluruh keseluruhan struktur pentadbiran dalam Kementerian Kesihatan itu sendiri nampak ada asas untuk diberi pengkajian yang khusus. Ada kaitan dengan JPA, ada kaitannya dengan perancangan masa depan.

Ada kaitannya tentang penglibatan masyarakat keseluruhannya dalam sains dan teknologi, ada kaitannya dengan perancangan penglibatan telemedicine dalam aplikasi MSC, ada kaitan dengan pewujudan masyarakat madani dan insya-Allah wawasan 2020.

Oleh kerana itu saya ingin sekali lagi mengulangi cadangan saya dalam Dewan yang mulia ini supaya kerajaan, pihak kementerian mewujudkan satu jawatankuasa khusus untuk melihat, mengkaji perkara ini. Be fair to all, jadi kita tidak jump to conclusion .

Saya tidak menyatakan bahawa segala point yang dimasukkan dalam memorandum ini benar, macam kita hendak membudayakan masyarakat kita supaya lebih bijak dan lebih pintar untuk menerima maklumat, supaya kita selidik dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Memorandum daripada siapa tu?

Dato Ghazi bin Haji Ramli: Memorandum ini datangnya daripada kumpulan doktor yang agak begitu kecewa dengan keadaan

Tuan Yang di-Pertua: Doktor perubatan?

Dato Ghazi bin Haji Ramli: Doktor perubatan, doktor perubatan di Malaysia. Saya ingat itu sajalah, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri jawab ya..

6.31 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada 18 orang Ahli Yang Berhormat iaitu Tuan Mustaffa Kamal, Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, Yang Berhormat Hajah Hunaizah, Yang Berhormat Tuan Long Jidin, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin, Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan, Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim, Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail , Yang Berhormat Dato Abdul Aziz , Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali, Yang Berhormat Hajah Ramlah, Yang Berhormat Tuan Yim Chee Cheong, Yang Berhormat Hajah Khadijah, Yang Berhormat Tuan Haji Abdillah, Yang Berhormat Tuan Tee Thiong Hock, Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin, dan akhir sekali Yang

Berhormat Dato' Ghazi yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998.

Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal , Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail telah membangkitkan mengenai pinjaman tabungan untuk makanan yang dibuat oleh pekebun-pekebun kecil, memerlukan cagaran. Kerajaan menyedari hakikakt ini dan telah memperuntukkan RM300 juta khas untuk tabung makanan dipohon kepada bank melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) ataupun melalui koperasi. Kementerian Kewangan bercadang membuat satu mekanisme di mana koperasi dan LPP berkenaan akan dipertanggungjawabkan menangani ahli-ahli mereka yang sahah untuk memajukan tanah mereka melalui pembiayaan tabungan untuk makanan ini. Dengan cara ini masalah cagaran semestinya dapat diringankan.

Mengenai pertukaran pegawai-pegawai yang kerap berlaku terutamanya di penghujung tahun, Jabatan Perkhidmatan Awam, oleh Tuan Mustaffa Kamal kerajaan tidak menggalakkan pertukaran ini berlaku, kalau tidak silap saya, satu arahan telah pun dibuat supaya dikurangkan pertukaran pegawai kerana apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat, tiap-tiap seorang pegawai apabila dia berpindah kawasan atau jabatan, dari satu negeri ke satu negeri, sekurang-kurangnya dia akan belanjakan transfer order itu sahaja, perbelanjaan membiayainya meningkat sebanyak RM8,000 tiap-tiap seorang. Jadi kita tidak menggalakkan. Kalau misalnya pegawai-pegawai kerajaan itu terpaksa bertukar kerana kenaikan pangkat, maka kita menghendaki seboleh-bolehnya, kenaikan pangkat diadakan dalam kementerian itu sendiri, atau jabatan itu sendiri, kalau di peringkat negeri, di jabatan lain di dalam negeri itu sendiri. Jadi dengan hal yang demikian masalah pertukaran rumah dan sebagainya yang memerlukan pembiayaan yang banyak tidak akan berlaku.

Cadangan Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah agar syarikat besar menjadi syarikat induk, menjayakan program Buku Hijau, amat disanjung. Syarikat-syarikat besar ini boleh menggembelngkan tenaga melalui kerajaan negeri dan LPP serta koperasi agar tanah terbiar yang begitu banyak sekarang ini dimajukan secara komersial. Dengan cara ini sahajalah pekebun-pekebun kecil dapat dibantu untuk dilatih menggunakan alat-alat mesin yang moden bagi membangunkan pertanian di

kawasan masing-masing. Selain daripada itu syarikat induk juga boleh mempelbagaikan penggunaan tanah agar ia dapat dimaksimumkan. Kumpulan-kumpulan pekebun kecil yang mempunyai tanaman kelapa sawit misalnya, dapat memproses pelepah kelapa sawit untuk makanan ternakan bagi mempelbagaikan penggunaan tanah dan secara langsung dapat mengurangkan import daging dari luar negara.

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah telah pun menyarankan agar perbelanjaan kerajaan dapat dijimatkan dan diberikan secara adil dan saksama. Ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan baru-baru ini telah bersetuju menambah peruntukan perbelanjaan sebanyak RM7 bilion pada tahun 1998. Tambahan peruntukan ini akan diagihkan kepada projek-projek yang produktif seperti berikut:

Pertanian	-	RM360 juta
Perumahan	-	RM200 juta
Pendidikan	-	RM1000 juta
Infrastruktur dan kemudahan awam	-	RM1500 juta
Pembangunan Industri	-	RM200 juta
Pembangunan desa	-	RM200juta
Kesihatan	-	RM300 juta
Pembasmian kemiskinan	-	RM300 juta
Cyberview	-	RM654 juta; dan
Dana Pengurusan Harta	-	RM2,250 juta

Selain itu kerajaan juga telah menubuhkan Dana Pembangunan Prasarana yang bernilai RM5 bilion untuk membiayai projek-projek prasarana dan kemudahan awam yang besar yang kebanyakannya telah ditangguhkan pelaksanaannya sepertimana yang diumumkan dalam belanjawan yang lalu. Antara projek-projek yang akan diteruskan semula ialah pengangkutan rail transit termasuk monorel, Putra, Star, ELR, Pelabuhan Kuantan dan Tanjung Pelepas, projek-projek lebuh raya, bekalan air dan pembedungan serta pelupusan sisa pepejal.

Pelaksanaan projek-projek besar ini adalah merupakan dengan izin, kick start. yang berkesan dalam mempercepatkan pemulihan ekonomi negara, memandangkan masalah kewangan yang dihadapi oleh sektor swasta sekarang ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan juga menubuhkan beberapa skim dan dana untuk membantu industri kecil dan sederhana dan penjaja-penjaja kecil. Di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan seperti mana yang dipinta, skimnya yang telah ditubuhkan ialah seperti berikut:

- (i) tabung pembiayaan usahawan kecil;
- (ii) pembiayaan francais;
- (iii) skim bantuan pembangunan francais
- (iv) skim modal asas;
- (v) pembiayaan secara Islam;
- (vi) skim galakan usahawan;
- (vii) tabung pembangunan ASEAN-Jepun;
- (viii) tabung usahawan kecil;
- (ix) skim usahawan siswazah; dan
- (x) pelaburan ekuiti Permodalan Nasional Berhad.

Melalui Kementerian Kewangan pula, kita ada tabung perfileman dan kedua tabung penerbitan. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mengendali tujuh tabung: dana pengkomersialan R&D, dana perolehan teknologi, tabung penyusunan semula industri, skim pinjaman mudah untuk modernisasi dan automasi IKS, skim pinjaman mudah untuk peningkatan kualiti, tabung bantuan teknikal industri dan pekej kewangan untuk IKS.

Bank Negara Malaysia mempunyai lima tabung: tabung usahawan baru, tabung perkapalan, tabung industri bumiputera, tabung untuk makanan yang kita sedang bincangkan, tabung industri kecil dan sederhana.

Agensi-agensi lain:

- (i) tabung ekonomi kumpulan usahaniaga;
- (ii) Perbadanan Usahawan Nasional Berhad;
- (iii) Amanah Ikhtiar Malaysia
- (iv) skim pembiayaan ikhtiar nelayan;

- (v) skim pembiayaan ikhtiar ibu tunggal;
- (vi) tabung kumpulan wang amanah pembangunan ekonomi belia;
- (vii) skim geran penyelidikan; dan
- (viii) pembangunan Koridor Raya Multimedia.

Oleh itu bantuan yang diberikan oleh kerajaan bukan sahaja kepada syarikat-syarikat besar yang bermasalah tetapi juga kepada rakyat biasa yang tidak kurang juga masalahnya. Untuk syarikat-syarikat besar yang bermasalah kerajaan membantu berpandukan kepada tiga kriteria:

- (i) kepentingan negara
- (ii) kepentingan strategi; dan
- (iii) mengambil kira dasar di bawah Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional

Industri dan aktiviti perniagaan yang memberi manfaat kepada pelbagai lapisan penduduk serta membantu meningkatkan taraf hidup boleh dianggap sebagai mempunyai kepentingan negara. Bank, pendidikan serta sebahagian daripada kemudahan infrastruktur adalah diantara beberapa industri yang mempunyai kepentingan negara. Industri dan perniagaan strategik adalah meliputi industri yang menyumbang kepada pertumbuhan bagi sektor-sektor tertentu dan yang memberi sokongan penting terhadap industri dan perniagaan lain. Industri kereta motor, aero-angkasa dan perkapalan adalah contoh-contoh industri strategik negara.

Sebagai prinsip asas tidak akan ada bail out yang menggunakan dana awam dilabur untuk menolong individu atau peminjam, kecuali bagi industri dan perbadanan-perbadanan dalam sektor penting dan strategik yang mempunyai kepentingan negara. Bagi kes-kes tertentu mungkin kerajaan mempunyai asas kukuh atau campur tangan Bank Negara untuk terlibat bagi membantu bank-bank atau syarikat-syarikat yang bermasalah. Mungkin pengalaman sama ada langkah-langkah yang dijalankan oleh negara lain di luar Malaysia boleh kita pelajari darinya.

Bagi mana-mana tindakan tersebut, ketelusan dan bagi pelan tindakan adalah paling utama supaya tidak akan timbul kesan buruk terhadap kredibiliti pihak berkuasa dan oleh itu mempertingkatkan keyakinan rakyat dan pelabur. Mana-mana urusan niaga korporat bagi tujuan tersebut perlu disertai dengan penzahiran secara segera butir-butir lengkap kewangan mereka. Oleh itu konsep 'al-Adlu Walihsan' jelas dipraktikkan dalam membiayai dan membantu rakyat Malaysia bukan sahaja daripada korporat-korporat besar tetapi juga kaum marhain di kampung-kampung.

Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin telah menyuarakan pandangan beliau mengenai priority LPP yang tidak banyak diberikan dalam menumpukan kepada aktiviti pertanian. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin dan Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah di kawasan-kawasan luar bandar, pemimpin-pemimpin masyarakat kadangkala mempunyai aktiviti berbagai dialah imam, dialah juga ketua kampung, dialah jurunikah dan dia juga tempat merujuk permasalahan yang dihadapi oleh anak-anak buahnya. Sudah tentu pemimpin yang articulate seperti ini juga menjadi ketua LPP di kawasan masing-masing.

Oleh kerana dia yang aktif, berpandangan jauh dan juga dapat menghubungi pegawai-pegawai kerajaan ke peringkat daerah dengan senang dan mudah, ianya juga secara kebetulan pemimpin beliau dan pemimpin priority di kawasan itu. Sudah tentulah mengikut teori accessibility dan teori demonstration effect pegawai-pegawai dari Jabatan Pertanian dan beberapa agensi kerajaan dari Kementerian Pertanian akan mengambil beliau sebagai model untuk memajukan pertanian di tanahnya untuk memberi contoh kepada orang lain. Tidak hairanlah orang-orang ini dikerumuni dan dikejar oleh agensi-agensis pengembang untuk memberikan pertolongan dan menjadikan tanah-tanah kepunyaannya sebagai contoh pertanian ataupun demonstration plot. Pandangan Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin agar agensi pengembangan dapat meluaskan pertolongan dan membangunkan kualiti kepada kepimpinan tidak hanya tertumpu kepada seorang sahaja dan dididik orang-

orang lain sebagai pemimpin amat bagus sekali. Dengan cara ini MARDITEC, pegawai-pegawai di beberapa agensi di bawah Kementerian Pertanian hendaklah dikoordinasikan atau menyelaras aktiviti-aktiviti mereka supaya ahli-ahli yang lain dapat dijadikan pemimpin dan dipimpin untuk memajukan kampung-kampung mereka.

Pertanyaan Puan Hajah Rahaiah dan Yang Berhormat Puan Kamalia semoga kerajaan dapat mengkaji semula Dasar Pertanian Negara. Ingin saya maklumkan dalam kegawatan ekonomi negara sekarang ini, pembangunan sektor pertanian khususnya pengeluaran makanan diberi penekanan dan keutamaan. Dasar Pertanian Negara Tiga (DPN3) telah dikaji semula dan dijangka akan dibentangkan pada akhir tahun ini.

Di bawah dasar baru ini, selain daripada pendekatan memajukan sektor pertanian secara menyeluruh dan bersepadu, pembangunan industri berasaskan pertanian dan industri upstream diberi penekanan agar memastikan sektor pertanian akan berdaya maju dan berterusan. Kerjasama di antara negara-negara lain terutamanya di kalangan ASEAN memang digalakkan dan dipergiatkan. Selain daripada bertukar pengalaman dan kepakaran dalam bidang pertanian strategic alternative sourcing di kalangan negara rantau ini memang digalakkan, terutama bagi meminimumkan tekanan penurunan nilai Ringgit Malaysia.

Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin, Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar telah menyarankan supaya perlu menyelaraskan atau meng 'co-ordinate' kan antara agensi dan jabatan kerajaan di bawah Kementerian Pertanian untuk memperhebatkan pengeluaran makanan. Di bawah DPN3 kerajaan telah meluluskan tiga strategi utama dan pada peringkat permulaan ada 15 program untuk pelaksanaannya. Ini semua akan meningkatkan kerjasama dan credibility jabatan dengan agensi kerajaan di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat kerajaan negeri serta pihak swasta yang berkenaan.

Strategi berkenaan ialah meningkatkan pengeluaran hasil atau produk pertanian, mengurangkan import dan mengalakkan eksport barang makanan strategic servicing daripada sumber alternatif yang lebih murah. Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah dan Yang Berhormat Puan Kamalia telah menyuarakan agar kerajaan perlu mengkaji mengapa bidang pertanian kurang diminati. Untuk makluman Yang Berhormat, memang dapat kita lihat bahawa penduduk-penduduk luar bandar terutamanya golongan muda kurang melibatkan diri dalam bidang pertanian kerana di antaranya ialah:

- (i) berisiko tinggi;
- (ii) pulangnya tidak lumayan;
- (iii) kekangan tenaga buruh, hasil tanah dan modal; dan
- (iv) gestation periodnya bagi tanaman mengambil masa yang agak lama.

Oleh itu dicadangkan pertanian secara moden berskala besar dan komersial dititikberatkan untuk memberi pulangan yang lebih lumayan dan berkekalan. Menerusi pulangan input pertanian yang bermutu tinggi, teknologi moden, pengurusan secara profesional dan dengan cara inilah produktiviti akan meningkat.

Pada ketika ini, selain daripada mini estet, projek pertanian berkelompok yang juga telah dibincangkan oleh Yang Berhormat Datuk Zainuddin bin Maidin untuk keluaran secara komersial telah mula dilaksanakan. Tanaman agro makanan yang lengkap dengan infrastruktur dan kemudahan yang diperlukan seperti khidmat nasihat dan teknologi canggih mula diperkenalkan akhir-akhir ini dengan tenaga-tenaga profesional dari lulusan universiti tempatan dan institut pertanian mula berkecimpung dalam pertanian sebagai alternatif sektor-sektor yang lain.

Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah telah membangkitkan semula ketidakseimbangan permohonan dan jumlah yang diluluskan dari segi bumiputera dan bukan bumiputera. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pinjaman yang

diluluskan di bawah tabung untuk makanan mengikut kaum sehingga 30.6.1998 adalah seperti berikut:

Bukan bumiputera yang diluluskan 831, jumlah diluluskan RM264,137,774.40. Bumiputera 354 yang telah diluluskan jumlah diluluskan RM67,417,790.00. Kerajaan negeri 2. Mengikut statistik keempat bulan pertama Malaysia telah mengimport 12% kurang iaitu minus 12% pada tahun ini dibandingkan pada tahun lepas tetapi membelanjakan 17.6 lebih kerana penurunan nilai ringgit. Angka-angka ini adalah merupakan pengeluaran makanan yang boleh ditanam di negara kita. Daripada Januari - April tahun ini negara kita mengimport 1.8 bilion tan barang-barang makanan berbanding dengan 1.65 bilion tan yang diimport daripada Januari - April tahun lepas.

Walau bagaimanapun negara membayar 2.3 bilion barang makanan tahun ini berbanding dengan 1.86 bilion pada tahun lepas. Import buah-buahan tropika telah menurun 90% dari segi kuantiti. Ikan hidup mengurang 33.7%, kacang soya mengurang 18.4% dan daging mengurang 18.2%. Pengimportan gula juga jatuh 12.5%. Life stock juga jatuh 10% dan jagung untuk makanan lembu jatuh 15.9%. Jadi kalau kita lihat pada perangkaan ini bahawa dana untuk makanan ini telah pun ada impaknya.

Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah juga membangkitkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh DPN3 dalam senario ekonomi negara di antaranya ialah:

- (i) keperluan untuk menjamin bekalan makanan yang mencukupi selamat, berkhasiat serta bermutu tinggi pada harga yang berpatutan;
- (ii) keperluan untuk mengurangkan penggunaan buruh dalam kegiatan pertanian;

- (iii) keperluan untuk memaksimumkan penggunaan sumber-sumber terhad yang sedia seperti tanah dan air;
- (iv) keperluan untuk memperkukuhkan daya saing sektor pertanian negara;
- (v) keperluan untuk meningkatkan pelaburan swasta dalam pengeluaran makanan;
- (vi) keperluan untuk merubah sektor pekebun kecil;
- (vii) keperluan untuk menyokong perindustrian negara dan pelaburan luar negara; dan
- (viii) keperluan bagi memastikan pembangunan pertanian dan perhutanan yang mapan.

Oleh kerana itu senario ini dan juga cabaran ini di bawah DPN3 telah diambil perhatian.

Mengenai sikap bank yang kurang beri sokongan kepada pinjaman dana-dana yang telah pun diisytiharkan oleh kerajaan yang telah dimaklumkan Jumaat lalu oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah pun berjumpa dengan bank-bank di peringkat ibu pejabat supaya dana yang diisytiharkan oleh kerajaan dan disalurkan melalui institusi-institusi kewangan hendaklah memberitahu bank-bank cawangan mereka, bahawa pertolongan hendaklah diberi kepada bakal peminjam untuk menggunakan tabung yang ada. Kalau tidak, institusi kewangan tersebut akan dipotong senarai namanya daripada mengambil bahagian di dalam skim dana-dana yang telah dikhaskan.

Mengenai kecairan yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa SRR kita telah diturunkan daripada 13% kepada 10% dan sekarang diturunkan kepada 8%, dengan itu RM8 bilion telah dikeluarkan dan menjadi cair kepada bank-bank.

Mengenai galakan kumpulan pertanian yang dicadangkan oleh Puan Hajah Mastika Junaidah adalah merupakan satu cadangan yang bagus, dan dalam DPM3 perkara ini akan diambil tindakan.

Yang Berhormat Tuan Rosli Hassaan, Yang Berhormat Puan Kamilia, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, Yang Berhormat Dato' Ghazi telah mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin, Menteri Tugas-tugas Khas, dan sebagai Pengarah Eksekutif MTEN. Sebagaimana Yang Berhormat Tuan Rosli, Yang Berhormat Puan Kamilia sedia maklum MTEN mengisytiharkan dan melancarkan Pelan Tindakan Serampang Enam Mata untuk pemulihan ekonomi negara seperti berikut:

- (i) menstabilkan nilai Ringgit;
- (ii) mengembalikan keyakinan di pasaran;
- (iii) mengekalkan kestabilan di pasaran kewangan;
- (iv) memperkukuhkan asas-asas ekonomi;
- (v) meneruskan agenda ekuiti dan sosio ekonomi; dan
- (vi) memulihkan semula sektor-sektor yang terjejas.

Sebagaimana Yang Berhormat Dato' Ghazi katakan tadi pelan tindakan yang luar biasa ini bertujuan untuk mengatasi kekuatan ekonomi yang melanda negara kita pada masa ini. Oleh itu pegawai-pegawai kerajaan hendaklah menjalankan tugas-tugas mereka dalam keadaan 'crisis management' dan bukannya dalam keadaan normal. Kerajaan telah pun mengeluarkan arahan melalui Ketua Setiausaha Negara (KSN), Ketua-ketua Kerajaan di peringkat Persekutuan dan ketua-ketua jabatan di peringkat negeri agar projek-projek kerajaan yang hendak dilaksanakan dalam kegawatan ekonomi sekarang ini hendaklah melalui kaedah 'crisis management'. Ini bermakna tindakan-tindakan patut disegerakan melalui fast tracks agar projek-projek pembangunan yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya, semoga dapat memberangsangkan lagi aktiviti ekonomi secara langsung. Dengan cara ini industri-

industri yang berkenaan dapat memulihkan semula aktiviti-aktiviti mereka untuk umpamanya industri pembinaan seperti simen, batu-batan, besi keluli, pengangkutan dan lain-lain lagi dapat disegerakan.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan telah pun juga mengarahkan agar projek-projek luar bandar dapat disegerakan sebelum akhir bulan Ogos ini. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional peka dengan keadaan ini. Masalah yang dikatakan oleh Dato' Ghazi tadi mengenai political participation vs. political interference ini merupakan satu tajuk dan satu debat yang berpanjangan.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila masuk ke dalam pentadbiran, kita katakan political participation, tetapi kepada ahli-ahli pentadbir apabila kita masuk mereka menyatakan political interference. Jadi inilah yang kita hendakkan supaya 'flag and ship' itu wujud kerana natijahnya ialah untuk rakyat.

Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan telah pun menyatakan mengenai Kementerian Pendidikan, dan beliau telah meminta Yang Berhormat Datin telah meminta supaya Kementerian Pendidikan menjawab kerana kata beliau ini adalah merupakan akhir kalam perbincangan beliau di Dewan ini. Yang Berhormat Datin Wan Intan telah pun menyatakan mengapakah Kementerian Pendidikan menutup sekolah-sekolah vokasional sedangkan masih ramai pelajar yang mencapai keputusan yang lemah dari segi akademik tetapi berkebolehan dari segi pertukangan. Walaupun program pengstrukturkan sekolah menengah vokasional kepada sekolah menengah teknik telah dimulakan semenjak awal tahun 1996, aliran vokasional masih lagi ditawarkan di sekolah-sekolah teknik. Kementerian berpendapat, keadaan ini berlaku kerana masih terdapat minat dan kecenderungan pelajar lepasan PMR untuk mengikuti pengajian dalam bidang vokasional di SMV dan SMT yang sedia ada.

Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan juga telah menanyakan apakah perkembangan semasa Sekolah Bistari, dan meminta agar konsep sekolah bistari itu

diperluaskan di sekolah-sekolah biasa. Pelaksanaan projek perintis sekolah bestari akan dimulakan pada tahun hadapan. Walau bagaimanapun, akibat kegawatan ekonomi yang sedang dialami oleh negara telah sedikit sebanyak menjejaskan pelaksanaan program pengkomputeran di sekolah-sekolah tersebut.

Tahap teknologi yang dicadangkan terpaksa disesuaikan akibat kekurangan peruntukan. Sebagai contoh, ratio murid komputer telah dinaikkan dan beberapa kemudahan teknologi dikurangkan. Kementerian Pendidikan juga menggalakkan sekolah-sekolah berusaha untuk meningkatkan prasarana ke arah mencapai konsep sekolah bestari. Pelaksanaan sekolah bestari bagi semua sekolah di seluruh negara akan dibuat secara berperingkat-peringkat berdasarkan kedudukan kewangan kerajaan. Sejauh manakah keadaan sekolah-sekolah satu sesi ini, Kementerian Pendidikan telah berjaya menjalankan projek perintis persekolahan satu sesi dengan jadual waktu yang di panjangkan di 28 buah sekolah di seluruh negara.

Walaupun bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah memutuskan bahawa persekolahan satu sesi ditangguhkan kerana pelaksanaan secara menyeluruh memerlukan penyediaan kemudahan infrastruktur yang melibatkan kos yang paling tinggi. Keadaan ekonomi semasa tidak mengizinkan program ini diteruskan pada masa ini. Sekolah-sekolah yang sedia ada dan dipilih untuk projek perintis dikehendaki kembali kepada pelaksanaan persekolahan seperti biasa.

Mengenai sekolah-sekolah asrama penuh Kementerian Pendidikan memang mengutamakan pelajar luar bandar bagi pengambilan ke sekolah-sekolah berasrama penuh. Nisbah pengambilan di antara pelajar-pelajar luar bandar dan pelajar-pelajar bandar iaitu 70:30. Dasar Kementerian Pendidikan mengutamakan pelajar-pelajar yang mencapai keputusan 5A dalam peperiksaan UPSR, memandangkan pelajar-pelajar luar bandar juga menunjukkan prestasi yang cemerlang.

Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan juga telah pun mejual dua rangkap pantun, saya jawab:

“Lain padang lain belalang,
Dara merindu di bulan purnama,
Harimau mati meninggalkan belang,
Manusia mati meninggalkan nama”

“Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga,
Hancur badan dikandung tanah,
Budi Kak Wan dikenang juga”.

Yang Berhormat Puan Kamalia Ibrahim telah pun menanyakan sama ada pemulihan sektor-sektor yang terjejas termasuk pertanian dalam pemulihan komoditi utama dan industri berasaskan sumber di bawah pemulihan sektor-sektor komoditi utama adalah meliputi getah, minyak, kelapa sawit, hutan dan tanaman lain seperti koko dan tembakau. Tanaman sayur-sayuran dan makanan adalah di bawah DPN3. Untuk perhatian Yang Berhormat kerajaan dewasa ini sedang mengadakan beberapa perjumpaan bilateral dan multilateral dengan negara-negara ASEAN. Oleh itu kita berharap negara-negara ASEAN dapat bertukar-tukar teknik penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran dalam perbincangan tersebut. Malangnya daripada pengalaman saya sendiri, perjumpaan bilateral dan multilateral negara kita banyak mengutarakan teknik-teknik baru dalam pendidikan dan bidang-bidang lain kepada negara-negara jiran. Tetapi mereka agak tersekat-sekat untuk memberikan kita teknik-teknik penanaman buah-buahan, kita berharap pegawai-pegawai kita akan dapat berhati-hati dalam perbincangan tersebut kerana perasaan cemburu negara-negara jiran sungguh ketara dewasa ini.

Yang Berhormat Puan Kamalia juga telah membincangkan sumber manusia yang terlibat dalam pertanian. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat mengikut sejarahnya orang-orang Melayu, kata Yang Berhormat Dato' Dr. Affifudin adalah orang-orang perniagaan (traders), merantau dengan bahtera ke negara-negara Asia, tetapi apabila dijajah oleh bangsa asing orang-orang Melayu telah dipaksa menjadi petani dan digalakkan tinggal di tempat mereka dan pendidikan juga diatur sebegitu rupa supaya anak-anak mereka menjadi petani yang lebih baik daripada bapanya

sehingga orang-orang Melayu tidak dibenarkan bertanam getah dan jika tidak tanam padi, mereka akan didenda.

Trader yang ternama seperti Panglima Awang di antaranya yang telah banyak dibukukan. Mengenai imej baru dalam sektor pertanian, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Puan Kamalia, supaya mental outlook petani bumiputera bukan lagi sebagai orang yang “kais pagi makan pagi, dan kais petang makan petang” tetapi budayatani komersial. Pertanian moden yang dapat merancang cara profesional dan saranan Yang Berhormat Puan Kamalia supaya radio, TV serta akhbar memainkan peranan untuk meningkatkan imej petani amat disanjung .

Buat masa ini akhbar-akhbar tempatan kadangkala memaparkan di muka hadapan petani-petani yang berjaya dalam penanaman mereka untuk memberi rangsangan kepada pembaca.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail telah menyentuh mengenai pertanian komersial dan peranan UPM. Seperti yang dipinta UPM sungguhpun namanya Universiti Putra Malaysia dan tidak lagi Universiti Pertanian Malaysia, tetapi untuk memantapkan pencapaian negara dalam bidang-bidang pertanian mereka telah menganjurkan beberapa perkara. Satu, dengan pertukaran nama Universiti Pertanian Malaysia kepada Universiti Putra Malaysia, universiti ini tidak mengetepikan bidang pertanian, malah universiti ini telah meningkatkan pengambilan bilangan pelajar dalam bidang sains pertanian, dan bidang-bidang yang berkaitan dengan pertanian. Fakulti Pertanian di universiti ini telah diperbesarkan dan telah distruktur semula supaya komponen-komponen yang dibangkitkan berkaitan dengan pertanian digabungkan untuk membolehkan Fakulti Pertanian menawarkan program-program pengajian yang bersifat multidisciplinary sesuai dengan perubahan masa.

UPM sedang meningkatkan penyelidikan dalam sektor makanan dan dari segi peruntukan di bawah program IRPA, UPM telah menerima peruntukan yang tertinggi sekali di mana sebahagian besar penyelidikan adalah berkaitan dengan

bidang pertanian. UPM juga menjalankan skim intensif dalam bidang pertanian. Di bawah skim ini UPM boleh memberi latihan, kemudahan dan kepakaran kepada rakyat Malaysia untuk menguruskan perniagaan dalam bidang pertanian. Penubuhan Agro-Technology Park oleh Universiti Putra Malaysia akan dapat memainkan peranan secara berkesan untuk memulihkan ekonomi negara dalam bidang sektor pertanian yang melibatkan kawasan luar bandar. Perubahan Taman Penyelidikan Universiti UPM sendiri akan juga mampu memantapkan pencapaian R&D dalam bidang pertanian demi untuk kepentingan negara.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan juga Yang Berhormat Puan Kamalia telah pun membahaskan mengenai beberapa dana yang telah dikemukakan oleh kerajaan. Beliau telah menyentuh institusi kewangan sebagai 'mati' dalam membangunkan negara. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Danaharta telah pun dikemukakan oleh kerajaan untuk mengambil alih NPL ataupun hutang lapuk yang tidak dibayar daripada bank-bank dan institusi kewangan. Ini membolehkan institusi kewangan memberi tumpuan kepada memberi kredit daripada menumpukan lebih banyak masa kepada pengambilan balik NPL ataupun hutang lapuk yang tidak dibayar. Selain daripada itu kerajaan juga telah mengisytiharkan Danamodal untuk mengutip dana kepada bank-bank tempatan agar ia berdaya maju. Selain daripada itu kerajaan juga telah mengisytiharkan penyusunan semula pinjaman korporat ataupun corporate debt restructuring. Prinsip rangka kerja penyusunan semula pinjaman corporate adalah pemiuting menangguh sebarang tindakan terhadap si berhutang selama 60 hari. Suasana bertolak ansur mestilah ada dan tidak bersusah payah mendapatkan perintah mahkamah mengikut seksyen 176 Akta Syarikat 1965. Si pemiuting juga tidak boleh menarik balik pinjaman ketika keadaan dan keperluan si berhutang sedang ditentukan. Mereka perlu terus menyokong si berhutang dengan mengekalkan had kredit dan tidak menarik penangguhan merancang proses

penyelesaian semula pinjaman dapat menyatakan sama ada kepada si pemiutang atau si berhutang.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz agak sangsi sekiranya Danaharta beroperasi, sekiranya Danamodal juga beroperasi dan memberi suntikan modal kepada institusi kewangan, pegawai-pegawai kewangan di tempat-tempat institusi kewangan itu lembab dan dana-dana yang diisytiharkan tidak berfungsi seterusnya. Ia mengambil contoh mengenai Bank Bumiputra. Setakat ini 30 Julai, 1998 modal berbayar Bank Bumiputra Malaysia Berhad adalah sebanyak RM1 bilion RM150 juta suntikan modal yang terakhir ialah sebanyak RM980,400,000 dibuat dalam tahun 1999 oleh Petronas yang merupakan pegangan saham ketika itu. Petronas berundur daripada menjadi pemegang saham pada bulan Disember, 1990 dan Menteri Kewangan diperbadankan jadi pemegang saham besar selepas itu. Semenjak suntikan modal yang lalu Bank Bumiputra telah menunjukkan kemajuan yang cemerlang dari segi prestasinya Bank Bumiputra mempunyai 162 buah cawangan dalam tahun 1993. Jumlah cawangan telah bertambah menjadi 199 buah setakat hari ini. Penglibatan Bank Bumiputra telah meningkat di dalam semua sektor ekonomi negara.

Untuk tempoh lima tahun dari tahun 1993 hingga 1997 Bank Bumiputra telah menunjukkan peningkatan dari segi keuntungan daripada pencapaian sederhana sebanyak RM50.7 juta dan tahun 1993 kepada RM579.7 juta dalam tahun 1997. Keuntungan sebelum diaudit untuk tempoh 6 bulan sehingga 30 September 1997 untuk tahun kewangan 1997-1998 ialah sebanyak RM193 juta berasaskan GP3 yang lama. Untuk tempoh lima tahun dari 1993-1997 kedudukan bersih pinjaman tidak berbayar, non performing loan, Bank Bumiputra menjadi bertambah baik daripada 15.1% kepada 6.4% berasaskan GP3 yang lama. Beberapa peristiwa dalam tahun kewangan ini semenjak bulan September 1997 telah menyumbang kepada Bank Bumiputra mencatatkan kerugian besar. Pertamanya, perubahan garis panduan Bank

Negara Malaysia untuk menyenaraikan pinjaman tidak berbayar , non performing loan daripada enam bulan kepada tiga bulan.

Kedua, Bank Bumiputra juga telah melalui ujian keadaan di bawah tekanan ataupun stress test yang mengakibatkan peruntukan khas, specific provision, tambahan diperlukan untuk melindungi kestabilan Bank Bumiputra dalam sektor dan negara dan para pelanggan tertentu.

Ketiga, saranan Bank Negara Malaysia supaya memindahkan satu pinjaman daripada Bank Luar Pesisir milik Bank Bumiputra Labuan kepada buku juga telah menyumbang ke arah meningkatkan portfolio pinjaman tidak berbayar dan peruntukan khas Bank Bumiputra. Begitu juga halnya dengan kecairan yang ketat yang dialami oleh negara dan rantau ini semenjak bulan September. Ramai pelanggan bank telah menjadualkan semula pinjaman mereka dalam keadaan yang teruk, extreme ramai yang telah mendapatkan perlindungan di bawah seksyen 176 Akta Syarikat 1965. Oleh kerana semua perkara di atas dan ditambah pula dengan kedudukan sedia ada pinjaman yang tidak berbayar, existing non performing loan, berjumlah RM2.3 bilion telah meningkatkan kepada RM7.5 bilion. Akibat daripada kedudukan pinjaman tidak berbayar yang besar, kemerosotan nilai saham, collateral Bank Bumiputra dikehendaki membuat peruntukan yang banyak yang mana telah menjejaskan keuntungan keseluruhannya untuk tahun kewangan ini, hasilnya ialah modal baru diperlukan oleh Bank Bumiputra. Saya berharap dengan kenyataan ini daapat kita memerhatikan bahawa Bank Bumiputra bukanlah seteruk seperti yang disangkakan.

Puan Hajah Ramlah binti Kassim telah menyatakan mengenai Danaharta dan Danamodal dan perkara ini telah pun saya jawab. Yang Berhormat Tuan Abdillah telah pun menyarankan supaya dapat kita menggunakan banyak lagi teknologi moden, dan meminta supaya penghijrahan pensyarah pensyarah-daripada IPTA kepada IPTS dapat disekat. Dengan adanya dasar korporat IPTA kita berharap supaya perkara-perkara ini dapat dibendung. Mengenai negara kita, seperti mana Yang Berhormat,

sedia maklum bahawa negara kita mempunyai ethnic yang berlainan, majmuk, dan kita berasa bangga, kerana setakat ini masalah-masalah yang dihadapi di Northern Ireland tidak berlaku di negara kita.

Yang Berhormat Tuan Tee Thiong Hock telahpun menanyakan mengenai bahan petroleum yang diuntukkan. Ingin saya beritahu bahawa bahan petroleum diuntukkan hanyalah LPG, tong gas di rumah kita, tong gas di rumah kita itu disubsidi oleh kerajaan dan oleh kerana itu tiap-tiap tahun pihak kementerian telah meminta kepada kerajaan supaya meng'subsidise' tong gas yang ada di rumah-rumah kita itu.

Yang Berhormat Datuk Zainuddin telahpun menyatakan buah-buahan di Thailand, saya teringat rakan saya kata dahulu, kita berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat juga dan wakil-wakil rakyat serta rakyat Malaysia makanlah buah sendiri, jangan makan buah orang, jadi kita makan buah tempatan dan tidak kita makan buah-buahan di Thailand. Kerana di negara kita tanahnya subur, apa sahaja ditanam semuanya hidup, orang mati sahaja yang ditanam tidak hidup. Mengenai collective farming yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Zainuddin di Kubang Pasu, ia gagal, tetapi di Teratak Batu ianya berjaya, dan dengan itu FELCRA telah merancang tanaman kelompok, tanaman estet, hasil dari pengalaman di Teratak Batu.

Kejayaan DEB tidak dapat disangsikan lagi dan orang-orang daripada Barat mengatakan DEB ini ialah satu malapetaka kerana kita masuk dalam pasaran bebas tetapi apabila kita maju dan berjaya maka orang-orang daripada Barat jugalah menaja konsep kita, Dasar Ekonomi Baru kita itu ke negara-negara Afrika dan apabila negara jiran kita Indonesia mengalami kecelakaan, maka mereka berkata sepatutnya Indonesia juga patut meniru Malaysia dengan Dasar Ekonomi Barunya maka tidaklah berlaku konfrontasi dari segi etnik.

Dato' Ghazi telah pun dengan panjang lebar menyatakan tentang political interference dan political participation, saya telah jawab tadi, dia juga menyatakan bahawa kita kena pergi fast track kerana kita dalam crisis management, saya juga telah

menjawab tadi dan kita berharap dengan adanya kesefahaman dan kesinambungan pemikiran bahawa natijah kita ialah untuk membantu rakyat jelata, pegawai kerajaan juga hendak membantu rakyat jelata, Yang Berhormat juga hendak membantu rakyat jelata, supaya dapat smart partnership ini diperpanjangkan lagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Dr. Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1978 dan bagi memperuntukkan wang untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu telah disetujui tanpa pindaan. Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2) Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Negara, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan)(1998) 1998 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEBANKRAPAN (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.12 mlm.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kebankrapan 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 33 Akta Kebankrapan 1967 memperuntukkan bahawa seseorang yang bankrap boleh memohon untuk pelepasannya daripada keadaan bankrap pada bila-bila masa sepanjang pentadbiran kes kebankrapannya. Mahkamah akan membuat keputusan ke atas permohonan pelepasan bankrap itu berpandukan laporan yang disediakan oleh Pegawai Pemegang Harta mengenai kelakuan dan tingkah laku seseorang bankrap sebelum dan selepas kebankrapannya. Undang-undang juga memberikan peluang kepada pemiutang-pemiutang untuk membantah permohonan pelepasan bankrap tersebut melalui prosedur yang diperuntukkan di bawah kaedah 196(3) - Kaedah-kaedah kebankrapan 1969. Di bawah peruntukan ini hanya mahkamah sahaja yang mempunyai kuasa untuk membuat keputusan sama ada menolak atau membenarkan permohonan pelepasan bankrap oleh seseorang bankrap.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kebankrapan 1967 digubal berasaskan Undang-undang Kebankrapan British iaitu Bankruptcy Act 1883 dan Bankruptcy Act 1914

hingga 1926. Peruntukan mengenai pelepasan bankrap di bawah Akta Kebankrapan yang dikuatkuasakan di negara ini tidak pernah dipinda dari sejak mula dikuatkuasa. Kerajaan telah membuat kajian perbandingan mengenai undang-undang kebangkrapan di beberapa buah negara dan kerajaan mendapati bahawa kebanyakan negara telah meminda Undang-undang Kebankrapan negara masing-masing bagi menyesuaikan dengan keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpendapat bahawa telah tiba masanya beberapa peruntukan di bawah Akta Kebankrapan 1967 dipinda bagi menyesuaikan dengan perubahan semasa dan bagi mengatasi beberapa masalah yang dihadapi oleh kerajaan dalam mentadbirkan kes-kes kebangkrapan lama yang tidak lagi aktif. Pada masa ini kerajaan masih lagi mentadbirkan sejumlah besar kes yang sedemikian. Jumlah sebenar kes-kes yang tidak aktif ini sukar untuk dipastikan tetapi ia merupakan 30% daripada jumlah kes-kes yang ditadbirkan buat masa sekarang. Kes-kes yang tidak aktif ini sepatutnya telah pun dilepaskan tetapi Akta Kebankrapan 1967 tiada mengandungi peruntukan untuk membolehkan pelepasan bagi kes-kes seumpama ini terutamanya di mana bankrap tidak boleh dikesan, ketiadaan nombor kad pengenalan sibankrap, sibankrap telah tua dan lain-lain lagi.

Butiran kes-kes seumpama ini masih wujud di dalam sistem maklumat Jabatan Pemegang Harta dan ini mendatangkan masalah terutamanya dalam membuat pengesahan tentang status kebangkrapan seseorang.

Kerajaan berharap dengan meminda peruntukan mengenai pelepasan bankrap, kes-kes lama yang tidak aktif dapat ditutup dan seterusnya dapat mengurangkan kes-kes lama yang tertunggak. Beban kerja di Jabatan Pemegang Harta juga akan dapat diringankan dan sumber manusia dapat diagih serta digunakan sepenuhnya untuk mengendali kes-kes aktif yang lebih penting.

Pindaan ke atas Akta Kebankrapan 1967 juga bertujuan untuk mempercepatkan penyelesaian ke atas sesuatu kes pelepasan bankrap. Di bawah Akta

Kebankrapan 1967 hanya mahkamah yang mempunyai bidang kuasa membuat keputusan ke atas sesuatu kes pelepasan bankrap. Kuasa Pegawai Pemegang Harta adalah terbatas iaitu hanya dalam menyediakan laporan mengenai kes yang difailkan. Proses menetapkan tarikh perbicaraan di mahkamah akan mengambil masa yang lama iaitu di antara empat hingga lapan bulan.

Pentadbiran sesuatu kes juga mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Ini menyebabkan kes-kes yang ditadbirkan oleh Jabatan Pemegang Harta semakin meningkat setiap tahun. Statistik tahun 1995 menunjukkan bahawa jumlah kes baru yang ditadbirkan oleh Jabatan Pemegang Harta ialah sebanyak 5,964 kes dan jumlah kes yang selesai ialah sebanyak hanya 1,849 kes. Jumlah kes yang terkumpul ialah sebanyak 53,336 kes. Jumlah ini adalah termasuk jumlah kes yang tidak aktif. Sehingga bulan Disember 1997 jumlah kes kebankrapan yang ditadbirkan oleh Jabatan Pemegang Harta ialah sebanyak 67,008 kes. Keadaan ini sekiranya berterusan akan menyebabkan beban kerja di Jabatan Pemegang Harta semakin bertambah dan kes-kes tidak dapat diselesaikan dengan segera dan ini boleh menjejaskan prestasi dan reputasi Jabatan Pemegang Harta. Sesuatu kes pelepasan bankrap akan dapat diselesaikan dengan cepat apabila Pegawai Pemegang Harta dibolehkan membuat keputusan ke atas sesuatu kes pelepasan bankrap.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kebankrapan 1967 tidak mempunyai peruntukan bagi membolehkan seseorang bankrap dipulihkan. Kebiasaannya sesuatu kes kebankrapan akan berlanjutan tanpa had masa yang tertentu. Akibatnya sibankrap-sibankrap yang mempunyai pengalaman dan kepakaran di dalam bidang perniagaan dan keusahawanan tidak mempunyai peluang di negara ini untuk membangunkan semula perniagaan dan membuat penyelesaian terhadap masalah kewangan mereka. Pindaan kepada Akta Kebankrapan 1967 yang bertujuan untuk memulihkan seseorang bankrap yang jatuh bankrap bukan sebab perbuatannya semata-mata tetapi ditimpa musibah yang di luar kawalannya seperti menjadi penjamin ataupun disebabkan oleh keadaan

kemelesetan ekonomi. Ini akan memberi peluang juga kepada sibankrap yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang perniagaan dan keusahawanan bergiat semula membangunkan perniagaan dan menyelesaikan masalah kewangan mereka. Dengan cara ini seseorang bankrap akan dapat memulakan kegiatan, memulihkan perniagaannya dan turut menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.

Pindaan kepada akta ini juga bertujuan untuk memberi ruang kepada seseorang bankrap bekerjasama dengan Pegawai Pemegang Harta dan berkelakuan baik di sepanjang tempoh kebankrapannya. Ini akan dapat membantu mempercepatkan pentadbiran kesnya dan mengurangkan masalah pentadbiran. Di samping itu, seseorang bankrap juga akan dapat menghindarkan diri daripada melakukan sebarang kesalahan dan sentiasa mematuhi arahan Pegawai Pemegang Harta dan perintah-perintah mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Kebankrapan 1967 yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 33A selepas seksyen 33. Seksyen 33A ini akan memberi kuasa kepada Pegawai Pemegang Harta, menggunakan budibicara, membenarkan pelepasan bankrap melalui sijil Pegawai Pemegang Harta, tertakluk kepada syarat iaitu kes telah ditadbirkan lebih daripada lima tahun dan jumlah liabiliti tiada had. Tujuan memasukkan seksyen 33A ini ialah untuk memudahkan seseorang bankrap mendapatkan pelepasan bagi kes-kes yang layak dan memberi peluang sekali lagi kepada bankrap berkenaan melibatkan diri dalam perniagaan dan perusahaan. Di samping itu, tujuan memasukkan seksyen ini juga ialah untuk menghapuskan kes-kes yang tidak boleh diteruskan lagi,

kes-kes yang terpendam (dormant case). Adakalanya bankrap mempunyai merit untuk dilepaskan walau sebesar manapun jumlah liabilitinya;

- (ii) memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 33B, selepas seksyen 33A. Seksyen 33B bertujuan untuk memberikan peluang kepada pemiutang atau pemberi hutang mengemukakan bantahan terhadap tindakan Pegawai Pemegang Harta di bawah seksyen 33A. Seksyen 33B ini juga bertujuan untuk memberikan peluang kepada pemiutang memfailkan permohonan ke mahkamah bagi membantah cadangan pelepasan bankrap sekiranya bantahan mereka ditolak oleh Pegawai Pemegang Harta;
- (iii) meminda seksyen 35 yang bertujuan menggantikan peruntukan dalam seksyen 35 Akta dengan peruntukan yang lebih menyeluruh tentang kesan pelepasan yang dibuat melalui perintah mahkamah di bawah seksyen 33, dan melalui perakuan yang dikeluarkan di bawah seksyen 33A yang dicadangkan;
- (iv) memasukan seksyen baru iaitu seksyen 35A selepas seksyen 35, seksyen 35A ini bertujuan mewajibkan bankrap yang telah dilepaskan daripada kebankrapan, memberi kerjasama kepada Pegawai Pemegang Harta dan kegagalan untuk berbuat demikian akan menjadi satu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman;
- (v) meminda seksyen 39 - pindaan kepada seksyen ini bertujuan memansuhkan keperluanewartakan senarai bankrap setiap lima tahun dan jadual pindaan kepada senarai tersebut setiap tahun dengan maksud mengurangkan kos pembiayaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan cadangan pindaan ini satu garis panduan akan disediakan di mana beberapa faktor akan diambil kira oleh kerajaan dalam mempertimbangkan sesuatu kes untuk diberikan pelepasan.

Di antara faktor-faktor tersebut adalah, pertama sebab-sebab terjadinya kebangkrapan. Kerajaan akan mempertimbangkan sesuatu kes untuk diberi pelepasan sekiranya kebangkrapan itu terjadi bukan disebabkan oleh seseorang itu terlibat dengan perjudian, berbelanja lebih daripada pendapatan atau penipuan.

Keduanya, kerajaan akan menimbang dari sudut kesihatan seseorang bankrap misalnya sama ada seseorang bankrap mengidap penyakit yang berpanjangan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

Faktor ketiga yang akan diberikan perhatian oleh kerajaan dalam mempertimbangkan sesuatu kes pelepasan bankrap adalah dari sudut status pekerjaannya itu sama ada seseorang bankrap tidak bekerja dan mempunyai sumber pendapatan yang mencukupi.

Faktor keempat ialah kedudukan penghasilan harta iaitu sama ada semua harta seseorang bankrap telah dihasilkan terlebih dahulu. Di samping itu kerajaan juga akan melihat dari sudut sumbangan kepada estet kebangkrapan iaitu sama ada seseorang bankrap sentiasa kemas kini dalam bayaran ansuran dan menyumbang kepada estetya apabila menerima pendapatan tambahan. Seterusnya, kerajaan akan memberikan perhatian dalam mempertimbangkan sesuatu kes pelepasan dari faktor kelakuan seseorang bankrap iaitu sama ada seseorang bankrap memfailkan penyata enam bulan pendapatan dan perbelanjaan tepat pada waktu yang ditentukan. Waran tangkap tidak pernah dikeluarkan. Seseorang bankrap tidak melakukan mana-mana kesalahan di bawah Akta Kebankrapan 1967 dan seseorang bankrap telah berkelakuan baik dan tidak pernah melakukan penghinaan terhadap mahkamah.

Kelakuan baik bermaksud seperti berikut:

- (i) sentiasa mematuhi arahan Pegawai Pemegang Harta dan mahkamah;

- (ii) bayaran ansuran bulanan yang kemas kini;
- (iii) tidak melanggar sekatan-sekatan yang dikenakan di bawah seksyen 38 Akta Kebankrapan 1967 iaitu perkara seperti:
 - (a) tidak meneruskan sebarang tindakan mahkamah tanpa kebenaran Pegawai Pemegang Harta;
 - (b) tidak meninggalkan Persekutuan tanpa kebenaran Pegawai Pemegang Harta;
 - (c) tidak menjadi pengarah atau bekerja dengan syarikat milik keluarga tanpa kebenaran Pegawai Pemegang Harta atau mahkamah;
 - (d) sentiasa memaklumkan kepada Pegawai Pemegang Harta tentang perubahan tempat tinggal dan pendapatan; dan
 - (e) memfailkan penyata pendapatan dan perbelanjaan dalam tiap-tiap enam bulan.
- (iv) tidak membuat apa-apa bayaran dengan sendiri atau melalui pihak ketiga kepada pemiutang-pemiutangnya.

Sibankrap dikatakan melakukan penghinaan terhadap mahkamah, apabila melanggar mana-mana perintah mahkamah yang dikenakan terhadapnya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Kebankrapan 1967 akan memberi banyak faedah kepada kerajaan kerana dengan pindaan tersebut Jabatan Pemegang Harta dapat mengatasi masalah kes-kes lama yang tidak dapat diteruskan. Dengan itu beban kerja Jabatan Pemegang Harta dapat diringankan dan tenaga manusia dapat disalurkan tumpuannya kepada kes-kes aktif yang lebih penting.

Di samping itu pindaan kepada akta ini juga akan dapat mempertingkatkan kecekapan Jabatan Pemegang Harta di mana penyelesaian ke atas kes-kes kebangkrutan dapat diputuskan dengan segera oleh pegawai-pegawai pemegang harta tanpa memerlukan perbicaraan di mahkamah. Pindaan kepada akta ini juga akan

membolehkan seseorang bankrap dipulihkan dan diberi peluang bergiat semula dalam perniagaan atau keusahawanan bagi memulihkan masalah kewangannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Kebankrapan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tuan Yim Chee Chong.

7.26 mlm.

Tuan Yim Chee Chong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berbahas mengenai Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 1998 yang dibentangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan ini kita memasukkan seksyen 33A dan 33B yang baru dalam Akta Kabankrapan 1967. Seksyen 33A yang bertujuan memberi pegawai pemegang harta kuasa untuk melepaskan seseorang bankrap daripada kebankrapannya dengan mengeluarkan perakuan pelepasan dalam kes-kes yang patut menerima pelepasan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pindaan ini dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, jadi saya minta kebenaran perbahasan saya dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

Mengikut seksyen 33A yang berbunyi bahawa “*The Official Assignee may, in his discretion but subject to section 33B, issue a certificate discharging a bankrupt from bankruptcy.*”

Tuan Yang di-Pertua, Official Assignee ataupun Pegawai Pemegang Harta in his discretion but subject to section 33B, issue a certificate discharging a bankrupt

from bankruptcy, ini yang menjadi masalah. Discretion bermakna dengan sesuka hati Official Assignee sahaja untuk melepaskan seseorang yang bankrap. Official Assignee kita harap akan menjalankan tugas dengan adil dan saksama tetapi kadang-kadang Official Assignee adalah manusia biasa, boleh juga 'bias' ataupun menerima rasuah untuk mengeluarkan certificate discharge seseorang yang bankrap.

Oleh itu, saya harap kepada kerajaan supaya kita mengadakan garis panduan ataupun guide line untuk Official Assignee mengikut panduan – under what circumstances Official Assignee boleh mengeluarkan certificate tersebut. Kalau tidak kena 'bias' orang itu – orang yang bankrap itu beli barangan, pinjam wang beberapa ratus ringgit dengan sengaja tidak mahu bayar. Lepas lima tahun beri suapan kepada Official Assignee tolong beri saya certificate melepaskan saya daripada bankrap. Kalau macam itu adalah tidak adil kepada creditor. Kita ingin mewujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama. Oleh hal yang demikian, saya menyeru supaya satu garis panduan diadakan kepada Official Assignee untuk as assigning discretionary power itu.

Selain daripada itu berkenaan dengan seksyen 33B – adalah bertujuan membenarkan seseorang pemiutang membantah cadangan Pegawai Pemegang Harta untuk melepaskan seseorang bankrap melalui pengeluaran perakuan pelepasannya. Ini adalah bermakna kreditor boleh mengemukakan bantahan tentang pengeluaran certificate itu. Tuan Yang di-Pertua, mengikut seksyen ini, notis yang diberi kepada kreditor adalah selama 21 hari from the date of service of the notice. Pada hemat saya ini ada kelemahan – from the date of service of the notice, bermakna tadi tarikh surat notis itu kadang-kadang Official Assignee tulis notis tunggu 2-3 minggu baru hantar surat itu, apabila sampai ke tangan kreditor sudah tamat tempohnya.

Mengikut pindaan undang-undang ini maka kreditor itu tidak berhak untuk mengemukakan bantahan atas pengeluaran certificate itu, ini adalah tidak adil kepada kreditor kerana terlewat menerima notis itu. Juga sesudah 5 tahun mungkin kreditor

sudah pindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain, alamatnya sudah tukar, notis itu tidak disampaikan kepada kreditor. Juga dalam seksyen ini mengatakan Official Assignee boleh advertise the notice in a newspaper. Newspaper ada banyak – ada Tamil punya newspaper, ada Cina punya newspaper, ada *Utusan Melayu* – Jawi punya newspaper, *Berita Harian* - bahasa Malaysia macam-macam. Kalau disiarkan dalam *Berita Harian* banyak juga Cina men yang sudah berumur, kita pun tidak baca *Utusan Malaysia* ataupun *Berita Harian*, ia baca bahasa Cina sahaja. Jadi kalau disiarkan dalam *Berita Harian*, takkan berita ini dapat disampaikan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta from the date of service of the notice – yang ini kalau lepas 21 hari kita harus beri satu peluang kepada kreditor untuk mengemukakan bantahannya terhadap issuing of the certificate. Ini adalah exceptional cases. Kalau sekiranya kreditor mengemukakan alasan yang munasabah, kita harus memberi satu peluang kepadanya untuk mengemukakan bantahan terhadap keluaran certificate itu. Ini adalah adil kepada pihak kreditor dan kepada kedua-dua belah pihak.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin sentuh tentang bankruptcy action. Kita mengetahui untuk menghukum seseorang bankrap adalah Mahkamah Tinggi. Kadang-kadang pihak petisyen hendak sue seseorang bankrap tetapi tidak ada nombor IC yang ditulis dalam petisyennya. Macam Yim Chee Chong – mungkin di Malaysia ada 5 orang Yim Chee Chong, kalau Yim Chee Chong dihukum bankrap, orang lain yang dihukum bankrap, saya nama Yim Chee Chong, saya kena, saya pun bankrap juga. Oleh itu saya sentiasa baca di surat khabar, ramai orang Cina kompelin, dia kata dia tidak ada hutang, tidak ada pinjam wang dari bank tetapi dia jadi bankrap oleh kerana orang lain yang sama nama dengannya melakukan kesalahan, jadi dia yang menderita.

Oleh hal yang demikian, saya memohon supaya mahkamah dan pihak berkuasa yang berkenaan sebelum menjatuhkan hukuman seseorang jadi bankrap, harus siasat dengan teliti nombor kad pengenalan. Kalau tidak ada nombor kad pengenalan orang

itu tidak boleh dihukum bankrap kerana mungkin orang yang sama nama itu ada banyak. Macam Abu Bakar, mungkin di Malaysia ada 100 orang nama Tuan Abu Bakar, harap pihak berkuasa ambil perhatian atas hal ini.

Selain daripada itu saya ingin menyentuh tentang bankruptcy cert. ataupun carian kebangkrapan. Bankruptcy cert. adalah sangat mustahak kepada seseorang yang meminta housing loan ataupun loan dari pihak bank. Siapa yang bukan bankrap, beliau yang akan mendapat pinjaman daripada pihak bank, siapa yang bankrap tidak akan dapat wang daripada bank – bankruptcy cert. adalah sangat mustahak terutama sekali di projek perumahan. Legal Firm di Malaysia atau syarikat lawyer di Malaysia sentiasa memohon bankruptcy cert. kepada bahagian kebangkrapan iaitu Bahagian Pemegang Harta Malaysia. Pada beberapa tahun dahulu, seseorang yang minta bankruptcy cert. mengambil masa 5 bulan ataupun 6 bulan. Jadi ramai pemohon kompelin, pihak bank kompelin lagipun Bar Council (Majlis Peguam) pun mengemukakan kompelin kepada bahagian kebangkrapan itu.

Pada tahun 1991 semasa saya menjadi Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Seremban, saya sendiri pergi jumpa pegawai Pemegang Harta Malaysia minta tolong mempercepatkan proses carian kebangkrapan dan juga satu soalan dikemukakan di Dewan Rakyat. Sesudah itu dalam tempoh 3 bulan boleh dapat bankruptcy cert., hari ini saya difahamkan adalah dari 1-2 bulan mendapat bankruptcy cert. ini adalah bertambah baik. Tetapi sekarang sudah computerised, jadi saya harap sudah improved keadaan ini, 1 minggu atau 2 minggu kalau sesiapa yang meminta bankruptcy cert. harap akan mendapat jawapan atau keputusannya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pindaan undang-undang ini adalah adil, oleh itu saya memohon menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Habsah binti Haji Osman.

7.40 ptg.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang memberi pandangan, membahaskan dan seterusnya menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Kebankrapan 1967.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti Akta ini saya berpendapat tidak banyak pindaan yang menonjol dicadangkan terhadap seksyen-seksyen yang melibatkan isu undang-undang atau lain-lain isu yang substantive yang mungkin akan menukar haluan proses pelaksanaan Akta Kebankrapan 1967. Tetapi pada keseluruhannya hanya melibatkan pindaan pengubalan dan juga isu-isu prosedur yang secara amnya tidak menjejaskan pelaksanaan Akta ini mengikut peruntukan-peruntukan akta yang asal.

Sebagai contoh, yang pertama, pindaan kepada seksyen 33. Cadangan untuk meminda seksyen 33 adalah untuk memotong seksyen 33(11) dan menggantikannya di dalam seksyen 35A yang juga dicadangkan di dalam pindaan ini. Tindakan ini adalah pengubalan semata-mata bagi tujuan untuk mengemaskinikan penyusunan seksyen di dalam Akta ini.

Contoh yang kedua, penambahan seksyen 33A dan 33B. Bagi seksyen 33A ianya memberi kuasa pertimbangan kepada Pegawai Pemegang Harta iaitu tertakluk kepada seksyen 33B untuk mengeluarkan sijil atau perakuan pelepasan kebangkrutan yang tertakluk kepada prosedur yang dinyatakan di dalam seksyen ini. Manakala bagi seksyen 33B pula ianya memberi peluang kepada kreditor untuk mengemukakan bantahan kepada Pegawai Pemegang Harta terhadap pengeluaran sijil atau perakuan pelepasan kebangkrutan seperti yang dinyatakan di dalam seksyen 33A.

Peruntukan-peruntukan yang telah saya sebutkan di atas tadi adalah peruntukan-peruntukan yang baru yang tidak wujud di dalam akta asal. Oleh yang demikian kemasukan seksyen-seksyen ini adalah sangat dialu-alukan baik di pihak kreditor mahupun sibankrap kerana ianya memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak sama ada secara langsung ataupun sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 33 iaitu perkara yang ketiga sebahagian besar peruntukan yang terkandung dalam akta asal adalah dikekalkan di dalam pindaan ini. Saya yakin implikasinya adalah minimum memandangkan pindaan ini adalah pindaan penggubalan semata-mata dan bertujuan untuk mengemaskinikan penyusunan seksyen-seksyen di dalam Akta ini. Walau bagaimanapun saya perhatikan bahawa seksyen 35(5) walaupun tiada sebarang pindaan dibuat terhadapnya, ianya saya berpendapat tidak mencerminkan prinsip keadilan terutama sekali kepada mereka yang menjadi penjamin kepada sibankrap. Apabila sibankrap dilepaskan daripada kebankrapannya, maka adalah adil bagi mereka yang menjamin sibankrap itu untuk turut serta dilepaskan daripada segala tanggungjawabnya sebagai penjamin.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu seksyen 35(5) menyatakan:

“Sebarang pelepasan kebankrapan bagi sibankrap tidak akan melepaskan liabiliti atau tanggungan seseorang selain daripada sibankrap iaitu rakan usahasama ataupun penjamin dan lain-lain daripada tanggungan asal yang menjadikan sibankrap itu bankrap”.

Ini adalah bagi saya bertentangan dengan prinsip kebenaran dan keadilan yang menjadi tulang belakang sesuatu akta itu. Oleh yang demikian saya mencadangkan agar seksyen ini digubal semula atau dipotong sama sekali bagi memansuhkan sebarang ketidakadilan yang mungkin timbul dari seksyen ini.

Tuan Yang di-Pertua, contoh yang keempat, penambahan seksyen 35A. Seksyen 33(11) di dalam akta asal yang telah dipotong kini diberi nafas baru di dalam bentuk seksyen 35A. Jika seksyen 33(11) di dalam akta asal memperuntukkan kesalahan sibankrap untuk memberi bantuan kepada Pegawai Pemegang Harta sebagai satu penghinaan kepada mahkamah, seksyen 35A menjadikan kegagalan tersebut sebagai satu kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman denda atau penjara atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali pindaan kepada seksyen 39. Pindaan ini membatalkan atau menghapuskan keperluan bagi Pegawai Pemegang Harta untuk mewartakan senarai sibankrap yang masih belum mendapat pelepasan. Saya percaya pindaan ini bertujuan untuk meletakkan tanggungjawab untuk mengenal pasti sama ada seseorang itu sudah dihakimi bankrap ataupun tidak kepada orang ramai dan bukannya kepada Pegawai Pemegang Harta yang perlu memaklumkan orang ramai melalui warta. Mereka yang ingin mengetahui status kebangkrapan seseorang itu perlu mengemukakan permohonan kepada Pegawai Pemegang Harta dan mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, dengan kata-kata itu saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno.

7.45 ptg.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana berkesempatan dan turut berpeluang membahas Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 1998. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah atas rang undang-undang yang berjaya dibentangkan dan mudah-mudahan ianya akan dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Pada pandangan ramai termasuk diri saya ianya patut telah lama dilaksanakan, al-maklum bukan rahsia setelah sekian ramai orang yang telah menjadi mangsa kebangkrapan sama ada dibankrapkan atau bankrap secara automatik. Namun dengan izin, better late than never.

Dua hal yang saya lihat dalam perbentangan Akta ini, pertama ia memberi peluang kepada mereka yang jatuh bankrap bukan kerana kesilapan sendiri tetapi sebaliknya telah mengalami kerugian dalam perniagaan atau akibat menjadi penjamin daripada pelbagai institusi kewangan dengan harapan golongan bankrap yang malang ini akan dianggap sebagai kes-kes yang menerima pelepasan. Tentu golongan bankrap

ini akan dianggap terlepas hanya setelah ia memenuhi syarat-syarat tertentu yang difikirkan patut dan perlu oleh Pegawai Pemegang Harta sekurang-kurangnya golongan yang jatuh bankrap ini masih lagi mempunyai harapan nasib mereka akan terus mendapat pembelaan.

Yang kedua, peruntukan-peruntukan yang dibentangkan banyak tertumpu kepada membebaskan seseorang bankrap dari sekatan undang-undang berikutan perintah kehakiman, perintah penerimaan yang dikeluarkan oleh mahkamah melalui pengeluaran perakuan pelepasan oleh Pegawai Pemegang Harta dan sibankrap masih bertanggungjawab membayar baki hutang mereka kepada sipemiutang sama ada hutang dengan kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri yang mana pelepasan itu boleh dikeluarkan oleh Menteri Kewangan atau Menteri Besar atau Ketua Menteri.

Sejauh manakah peruntukan ini dapat dikuatkuasakan dalam mengambil tindakan undang-undang ke atas sibankrap yang ingkar termasuk mengenakan denda, memenjarakan mereka masih boleh dipertikaikan lagi. Saya mohon penjelasan, apakah pindaan ini merupakan salah satu usaha melepaskan tokoh-tokoh korporat daripada perangkap tindakan kebangkrutan oleh para kreditor atau pemberi pinjaman? Jika itulah yang tersirat maka usaha baik ini perlu diberi penelitian secara khusus dan masih membolehkan mereka terus berniaga dan menjalani kehidupan sebagai orang atau tokoh perniagaan untuk akhirnya dapat melangsaikan hutang-hutang mereka. Kita berharap langkah menyelamatkan para peniaga yang berdepan dengan masalah kegagalan membayar balik hutang bank ini haruslah memberi keadilan kepada semua peniaga tidak kira sama ada peniaga kecil ataupun peniaga besar sama ada kecil atau besar jumlahnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapa ramaikah penggelap yang hidup mewah berniaga menggunakan nama orang lain dan bebas ke sana ke mari tanpa membayar hutang. Saya ingin tahu juga daripada pihak kerajaan berapakah jumlah orang yang dijatuhi hukuman bankrap dalam tempoh kegawatan ini kerana ramai orang

yang tidak mampu service pinjaman, baik pinjaman perumahan, perniagaan ataupun kad-kad kredit. Yang paling parah ialah orang yang sanggup menggunakan nama atas saudara-mara, sahabat-sahabatnya berakhir dengan 'kawan makan kawan dan kawan menjadi lawan', terpaksa menanggung hutang orang lain bukan sedikit para penjamin yang terperangkap kerana peminjamnya gagal membayar hutang. Ini yang patut dibantu, malangnya tidak pernah meminjam ada yang tiba-tiba tersenarai sebagai orang yang bankrap.

Akta Kebankrapan terlalu mudah menjadikan orang lain bankrap. Pihak sipemberi pinjaman atau kreditor sepatutnya meneliti dengan usul periksa, siasat dengan rapi dan pihak kredit sepatutnya tidak mengambil tindakan sewenang-wenangnya sama ada kepada orang yang meminjam sebelum pemeriksaan teliti dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah salah sebuah negeri di Malaysia yang banyak mengalami masalah kebangkrapan ini seperti yang saya sebut tadi, orang diperalatkan untuk meminjam kemudian orang yang tidak mendapat satu sen pun pinjaman tersenarai sebagai orang yang bankrap. Selain daripada itu ada juga orang yang diberitahu bahawa tanah itu hanya dipinjam sebagai contoh dan akhirnya tanah sekanggang kera, tanah pusaka nenek moyangnya menjadi masalah besar kepada orang yang tidak tahu menahu yang akhirnya menerima akibat kebangkrapan yang dilakukan oleh orang yang tidak bertanggungjawab.

